



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5459]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1993) 1993

Jawatankuasa-

Jadual:

Maksud B. 17 [Ruangan 5575]

Maksud B. 26 [Ruangan 5594]

Maksud B. 28 [Ruangan 5608]

Maksud B. 38 [Ruangan 5646]

Maksud B. 47 [Ruangan 5647]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1993 [Ruangan 5646]

Jawatankuasa-

Maksud P. 20 [Ruangan 5593]

Maksud P. 28 [Ruangan 5608]

Maksud P. 44 [Ruangan 5647]

Maksud P. 47 [Ruangan 5647]

Maksud P. 49 [Ruangan 5667]

Maksud P. 51 [Ruangan 5677]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 5645]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Expressway Shapadu - Melebarkan

- Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Klang) [Ruangan 5680]



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P., D.G.S.M. (Labis)
- " Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- " Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- " Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit)
- Yang Amat Berbahagia Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang)
- Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- " Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- " Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi)
- " Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor)
- " Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat)
- " Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P. (Pekan)

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B.S.I. (Pulai)
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah)
- " Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut)
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang. DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat)
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut)

- " Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab)
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar)
- " Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam)
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah)
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping)

- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU. P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Seiandar)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN. D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat)
- " TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan)
- " DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing)
- " TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin)
- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang)
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut)
- " DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu)
- " TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar)
- " DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus)
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- " TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa)
- " DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- " TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru)
- " TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh)
- " TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang)
- " DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu)
- " DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu)
- " TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun)
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai)
- " DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat)

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang)

- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang)
- " TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok)
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam)
- " TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar)
- " TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- " DR V. DAVID (Puchong)
- " TUAN FONG KUI LUN (Klang)
- " TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah)
- " TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau)
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera)
- " TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh)
- " TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai)
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah)
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani)
- " LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu)
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu)
- " TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar)
- " DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARIIS, D.I.M.P. (Rompin)
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu)
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit)
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau)
- " TUAN KANG CHOW OH (Kluang)
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong)
- " TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji)
- " DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya)
- " TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan)
- " TUAN LAU DAK KEE (Ipoh)

Yang Berhormat TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu)

- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh)
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka)
- " TUAN LIM HOCK SENG (Bagan)
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong)
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai)
- " DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut)
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam)
- " DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud)
- " DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang)
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan)
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas)
- " DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran)
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri)
- " TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai)
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru)
- " DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah)
- " DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang)
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam)
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- " DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran)
- " TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit)
- " DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun)
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis)
- " TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan)
- " DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu)
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau)
- " TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor)
- " DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading)
- " DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal)
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- " TUAN RADIN MALLEH (Padas)

Yang Berhormat PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam)

- " Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian)
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong)
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong)
- " TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang)
- " DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang)
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau)
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching)
- " PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)
- " TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas)
- " TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan)
- " DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman)
- " TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi)
- " DR TAN SENG GIAW (Kepong)
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau)
- " TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong)
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar)
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar)
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat)
- " WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh)
- " TUAN WEE CHCO KEONG (Bukit Bintang)
- " DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu)
- " TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang)
- " TUAN WONG WING ON (Kampar)
- " TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai)
- " TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru)
- " TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau)
- " TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban)
- " TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, A.M.N., P.J.K.,
A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong, Setiausaha: Haji Tajjadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

(b) Semua rancangan-rancangan yang disiarkan melalui televisyen telah ditapis oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) mengikut garis-panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri, dan tidak ada adegan-adegan porno atau seks dilepaskan atau terkecuali daripada tapisan. Semua adegan-adegan berunsur seks disenaraikan untuk potongan. Oleh kerana Penapisan Lembaga Penapis Filem adalah dibuat secara manual adalah berkemungkinan beberapa adegan yang disebutkan terlepas. Bagi RTM semua siarannya ditapis semula sebelum disiarkan.

(c) Ahli-Ahli Lembaga Penapis Filem dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan terdiri daripada mereka-mereka yang memenuhi kriteria seperti berikut:

- (i) dihormati kerana mempunyai nilai-nilai etika dan moral yang tinggi;
- (ii) mahir dalam bahasa ibunda dan sekurang-kurangnya satu bahasa yang lain;
- (iii) mempunyai kesihatan yang baik terutama penglihatan dan pendengaran;
- (iv) mempunyai pengalaman-pengalaman yang bersangkutan:
 - (a) keselamatan;
 - (b) pendidikan;
 - (c) kemasyarakatan;

(d) kebudayaan; dan

(e) pengetahuan mendalam agama-agama tertentu.

Buat masa ini Kerajaan tidak berhasrat untuk membuat rombakan anggota-anggota Lembaga Penapis Filem kerana sistem lantikan yang sedia ada adalah memuaskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bilangan anggota LPF yang ada sekarang dan juga bilangan filem yang ditapis tiap-tiap tahun dan pada tahun yang lepas misalnya berapa bilangan yang ditolak? Adakah LPF ini juga bertanggungjawab untuk video kerana setahu kita yang lebih dahsyat, yang lebih bahaya ialah video-video yang dimasukkan ke negara ini dan kerana LPF fungsinya begitu terhad, bilangannya tidak cukup, maka kita pun tidak tahu bilangan video yang tidak ditayangkan di dalam rumah-rumah yang tidak diketahui oleh umum dan kebanyakannya mungkin mempunyai adegan yang lebih lucu daripada yang ditayangkan di televisyen. Soalannya apakah tindakan yang akan diambil dan telah pun diambil untuk mencegah daripada berlakunya video-video lucu ditayangkan di isi-isi rumah di negara ini?

Tuan Railey bin Haji Jaffery: Tuan Yang di-Pertua, bilangan anggota Lembaga Penapis Filem yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah seramai 34 orang – tidak payahlah saya bacakan namanya – tetapi untuk filem-filem yang diluluskan atau yang dipotong, saya cuma ada angka bagi tahun 1990 bagi RTM sahaja iaitu:

| <i>Rancangan</i> | | <i>Bilangan</i> | |
|------------------------------|---|-----------------|-------------------------------------------------------|
| Diluluskan tanpa potongan | - | 777 | (51% daripada jumlah rancangan pada tahun 1990) |
| Lulus dengan potongan | - | 609 | |
| Diharamkan | - | 126 | |
| | | <hr/> | |
| Jumlah | | 1512 | |
| | | <hr/> | |

Sememangnya tugas Lembaga Penapis Filem ialah untuk menapis bukan sahaja filem tetapi juga video. Dan sepertimana yang pernah kita dengar daripada masa ke semasa serbuan-serbuan dilakukan kepada kedai-kedai video yang didapati menayangkan ataupun menjual video haram merupakan satu daripada usaha untuk membanteras kegiatan kemasukan video haram ataupun rancangan-rancangan yang tidak bertapis.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa RTM sendiri ada ahli-ahli Lembaga Penapis untuk penapisan. Tetapi saya dapati beberapa filem yang datangnya dari Hollywood yang mana masih lagi wujud perkataan-perkataan lucu, bukan dari segi sebutan literal tetapi sebutan di dalam kiasan dan bahasa colloquial dan ini kemungkinan tidak difahami oleh ahli-ahli lembaga ini. Apakah RTM akan melantik orang-orang yang bukan sahaja tahu bahasa Inggeris tetapi tahu budaya Amerika, budaya Hollywood yang menggunakan bahasa-bahasa colloquial dan bahasa-bahasa kiasan yang cukup lucu yang hanya difahami oleh orang-orang yang duduk lama di Amerika yang biasa mengetahui budaya di Amerika. Bahasa ini terlalu lucu sehingga boleh dikatakan 'kelasi pun boleh blush' atau 'the sailor will also blush'.

Kedua, adakah pihak RTM bersetuju dengan saya bahawa jikalau sesuatu filem itu melebihi dua tiga potongan yang perlu dipotong, tidaklah perlu ditayangkan kerana jikalau ditayangkan terus, penonton akan menjadi keliru kerana jalan ceritanya habis rosak dan selain mendapat entertainment dia mendapat frustration yang tinggi.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, memang benar selain daripada penapis filem, RTM juga mempunyai satu jawatankuasa yang melakukan penapisan sekali lagi ke atas sebarang filem yang akan ditayangkan melalui RTM. Mereka yang dipilih adalah merupakan pilihan dalam RTM sendiri yang dianggap pada masa kini orang-orang yang pakar berkenaan dengan bahasa Inggeris ataupun bahasa lain yang agak absurd ataupun keterlaluan. Boleh jadi ada kebenarannya bahawa bahasa-bahasa Inggeris yang lebih mendalam yang merupakan satu elemen lucu yang tidak difahami oleh ahli-ahli yang dilantik sebagai Jawatankuasa Penapis ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Padang Terap kerana memberi peluang kepada kami untuk melihat daripada segi ini dengan lebih mendalam lagi untuk membetulkan keadaan.

Kedua, berhubung dengan penapisan filem ataupun pemotongan-pemotongan adegan yang boleh merosakkan filem. Ini sudah tentu, jika sekiranya sesuatu filem yang dianggap lucu ataupun banyak keganasan yang perlu dicensor atau dipotong sehingga merosakkan filem itu sendiri, ianya tidak payah ditayangkan. Sudah pasti ia akan menimbulkan frustration kepada para penonton kerana adegan-adegan yang sepatutnya wujud sudah tidak wujud lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya ingatkan di sini bahawa tidak semua ataupun jarang-jarang sekali perkara ini dilakukan kerana filem berkenaan sama ada ianya diterima dengan tapisan yang boleh diterima dari segi penapisan atau ditolak sama sekali. Pada dasarnya kebanyakan filem-filem diterima dengan tapisan dan juga tapisan itu boleh diterima dengan tidak menimbulkan frustration.

**PENSYARAH KURSUS
PENGAJIAN CINA DI SARAWAK
— KEKURANGAN**

2. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada dia sedar bahawa hanya terdapat 3 orang pensyarah bagi 3 buah kelas latihan guru SRB Cina di Maktab Perguruan Tanjung Lobang di Miri. Menurut tindak balas yang saya terima, Pengetua bagi Maktab tersebut mungkin terpaksa membatalkan 2 kelas kerana kekurangan pensyarah. Jika ini berlaku, masalah kekurangan guru SRB Cina di Sarawak akan bertambah serius.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 4 orang pensyarah Kursus Pengajian Cina di Maktab Perguruan Sarawak, Miri. Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa bilangan pensyarah ini adalah lebih daripada mencukupi dalam mengendalikan kursus Bahasa Cina kerana pensyarah-pensyarah ini hanya mengajar mata pelajaran Bahasa Cina sahaja. Manakala mata pelajaran-mata pelajaran yang lain diajar oleh pensyarah-pensyarah yang ada di maktab tersebut seperti mata pelajaran Pendidikan Jasmani, Pendidikan Moral dan sebagainya kepada guru-guru pelatih berkenaan. Oleh itu soal untuk membatalkan 2 kelas Pengajian Cina di maktab tersebut tidak timbul.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan jangka masa yang spesifik berlaku masalah kekurangan guru khususnya di dalam SRB Cina dapat diselesaikan kerana masalah ini telah beberapa kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi tidak pernah mendapat jawapan yang positif.

Kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan merancang untuk mengambil pelajar-pelajar lulusan dari Senior Middle Three dari sekolah-sekolah menengah swasta Cina untuk dilatih sebagai guru Bahasa Cina, tambahan pula Kabinet telah pun mengiktiraf lulusan perubatan dari universiti-universiti Taiwan. Sekian.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sibunya, Kementerian Pendidikan mulai tahun ini telah melaksanakan, satu action plan, dengan izin, untuk mengatasi kekurangan guru-guru di sekolah menengah dan di sekolah rendah. Berdasarkan kepada action plan tersebut, mulai tahun ini Kementerian telah menambah dua kali ganda bilangan calon-calon yang memasuki maktab perguruan supaya dalam satu masa yang singkat kita boleh mengatasi masalah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebagai langkah-langkah temporary, dengan izin, kita megisikan kekosongan jawatan guru-guru tersebut dengan guru-guru sandaran dan kita juga telah melonggarkan syarat-syarat untuk calon-calon menjadi guru sandaran. Kita harap dengan adanya galakan-galakan seperti tersebut, Kementerian Pendidikan boleh mengatasi masalah kekurangan guru-guru itu dalam satu masa yang amat singkat.

Tentang kelulusan Senior Middle Three tersebut, oleh kerana pada masa sekarang kita ada cukup calon-calon yang mempunyai SPM dengan 5 kredit termasuklah kredit dalam mata pelajaran yang berkenaan, maka untuk mengiktiraf kelulusan Senior Middle Three untuk memasuki maktab perguruan adalah tidak timbul.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood.

[Soalan No. 3 — Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood tidak hadir]

**KESESAKAN LALU LINTAS DI
KUALA LUMPUR —
RANCANGAN UNTUK
MENGATASI MASALAH**

4. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kemajuan yang dicapai setakat ini dalam rancangan 4 perkara yang berikut dalam menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas dalam Kuala Lumpur yang mana beliau sendiri umumkan pada Januari tahun ini;
 - (i) sistem landasan berkembar keretapi;
 - (ii) transit laju ringan;
 - (iii) monorel;
 - (iv) penggabungan semua syarikat bas;
- (b) sama ada rancangan kongsi kenderaan (car-pool) akan dilaksanakan dalam Kuala

Lumpur dan bagaimanakah rancangan ini dijalankan;

- (c) sebab-sebab mengapa keretapi bawah tanah tidak sesuai bagi Kuala Lumpur dan anggaran kos dan halangan teknikal yang dihadapi jika keretapi bawah tanah diperkenalkan di Kuala Lumpur; dan
- (d) apakah kesan ke atas lalu lintas Kuala Lumpur dengan siapnya beberapa projek raksasa seperti Kuala Lumpur City Centre, Plaza Rakyat, Menara Budaya, Dataran Merdeka dan Menara Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kemajuan melaksanakan 4 rancangan yang dibangkitkan itu adalah seperti berikut:
 - (i) **Sistem Landasan Berkembar Keretapi**
Projek Landasan Berkembar ini sedang dilaksanakan oleh KTM Berhad dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 1995 dengan dua laluan yang menyambungi Rawang ke Seremban melalui Pusat Bandar dan dari Sentul ke Port Klang.
 - (ii) **Sistem Transit Laju Ringan (LRT)**
Pada tahun 1991, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan Fasa Pertama Sistem LRT sepanjang 12 km. dari Ampang ke Pusat Bandar secara

penswastaan sepenuhnya oleh syarikat STAR Sdn. Bhd. Konsesi bagi fee pertama ini telah pun ditandatangani pada Disember 1992 di antara Kementerian Pengangkutan dan Syarikat STAR Sdn. Bhd. Pembinaan laluan LRT fasa pertama ini dijangka bermula pada bulan Ogos tahun ini dengan anggaran kos berjumlah RM1.2 ribu juta. Selain daripada fasa pertama, pihak Kerajaan sedang menyediakan cadangan pelaksanaan fasa-fasa lain dalam rangkaian laluan sistem LRT seperti berikut:

— Dari Petaling Jaya ke Gombak melalui Pusat Bandar — 28 kilometer.

— Dari Jalan Loke Yew (Taman Miharja) ke Bukit Jalil — 14 kilometer.

— Dari Pusat Bandar (Jalan Sultan Ismail) ke Kepong — 16 kilometer.

— Dari Jalan Loke Yew (Taman Miharja) ke Cheras — 5 kilometer.

Kerajaan masih mengkaji cadangan pelaksanaan sistem monorel yang diterima dari beberapa buah syarikat. Fasa I yang dicadangkan sepanjang 13.5 kilometer akan menghubungkan Terminal Bas Jalan Tun Razak—Pasar Budaya—Puduraya—Bukit Bintang.

(iv) Penggabungan Semua Syarikat Bas

Kerajaan telah memutuskan bahawa sistem perkhidmatan bas sedia ada perlu disusun semula

melalui penggabungan syarikat-syarikat bas dan penyusunan semula struktur laluan bas untuk mewujudkan satu sistem perkhidmatan bas yang efisien dan menyeluruh. Penggabungan syarikat-syarikat bas ini telah dipersetujui oleh syarikat-syarikat yang terbabit dan Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah perlu ke arah melaksanakan penggabungan ini.

- (b) Program perkongsian kereta adalah dirancang bagi Kuala Lumpur. Ia akan dimulakan dengan mengadakan kempen bagi mendidik dan menyedarkan orang ramai tentang kebaikan dan faedah-faedah yang akan diperolehi daripada perkongsian kereta ini. Kempen ini dilaksanakan melalui pelbagai media seperti radio, televisyen, billboard, poster dan suratkhabar.

Untuk melicinkan pelaksanaan perkongsian kereta ini, satu projek printis yang melibatkan beberapa jalan tertentu untuk dijadikan sebagai jalan bagi kenderaan berpenumpang ramai atau lebih dikenali sebagai "High Occupancy Vehicles" pada waktu-waktu kemuncak (peak hours) akan dilakukan.

- (c) Sistem Keretapi Bawah Tanah boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, terdapat halangan-halangan teknikal yang berikut untuk melaksanakannya:

- (i) Kos pembinaan yang tinggi di mana kos pembinaan sistem keretapi bawah tanah adalah 10 kali lebih tinggi daripada kos pembinaan "at-grade";

- (ii) Gangguan aliran lalu lintas semasa pembinaan.
- (d) Antara kesan dari pelaksanaan beberapa projek raksasa seperti Kuala Lumpur City Centre, Plaza Rakyat, Menara Budaya dan lain-lain ke atas lalu lintas Kuala Lumpur, ialah pertambahan pergerakan trafik ke kawasan tersebut. Infrastruktur jalan di kawasan terlibat yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung permintaan pengangkutan yang akan ditambah akibat pembangunan projek tersebut. Cadangan-cadangan melebarkan jalan, peningkatan aliran trafik dan pelaksanaan mod pengangkutan moden seperti Sistem Transit Laju Ringan dan Monorel serta peningkatan perkhidmatan bas adalah merupakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menampung pertambahan lalu lintas ini.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, soalan perancangan bandar. Sebagaimana yang kita tahu, Kuala Lumpur sekarang telah hampir ke tahap yang kita dapati di bandar-bandar macam Bangkok dan bandar-bandar besar yang lain, yang mana kesesakan lalu lintas yang amat sangat.

Jadi, soalan saya ialah, adakah penyelarasan dibuat oleh pihak Kementerian di dalam membangunkan bandar-bandar lain, bukan bandar Kuala Lumpur, macam di bandar Kuching, Miri, Johor Bahru ataupun Ipoh dan sebagainya supaya pada peringkat ini kita tidak akan dipersalahkan oleh generasi yang akan datang membuat satu rancangan yang tidak baik.

Soalan saya, adakah garis panduan yang dibuat kepada pihak Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Tempatan Negeri ini alternatif traffic route dibuat ataupun satu solution dibuat di masa-masa yang akan datang.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan bandar-bandar lain adalah dalam proses biasa pada ketika ini. Memang ada perancangan yang dibuat oleh Kerajaan menerusi Kerajaan-kerajaan Negeri. Kita harap bahawa pembangunan ini grafnya akan lebih pesat di masa yang akan datang.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kemungkinan rancangan di bawah butiran soalan asal (a) (i) (ii) (iii) dan (iv) akan mengambil masa yang agak panjang. Oleh yang demikian, buat masa ini, adakah kajian dibuat secara mendalam supaya seperti di negara Barat ataupun di negara-negara maju sekian-sekian hari beberapa batang jalan yang sibuk ditutup ataupun jika kena masuk mungkin dikenakan pembayaran tol?

Dan yang kedua, memang kongsi kenderaan, satu konsep yang cukup baik, tetapi adakah alternatif lain, jika kongsi kenderaan ini tidak begitu berkesan. Adakah alternatif lain jika ini tidak berkesan atau rancangan ini gagal?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada kajian-kajian inilah, dengan tekanan lalu lintas yang begitu pesat, Kerajaan mengambil keputusan untuk mengadakan keempat-empat sistem ini.

Kemudian alternatif lain, dahulu memanglah ada cadangan untuk

mengadakan restricted zone di Kuala Lumpur tetapi cadangan itu tidak dapat direalisasikan. Tetapi, apabil keempat-empat sistem ini dapat kita buat di bandar Kuala Lumpur, kita yakin kesesakan lalu lintas yang begitu ketara sekarang ini akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

[Soalan No. 5 — Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir]

PERMIT BAS EKSPRES — SALAHGUNA

6. Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapa banyak permit Bas Perjalanan Terus (Ekspres) telah dikeluarkan kepada berapa banyak syarikat dan untuk berapa banyak laluan sehingga tahun 1993; dan
- (b) sama ada pihaknya sedar bahawa sebahagian besar permit tersebut telah dikumpulkan oleh beberapa pengusaha tertentu di bawah kendalian syarikat pengurusan perkhidmatan ekspres tertentu. Adakah Kerajaan bersedia untuk menubuhkan ataupun menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat induk pengurusan ekspres bagi mengendalikan permit-permit tersebut supaya memastikan matlamat asal permit dikeluarkan tercapai.

Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jumlah terkumpul lesen bas ekspres yang dikeluarkan sehingga Jun 1993 ialah 2,939 untuk 490 laluan kepada 192 syarikat;

(b) Kementerian Perusahaan Awam sememangnya sedar, bahawa sebahagian besar permit tersebut telah dikumpulkan oleh beberapa pengusaha tertentu, di bawah kendalian syarikat pengurusan perkhidmatan ekspres tertentu. Tindakan mengesan kepada pemegang lesen yang berbuat demikian sedang diambil oleh Lembaga Pelesenan Perdagangan di Semenanjung Malaysia. Jika permit tersebut dibuktikan bertukar milik, LPKP boleh membatalkan permit terbabit di bawah peruntukan Seksyen 25 Akta LPKP 1987.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Awam sememangnya menggalakkan penggabungan syarikat-syarikat induk bagi mengusahakan lesen-lesen yang diluluskan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan menjamin daya maju syarikat-syarikat tersebut sendiri.

SISTEM KERJA — KEBERKESANAN

7. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah apa-apa cara lain yang berkesan untuk menghindari pesalah-pesalah lalu lintas mengulangi kesalahan mereka selain daripada menambah lagi jumlah denda kerana terdapat pada masa ini orang-orang berduit seperti peniaga, usahawan dan tauke yang kerap kali melakukan kesalahan lalu lintas seperti meletak

kereta di tempat yang dilarang meletak kereta, walaupun mereka kena denda kerana kesalahan tetapi mampu membayar denda kerana pada mereka urusan mereka adalah lebih penting daripada mematuhi undang-undang lalu lintas.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini mekanisme yang digunakan untuk menghalang pesalah-pesalah lalu lintas daripada mengulangi semula kesalahan ialah dengan tindakan menggantung lesen memandu mereka yang terlibat. Ianya dilakukan melalui pengumpulan mata kesalahan di bawah Sistem KEJARA iaitu sehingga 20 mata. Penggantungan lesen memandu adalah bagi tempoh selama tiga bulan bagi kali pertama dan enam bulan bagi kali kedua serta enam bulan bagi kali ketiga dan perlu menghadiri kursus pemulihan pemanduan.

Kajian-kajian yang lebih terperinci mengenai prinsip-prinsip hukuman dan denda bagi kesalahan-kesalahan lalu lintas yang merupakan cross-eye criminal, dengan izin, perlulah diadakan sebelum hukuman atau denda-denda dipertingkatkan lagi.

Pada masa ini belum lagi terdapat mana-mana pemandu yang perlu menghadiri kursus pemulihan pemanduan.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan memang tempat letak kereta ini kurang, mungkin kalau ada kajian-kajian, apakah Kementerian menetapkan berapa peratus agaknya tempat letak kereta yang perlu diadakan mengikut kereta-kereta yang

ada terutama di dalam bandar-bandar dan Wilayah Persekutuan? Memandangkan masalah ini terus berlaku dan ramai pemandu yang tidak kirakan undang-undang terus melanggar undang-undang dengan meletak di mana sahaja kereta ikut mereka suka, perkara ini agak sukar untuk diatasi, tetapi apakah secara jangka panjang mengelakkan banyak kereta bertumpu dalam pekan. Adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan road tax hujung minggu sepertimana negara-negara yang telah maju seperti Jepun dan Singapura juga?

Datin Paduka Hajah Zaleha bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, bilangan tempat meletak kereta ini ialah di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan. Misalnya di Kuala Lumpur ialah di bawah Dewan Bandaraya. Namun begitu, memang denda boleh dikenakan kepada yang melakukan kesalahan meletak kenderaan di tempat yang dilarang, iaitu RM500 di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Kesalahan-kesalahan seperti ini juga boleh dikompaun dengan amaun tidak melebihi RM300 di bawah Akta yang sama.

Mengenai road tax hujung minggu, rasa saya oleh kenderaan awam kita belum lagi begitu canggih, belum lagi dapat memenuhi keperluan-keperluan orang ramai, mungkin kita belum boleh mengadakannya. Dan satu cara yang kita hendak laksanakan, itulah sebabnya kita mencadangkan sistem 'car-pooling'. Dan dengan car pooling ini kurang bilangan kenderaan yang akan masuk ke Dewan Bandaraya. Dan dengan itu, dapat menjimatkan masa.

Mengikut kajian yang telah dilaksanakan, tiap-tiap seorang yang terlibat dalam trafik jam, kesesakan lalulintas ini, ia kehilangan 45 minit satu

trip. Bererti sekali hendak pergi kerja 45 minit hilang, balik nanti pun 45 minit. Ini menunjukkan kehilangan masa, kehilangan pendapatan dan kehilangan produktiviti. Jadi, dengan sistem car-pooling ini kita akan dapat mengurangkan kesesakan di jalan raya dan di dalam bandar.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kadar denda yang akan dikenakan kepada pesalah-pesalah yang tidak mematuhi syarat-syarat sistem car-pooling ini apabila beberapa jalan di Bandaraya Kuala Lumpur akan dilarang kereta-kereta yang tidak mencukupi penumpang. Berapakah jalan sebenarnya yang akan dijalankan di Kuala Lumpur ini?

Yang kedua, mengenai kempen car-pooling ini, konsepnya amat baiklah, tetapi berniat jahat oleh Kerajaan. Niat jahat kerana selama ini masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur bukanlah disebabkan oleh pemandu-pemandu kereta atau peningkatan jumlah kenderaan, tetapi oleh sebab kegagalan Kerajaan untuk meningkatkan lalu lintas dan memperbaiki prestasi pengangkutan awam di Bandaraya. Ini menunjukkan satu Kementerian yang paling tidak bertanggungjawab dan tidak berkesan. Soalan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri jua bersetuju dengan Menteri Pengangkutan, satu cadangan yang paling bodoh oleh beliau bahawa untuk mengurangkan jumlah bilangan kereta-kereta memasuki bandaraya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sekejap, point of order?

Tuan Tan Kok Wai: Saya tahu 36(6).

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Point of Order. Perkataan 'bodoh' unparliamentary, Tuan Yang di-Pertua. Perkataan 'bodoh' tidak boleh digunakan di dalam Dewan. Saya ada senarai di sini.

Tuan Tan Kok Wai: Ini pandangan bodoh, bukan Menteri bodoh.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Perkataan 'bodoh' tidak boleh dikeluarkan.

Tuan Tan Kok Wai: Tidak bertentangan dengan Standing Order.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Perkataan 'bodoh' tidak boleh guna dalam Dewan ini.

Tuan Tan Kok Wai: Saya tetap betul.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Mana awak betul, awak bodoh! Duduklah, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, teruskan, pendekkan soalan.

Tuan Tan Kok Wai: Duduklah, duduk. Di mana saya sekarang, [Ketawa] Kempen ini dilancarkan bagi mengelakkan kritik orang awam terhadap kegagalan Kerajaan. Ini kenyataan benar. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya bahawa cadangan yang bodoh oleh Menteri Pengangkutan ini bahawa untuk mengurangkan kereta memasuki Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada satu hari nanti atau masa depan pertambahan bangunan-bangunan

yang baru dibina di Kuala Lumpur, kemudahan letak kereta akan dikurangkan, caj letak kereta pun dan dinaikkan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan cadangan yang bodoh, Menteri Pengangkutan itu.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Itu hak saya. Yang Berhormat tak boleh tanya. [Ketawa] Kadar denda pesalah yang tidak memuatkan penumpang yang cukup dalam kereta dan 23 jalan itu belum lagi dikenalpasti dan diumumkan. Jadi, belumlah timbul, dan saya mengatakan bahawa Yang Berhormat sendiri mempunyai jahat – berniat jahat hendak memburuk-burukkan Kerajaan. Kita mencuba berbagai-bagai cara, dan Yang Berhormat sendiri tahu dan Dewan ini sendiri tahu bahawa manusia ini bukannya mudah hendak ditukar sikap dan perangainya. Memang susah hendak ubah sikap dan perangai walaupun hingga ianya membawa maut. Contohnya keselamatan jalan raya. Ini salah satu cara, dan kita tidak mewajibkan memaksa tiap-tiap orang berbuat demikian. Yang paling minimum, yang perlu dibawa ialah seorang penumpang. Itu konsep car-pooling. Seorang pemandu dan seorang penumpang. Saya sudah pun jelaskan semalam. Kerajaan juga cuba meningkatkan perkhidmatan kenderaan awam di Kuala Lumpur khususnya, dengan mengadakan amalgamation syarikat-syarikat yang ada. Dan ini pun bukan mudah hendak dilaksanakan kerana ramai, bukan seorang dua, bukan mudah hendak dilaksanakan.

Di samping itu, Kerajaan juga melaksanakan projek-projek tertentu LRT misalnya, sudah pun dimulakan. Jadi, kalaulah agaknya DAP jadi Kerajaan, dalam satu tahun boleh buat semua? [Ketawa]

PENGGALAN TENTERA DI SABAH — STRATEGI PENEMPATAN

8. Tuan Joseph Voon Shin Choi minta Menteri Pertahanan menyatakan kenapakah pengkalan-pengkalan tentera di Sabah kesemua terletak di Pantai Barat Sabah dan bukan di Pantai Timur, Lahat Datu dan Sandakan. Apakah Kerajaan tidak prihatin tentang ancaman penceroboh negara yang datangnya dari arah selatan dan dari arah utara dan arah timur Sabah. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan rakyat dari Sabah untuk menganggotai angkatan tentera.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan pengkalan tentera di Sabah ditumpu di kawasan Pantai Barat Sabah berasaskan ianya adalah kawasan strategik bagi membanteras ancaman komunis. Sungguhpun demikian, infrastruktur pengkalan sedia ada itu boleh digunakan bagi menghadapi sebarang rupa bentuk ancaman dari setiap arah. Dewasa ini program membina pengkalan baru untuk TLDM di Kota Kinabalu sedang dipergiatkan. Manakala usaha untuk mempertingkatkan fasiliti Lapangan Terbang Sandakan untuk dijadikan forward operating base untuk pesawat-pesawat TUDM sedang dalam kajian. Adalah tidak benar Kerajaan tidak prihatin terhadap arah ancaman yang bakal dihadapinya.

Selain daripada penempatan anggota keselamatan di seluruh pelosok Sabah dan Sarawak, operasi-operasi darat, laut dan udara sentiasa dijalankan.

Pada waktu ini anggota Tentera Darat menjalankan dua operasi di pulau-pulau dan persisiran pantai Sabah. Di

kawasan maritim Sabah, Sarawak pula, pihak TLDM dan TUDM masing-masing menjalankan dua operasi yang saling bantu-membantu bagi mengekalkan pertahanan dan kedaulatan negara. Tumpuan operasi-operasi ini adalah kepada tugas pengawasan dan pengesanan di darat, laut dan udara.

Usaha-usaha pengambilan anggota baru memasuki ATM yang sedia ada akan terus dilaksanakan ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu, beberapa program galakan untuk penyertaan rakyat sebagai anggota pasukan simpanan angkatan tentera sedang dilaksanakan. Dalam program ini, insentif, bonus serta galakan akan dipertingkatkan lagi.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Negeri Sabah mempunyai persisiran pantai yang panjang sejauh 1,577 km. Apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini dan apakah masalah-masalah yang lain yang dihadapi oleh Kementerian Pertahanan untuk mengatasi pencerobohan dan serangan lanun-lanun yang sering berlaku?

Kedua, oleh kerana Kementerian Dalam Negeri juga bertanggungjawab atas masalah ini, adakah perbincangan yang khusus diadakan untuk memudahkan lagi pambanteras kegiatan-kegiatan yang tidak diingini. Terima kasih.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa kawasan perairan Sabah ini adalah terlalu luas, maka dengan itu ianya adalah terdedah kepada ancaman musuh. Namun begitu, untuk makluman Yang Berhormat, pambanteras ancaman lanun ini adalah di dalam bidang Kementerian Dalam Negeri, iaitu

di bawah Pasukan Polis. Kedudukan ATM, sama ada udara, darat dan juga laut adalah membantu pihak Polis untuk membanteras lanun. Pengawasan kita atau bidang kuasa kita ialah bila ancaman itu datang dari luar untuk meruntuhkan keamanan negara atau mengancam keselamatan negara ataupun untuk mengambil alih negara kita, tetapi ancaman dari lanun ini ditakrifkan sebagai ancaman dalam negeri yang mana ianya adalah terletak di dalam bidangkuasa Polis. Namun begitu, seberapa dapat yang mungkin kita akan dan telah pun berusaha untuk membantu Pasukan Polis dalam membanteras ancaman lanun ini.

SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) — PEMBERIAN KEMUDAHAN OLEH AMERIKA SYARIKAT

9. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh manakah Malaysia dapat mempertahankan kemudahan Sistem Keutamaan Am (GSP) yang diberi oleh Amerika Syarikat, dan apakah syarat-syarat yang ditetapkan dalam GSP yang boleh mengancam perdagangan Malaysia dan adakah tanpa GSP (Amerika Syarikat) Malaysia tiada alternatif yang lain.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, pemberian Sistem Keutamaan Am (GSP) oleh negara-negara maju adalah secara 'unilateral', iaitu tanpa sebarang obligasi timbal balik yang dikenakan ke atas negara penerima. Walau bagaimanapun, menurut skim GSP Amerika Syarikat, negara-negara penerima boleh dikeluarkan dari senarai penerima skim GSP sekiranya Keluaran Negara Kasar perkapita negara tersebut melampui tahap

US\$8,500. Pada praktisnya terdapat juga negara-negara yang tahap KNK perkapita lebih rendah telah dikeluarkan dari senarai tersebut.

Selain dari itu, menurut Akta Perdagangan Amerika Syarikat, sesebuah negara penerima GSP boleh juga dikeluarkan dari senarai penerima jika pada pandangannya negara yang terlibat telah mengamalkan perdagangan tidak adil, melanggar atau tidak memelihara hakcipta dan melanggar hak asasi manusia atau hak pekerja.

Barang-barang yang layak mendapat kemudahan GSP Amerika Syarikat pula akan dikeluarkan dari senarai yang layak sekiranya jumlah eksport barangan tersebut melampaui tahap pertandingan yang diperlukan (Competitive Need Limit) di mana nilai barang yang dieksport ke Amerika Syarikat bagi satu-satu tahun kalendar adalah melebihi 50% dari jumlah import Amerika Syarikat bagi barangan berkenaan, atau melebihi jumlah yang ditentukan bagi negara tersebut. Bagi tahun 1993, paras Competitive Need Limit yang ditetapkan kepada Malaysia bagi sesuatu eksport di bawah GSP adalah sebanyak US\$101 juta.

Pada masa ini terdapat petisyen daripada American Federation of Labour and Congress of Industrial Organisation (AFL-CIO) untuk mengeluarkan Malaysia dari senarai negara penerima skim GSP Amerika Syarikat, dengan mendakwa kurangnya perlindungan hak-hak pekerja di Malaysia. Kerajaan Malaysia telah pun mengemukakan maklumat-maklumat untuk menyangkal dakwaan-dakwaan tersebut dan menjelaskan kedudukan sebenar berhubung dengan perusahaan di Malaysia bagi tujuan mengekalkan keistimewaan GSP Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah eksport Malaysia di bawah Sistem Keutamaan Am (GSP) adalah merupakan 14% daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia bagi tahun 1992. Eksport di bawah skim GSP Amerika Syarikat pula berjumlah RM4,640.36 juta dan ini merupakan 24% dari jumlah eksport Malaysia ke Amerika Syarikat bagi tahun tersebut. Bagi suku tahun pertama 1993, jumlah eksport di bawah skim GSP Amerika Syarikat berjumlah RM1,041.88 juta. Ini bermakna skim GSP Amerika Syarikat adalah penting di dalam perkembangan eksport Malaysia. Malaysia akan terus menggunakan skim tersebut selagi masih layak sebagai negara penerima.

Sistem Keutamaan Am, walau bagaimanapun, bukanlah merupakan satu keistimewaan berkekalan. Pengeksport-pengeksport Malaysia telah dinasihatkan supaya bersedia di pasaran antarabangsa dengan menggunakan teknologi baru bagi mengurangkan kos pengeluaran serta meningkatkan mutu keluaran barangan mereka.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri tadi, bahawa GSP ini merupakan satu sistem sementara atau sistem pinjaman-pinjaman sahaja dan ia memainkan peranan penting di dalam eksport Malaysia. Sebagaimana yang disebutkan lebih daripada 14% daripada eksport kita adalah diserapkan oleh GSP ini.

Jadi, sebagaimana yang disebutkan tadi bahawa kita tidak boleh selamanya bergantung kepada skim GSP, jadi, saya ingin tahu bagaimana negara-negara yang telah dimansuhkan GSP

mereka seperti Singapura, dapat menembusi pasaran Amerika, sedangkan kos buruhnya jauh lebih tinggi daripada Malaysia.

Jadi, apakah saranan Kerajaan dan apakah program Kerajaan di masa hadapan supaya industri-industri kita tidak perlu dimanjakan dengan skim-skim seperti ini, semoga mereka lebih kompetitif dan dapat menembusi mana-mana pasaran antarabangsa?

Tuan Chui Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat dari Machang, kita sedar bahawa skim yang saya sebutkan tadi adalah satu skim keistimewaan yang sementara sahaja. Buat sementara ini MITI telah menggalakkan pihak swasta, khususnya daripada sektor perkilangan untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti mereka agar mereka akan mengeluarkan barang-barang dengan kualiti mutu yang tinggi dan dengan kos yang lebih rendah, umpamanya pada masa kini, benang getah dan sarung tangan getah – dahulu kita menikmati GSP daripada Amerika Syarikat, tetapi kedua-dua perdagangan ini telah ditarik balik oleh kerana kita terlalu kompetitif iaitu sudah melampaui Competitive Need Level seperti yang saya katakan tadi.

Oleh kerana itu keistimewaan dari segi cukai telah ditarik balik, tetapi cukai untuk Amerika Syarikat hanya 4.5% dan industri rubber glove dan benang getah kini masih lagi mengekalkan kompetitif mereka kerana mereka mempunyai kualiti dan produktiviti yang pada masa ini dapat menembusi pasaran Amerika Syarikat.

Kita sudah menggalakkan mereka melalui galakan insentif yang diberikan melalui pinjaman-pinjaman dengan faedah yang rendah untuk mengubah corak keperluan mereka daripada lebih

labour insentive kepada yang menggunakan teknologi yang lebih tinggi dan menggunakan jentera-jentera yang lebih baik dan lebih canggih. Jadi, dengan itu kita berharap kita boleh mengatasi masalah ini bila masanya sudah sampai, iaitu bila Sistem GSP ditarik balik.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, sudah menjadi satu “ritual” bahawa tiap-tiap tahun bila masa kemudahan GSP dipertimbangkan di Amerika Syarikat, reputasi negara kita, Malaysia diburukkan di seluruh dunia oleh sebab kita tidak mematuhi hak-hak asasi manusia, kerja-kerja kita untuk mewujudkan Kesatuan Elektronik mereka. Adakah benar bahawa pakar-pakar ekonomi tempatan juga sudah setuju bahawa insentif-insentif yang diberi kepada syarikat-syarikat asing sudah pun terlampau termasuk kehendak mereka untuk pekerja-pekerja tempatan tidak dibenarkan mewujudkan Kesatuan dan insentif-insentif lain termasuk insentif tarif fiskal? Adakah sudah sampai satu masa mengenai apa yang lebih mustahak; sama ada hak-hak asasi pekerja tempatan dan maruah negara kita ataupun kehendak pelabur-pelabur asing?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu setakat manakah kemudahan GSP itu diperalatkan oleh syarikat-syarikat negara asing seperti Jepun untuk mengelakkan langkah-langkah protectionist Amerika Syarikat terhadap negara-negara seperti Jepun?

Tuan Chua Jui Meng: Yang pertama, hanya DAP sahaja yang mengatakan kita melanggar hak asasi pekerja-pekerja di sini, bukan Amerika Syarikat. Kerajaan Amerika Syarikat telah dua kali menolak petisyen dari AFL-CIO, kawan baik Puchong – dua kali! [*Tepuk*] Saya hendak memberi amaran kepada DAP, kalau

Amerika Syarikat sudah tolak dua kali, kita yakin kalau kali yang ketiga dia cuba lagi akan ditolak lagi, oleh kerana daripada aspek-aspek perhubungan perusahaan atau industrial relations di Malaysia amat baik ataupun antara yang paling baik di kalangan negara-negara yang sedang membangun.

Saya beri satu contoh. Umpamanya, dalam negara kita daripada wage-paid workforce, 17% telah menyertai trade union atau kesatuan sekerja – 17%. Kalau kita perbandingkan dengan negara-negara yang sedang maju seperti Perancis, Perancis hanya 10% sahaja. Bagaimana? Sepanyol – 15% sahaja, Amerika Syarikat – 15% sahaja. Kita melampaui Amerika Syarikat daripada aspek hak asasi pekerja. Di negara kita ini, Kerajaan sentiasa menjaga kebajikan pekerja-pekerja di negara kita. Kita sayang kepada mereka. Kita hendak melindungi mereka daripada praktis-praktis seperti yang diamalkan oleh DAP. Kalau DAP ada hasrat untuk meminta Amerika Syarikat menarik balik GSP kita, itu akan menjejaskan di sini, full employment di negara kita ini iaitu 30.9% berbanding dengan banyak negara-negara. Umpamanya pada hari ini satu negara daripada.....

Tuan Ahmad bin Nor: [*Bangun*]

Tuan Chua Jui Meng: Duduklah! Budak, duduk. Duduk!

Tuan Ahmad bin Nor: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, apa dia point of order, Yang Berhormat?

Tuan Chua Jui Meng: Duduk!

Tuan Ahmad bin Nor: Point of order!

Tuan Chua Jui Meng: Duduk!

Tuan Ahmad bin Nor: Point of order! Jawapan soalan tidak diberi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, merujuk kepada point of order berapa?

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, point of order!

Tuan Chua Jui Meng: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Bayan Baru, point of order ke berapa?

Tuan Chua Jui Meng: Ini masa soalan.

Tuan Ahmad bin Nor: 36(6) — Sangkaan jahat terhadap DAP. [*Ketawa*]

Tuan Chua Jui Meng: Memang jahat! Bukan sangkaan, memang jahat! [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Chua Jui Meng: DAP memang jahat. Nakal. Batu api, bukan sangkaan. Terus, direct saya cakap — DAP jahat! Apa hendak cakap lagi?

Seorang Ahli DAP: MCA Ular! [*Ketawa*]

Tuan Chua Jui Meng: Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat, saya suka hendak mengatakan di sini iaitu kita yakinlah bahawa petisyen yang terbaru iaitu yang ketiga ini, tidak habis-habis. Tiap-tiap tahun

ia akan datang. Kawan-kawan Puchong akan balik lagi. Dia hendak mejejaskan prestasi ekonomi Malaysia yang amat baik sekarang. DAP jealous.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai insentif-insentif yang melampau, saya ingat ini tidak ada kaitan dengan soalan ini dan mengenai negara Jepun yang memperalatkan GSP, saya ingat tidak adalah perkara yang begitu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Manan Othman.

[Soalan No. 10 — Y.B. Datuk Haji Abdul Manan bin Othman tidak hadir]

KATEGORI KELUARGA MISKIN — JUMLAH PENDAPATAN MAKSIMUM

11. Tuan Shahidan bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pendapatan-pendapatan maksimum sesebuah keluarga sebelum dikategorikan keluarga miskin. Berapakah peratusan keluarga yang tinggal di bawah kategori ini. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan bilangan ini.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini oleh kerana ia terletak di bawah bidang dan tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendapatan maksimum bagi melayakkan sesebuah keluarga mendapat bantuan dari Kementerian saya, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah RM190 sebulan. Setakat ini seramai 20,226 keluarga tergolong dalam kategori miskin yang mendapat bantuan dari Kementerian saya.

Bagi membantu keluarga miskin tersebut, Kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan beberapa program seperti berikut:

- (i) Menyediakan skim-skim bantuan seperti Bantuan Kanak-kanak, Bantuan Am, Bantuan Orang Tua, Bantuan Sekolah, Bantuan Bencana Alam, Bantuan Cermin Mata, Elaun Pekerja Cacat, Bantuan Alat Otopedik dan Anggota Tiruan dan Bantuan Pelancongan. Semua jenis bantuan tersebut adalah bagi membantu keluarga miskin dan keluarga yang kurang bernasib baik untuk mengurangkan masalah kemiskinan mereka serta memulihkan keadaan mereka ke arah berdikari.
- (ii) Selain daripada itu, bantuan-bantuan yang berupa bimbingan nasihat dan kaunseling juga diadakan bagi keluarga-keluarga yang memerlukan perkhidmatan tersebut.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada kesilapan teknik di sini. Saya bukan tanya "fakir". Kalau "fakir" saya ingat masuk di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya tanya "miskin". Saya memberi penekanan kepada PPRT yang saya rasa bukan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya tegaskan "miskin" dalam soalan saya dan sebab itu saya tujukan kepada Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri dari

Jabatan Perdana Menteri hendak menjawab?

Beberapa Ahli DAP: [*Menyampuk*]

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya baca jawapan yang telah disediakan sebagai tambahan kepada maklumat yang telah diberikan oleh Setiausaha Parlimen.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tak gelak pun tidak apalah. Ini tambahan maklumat untuk menambahkan pengetahuan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan bersedia. Kalau tidak ada seorang, ada lagi yang boleh menjawab. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, bilangan isirumah miskin dan kadar kemiskinan di Malaysia dikira berasaskan satu pendapatan garis kemiskinan. Pendapatan maksimum yang dimaksudkan dalam soalan Ahli Yang Berhormat sebenarnya dikenali sebagai pendapatan garis kemiskinan. Garis kemiskinan bagi tahun 1990 yang telah ditetapkan oleh Kerajaan sebagaimana yang dilaporkan dalam dokumen Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ialah RM370 untuk seisi rumah sebulan bagi Semenanjung Malaysia, RM544 bagi Sabah dan RM452 bagi Sarawak.

Berasaskan garis kemiskinan di atas, kadar kemiskinan atau peratus isirumah miskin pada tahun 1990 dianggarkan seperti berikut:

| | | |
|----------------------|---|-------|
| Semenanjung Malaysia | — | 15.0% |
| Sabah | — | 34.3% |
| Sarawak | — | 21.0% |

Faktor utama yang menyumbang kepada kemajuan dalam pembasmian kemiskinan ialah pertumbuhan ekonomi yang berterusan yang menyediakan peluang-peluang bagi golongan miskin di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Kerajaan akan terus memainkan peranan penting dalam pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan. Langkah-langkah utama yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk mengurangkan kadar kemiskinan.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, tumpuan khas juga diberikan kepada usaha-usaha pembasmian kemiskinan golongan termiskin. "Golongan termiskin" ditakrifkan sebagai isirumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada separuh garis kemiskinan negara.

Pada tahun 1990, kadar kemiskinan bagi golongan termiskin adalah seperti berikut, iaitu Semenanjung Malaysia – 3.6%; Sabah – 8.5%; dan Sarawak – 3.3%.

Bagi golongan termiskin, Kerajaan telah melaksanakan sejak awal tahun 1989 satu program khas yang dikenali sebagai program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang perangkaan yang diberi oleh pihak Kerajaan adalah mengikut negeri. Umpamanya negeri Sarawak – 21%. Pada hari ini saya baru terbaca, di kawasan saya, pendapatan seisirumah ialah RM244. Maknanya, keseluruhannya, purata orang di kawasan saya adalah orang miskin. Jadi, soalan saya, adakah

Kerajaan membuat satu penyelidikan menyeluruh di seluruh negara untuk mengenalpasti daerah-daerah bukan dibreakdown mengikut negeri, tetapi mengikut daerah supaya perancangan Kerajaan boleh dibuat dan daerah mana dan apa rancangan untuk mengatasi kemiskinan di daerah-daerah yang tertentu?

Kalau tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk berbuat demikian supaya senang machinery Kerajaan ditujukan ke satu tempat untuk mengatasi masalah ini?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, memang usaha-usaha dan tindakan telah dibuat daripada peringkat daerah lagi. Hanya dalam jawapan ini, kita berikan di peringkat Wilayah sebenarnya, iaitu ada perbezaan. Maka kita anggap asasnya mengikut pendapatan kerana cost of living di Sabah dan Sarawak nampaknya lebih tinggi daripada Semenanjung. Tetapi faktor-faktor dan data-data yang didapati memang datangnya daripada Pejabat-pejabat Daerah. Maknanya angka ini datang daripada daerah untuk tindakan di peringkat nasional dan disalurkan melalui Pejabat-pejabat Daerah.

KADAR ROYALTI HASIL PETROLEUM — KAJIAN SEMULA

12. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan Persekutuan bersedia menimbang kembali kenaikan royalti hasil petroleum bagi negeri Terengganu memandangkan ianya masih ketinggalan dari segi pembangunan dan di

antara negeri yang mempunyai kadar tertinggi jumlah rakyat termiskin; dan

- (b) berapakah jumlah royalti tersebut yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu sehingga tahun 1992 mengikut pecahan tahun.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kadar pembayaran royalti hasil petroleum minyak mentah dan gas yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah berasaskan kepada perjanjian perkongsian pengeluaran, iaitu production sharing contract, dengan izin, sebanyak 10% iaitu 5% untuk Kerajaan Persekutuan dan 5% untuk Kerajaan Negeri. Kadar ini telah dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PETRONAS. Kadar ini adalah berpatutan kerana ianya berasaskan kepada nisbah pembahagian 50:50 antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Di samping hasil royalti minyak, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan Persekutuan juga telah menyediakan peruntukan yang besar di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahunnya untuk negeri Terengganu. Umpamanya, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sejumlah RM2,113.163 juta bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di mana sebanyak RM922.9 juta adalah untuk projek-projek membasmi kemiskinan.

Berasaskan kedudukan ini, Kerajaan Persekutuan tidak

bercadang untuk menaikkan kadar pembayaran royalti kepada Kerajaan Negeri buat masa ini.

- (b) Jumlah royalti Petroleum yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada setiap tahun bermula daripada tahun 1983 hingga 1992 adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Jumlah Royalti</i> |
|--------------|-----------------------|
| 1983 | RM219.5 juta |
| 1984 | RM287.9 juta |
| 1985 | RM288.6 juta |
| 1986 | RM213.4 juta |
| 1987 | RM245.0 juta |
| 1988 | RM250.0 juta |
| 1989 | RM309.0 juta |
| 1990 | RM412.8 juta |
| 1991 | RM414.6 juta |
| 1992 | RM405.2 juta |

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, negeri Terengganu adalah negeri yang kaya daripada sumber royalti.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 5, 10 dan 13 hingga 72 adalah diberi di bawah ini]

PELACURAN DI KUALA LUMPUR — TINDAKAN MEMBANTERAS

3. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) mengapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan tegas lagi berkesan bagi membanteras kegiatan pelacuran yang berleluasa di Bandaraya Kuala Lumpur;
- (b) jika tindakan telah diambil, mengapa kegiatan pelacuran masih dijalankan secara terbuka di kawasan Chow Kit, Brickfields, Bukit Bintang dan lain-lain lagi; dan
- (c) sejauh manakah tindakan tegas telah diambil terhadap golongan lelaki menyamar perempuan yang melacur secara terbuka pada waktu lepas tengah malam di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil terhadap mereka.

Tuan Yong Khoon Seng:

- (a) Kerajaan melalui agensinya yang bertanggungjawab, memang sentiasa mengambil tindakan tegas menguatkuasa undang-undang membasmi pelacuran di Bandaraya Kuala Lumpur dengan membuat serbuan dan tangkapan dari masa ke semasa di tempat yang disyaki. Penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan pelacuran yang diambil tindakan ialah seperti berikut:

- (i) Gangguan awam atau 'public nuisance' iaitu apabila didapati membuat tawar menawar atau 'soliciting' yang dianggap sebagai membuat gangguan awam.
- (ii) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 iaitu pelacuran yang melibatkan wanita dan gadis di bawah umur 21 tahun, kerana mereka ini terlibat dengan aktiviti tersebut bukan dari kehendak sendiri tetapi dipaksa atau terpaksa dengan sebab-sebab tertentu;
- (iii) kesalahan di bawah Undang-undang Syariah (Islam).
- (b) Walaupun berbagai tindakan telah diambil oleh berbagai pihak yang berkuasa, memang tidak dapat dinafikan pelacuran masih terdapat selagi ada pelanggan yang memerlukan perkhidmatan tersebut. Sungguhpun demikian, Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya dari masa ke semasa.
- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak mempunyai kuasa untuk menangkap golongan lelaki yang menyamar sebagai perempuan. Kementerian saya telah mengambil langkah untuk membimbing dan melatih mereka dalam bidang kemahiran dan perniagaan supaya mereka dapat menjalankan kerja yang berfaedah. Usaha ini akan berhasil sekiranya pihak yang berkenaan mempunyai kesedaran dan

kesediaan untuk mengubah tingkahlaku dan corak hidup mereka.

LANUN DI KG. KUALA ABAI SEBARANG — PENUBUHAN PANGKALAN POLIS MARIN

5. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada permohonan masyarakat Kg. Kuala Abai Sebarang dan di persekitarannya untuk pewujudan Pangkalan Polis Marin yang tetap dapat diluluskan demi untuk bukan sahaja menjamin keselamatan bahkan memberi keyakinan diri kepada masyarakat berkenaan yang hidup dalam ketakutan akibat kejadian serangan lanun yang kerap kali melakukan rompakan dan pembunuhan di kampung tersebut. Kalau tidak, mengapa.

Tuan Ong Ka Ting: Pada keseluruhannya perairan Kg. Kuala Abai Sebarang dan persekitarannya adalah selamat dari aspek keselamatan, sebagai contohnya sejak tahun 1991 hingga 15 Julai 1993, hanyalah satu kejadian lanun sahaja yang dilaporkan. Oleh itu Pengkalan Besar Polis Marin di Kota Kinabalu dan Pengkalan Kecil di Kudat adalah mencukupi untuk mengadakan rondaan keselamatan di Perairan Kg. Kuala Abai dan sekitarnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji keperluan membina Pengkalan Polis Marin di Kg. Kuala Abai Sebarang daripada masa ke semasa.

SPEKULASI MATA WANG ASING

10. Dato' Haji Abdul Manan bin Othman minta Menteri Kewangan menyatakan apakah benar setelah kontrak ke hadapan (forward contract) urusan mata wang asing yang dikendalikan oleh

Bank Negara matang, jumlah kerugian Bank Negara meningkat kepada RM15 bilion. Sekiranya tidak benar, berapakah kerugian sebenarnya yang ditanggung oleh Bank Negara, akibat permainan spekulasi mata wang asing.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Strategi yang diambil oleh Bank Negara Malaysia di dalam operasi mata wang asingnya tidak dapat didedahkan kepada umum bagi melindungi kepentingan negara. Dengan demikian, Bank Negara tidak dapat memberikan maklumat-maklumat seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Hasil daripada operasi itu akan dapat diketahui apabila akaun Bank Negara Malaysia ditutup pada 31 Disember 1993 setiap tahun. Dengan demikian, kedudukannya bagi tahun kewangan 1993 akan dapat diketahui pada 31 Disember 1993 nanti.

FELDA — PENUKARAN SKIM KEPADA KAWASAN PERINDUSTRIAN

13. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada langkah menjadikan FELDA kepada tanah lot industri adalah bagi mengatasi kegagalan skim FELDA yang asal. Nyatakan juga:

- (a) sama ada hakmilik yang dijanjikan kepada peneroka dimansuhkan; dan
- (b) peneroka-peneroka mendapat saham majoriti dalam perindustrian apabila skim FELDA ditukar menjadi tanah lot industri.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Adalah tidak benar Skim FELDA mengalami apa-apa kegagalan. Penukaran kawasan tanah peneroka FELDA kepada

kawasan perindustrian hanyalah bagi skim FELDA yang sekarang ini terletak di kawasan pertumbuhan baru akibat pembangunan pesat negara yang terbesar luar ke kawasan luar bandar. Itu pun pertukaran demikian hanya boleh dipertimbangkan sekiranya ada permohonan peneroka selaku pemilik tanah itu sendiri untuk menukar tanahnya kepada tanah kegunaan lain untuk mengambil manfaat daripada pembangunan persekitarannya sebagaimana dinyatakan di atas. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pembangunan skim FELDA telah berjaya menempatkan mereka yang tidak bertanah dan telah berjaya menaikkan taraf hidup mereka kepada tingkat yang lebih selesa dengan adanya saiz kebun yang ekonomik. Walau bagaimanapun, penukaran kawasan pertanian kepada perindustrian di kawasan-kawasan yang pesat membangun tentulah memberi pulangan yang lebih baik.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat seterusnya adalah dijelaskan bahawa:

- (a) Tidak berlaku pemansuhan hakmilik yang telah diberikan kepada peneroka sekiranya segala syarat-syarat telah ditunaikan.
- (b) Dalam pertukaran tanah kepada kegunaan lain terpujanglah peneroka selaku pemilik tanah untuk menentukan kaedah pembangunan yang paling menguntungkan mereka. Sekiranya tanah itu diusahakan secara usahasama terpujanglah kepada peneroka untuk menentukan saham majoriti dipegang oleh mereka. Walau bagaimanapun Kerajaan dalam meluluskan pertukaran tanah yang ditadbirkan

di bawah Akta Penempatan Berkelompok 1960 kepada kegunaan lain akan memastikan kepentingan peneroka terus terjamin dan tiada pihak mengambil kesempatan memperdayakan peneroka.

INDUSTRI TELEKOMUNIKASI — PENARIKAN BALIK INSENTIF

14. Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Jarjis minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah kesan dari penarikan balik insentif untuk industri telekomunikasi terhadap keupayaan bersaing syarikat tempatan berbanding dengan syarikat luar negara;
- (b) apakah Kementerian berpendapat syarikat Malaysia yang terlibat dalam industri ini telah terlalu kukuh dari segi keupayaan R&D mereka sehinggakan tidak perlu pertolongan dalam bentuk insentif; dan
- (c) jika syarikat-syarikat berkenaan dirasakan masih perlukan insentif untuk kegiatan R&D apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Chua Jui Meng: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian masih lagi menggalak dan memberikan galakan cukai dalam bentuk taraf perintis (pioneer status) atau elaun cukai pelaburan (investment tax allowance) bagi industri peralatan "satellite receiver, telecommunication switching equipment, digital microwave radio system, facsimile machine" dan lain-lain. Kementerian hanya memberhentikan

pemberian insentif galakan cukai taraf perintis dan elaun cukai pelaburan bagi industri telefon sahaja kerana industri ini didapati telah lama tertubuh (established) di Malaysia dan industri ini telah pun mempunyai keupayaan untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti R&D di kalangan industri di Malaysia. Manamana syarikat-syarikat perkilangan termasuk syarikat-syarikat yang mengeluarkan telefon ataupun keluaran-keluaran lain yang tidak diberikan galakan cukai atau yang telah tamat menikmati faedah galakan cukai seperti taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, boleh memohon untuk mendapatkan insentif khusus untuk aktiviti R&D sekiranya mereka menjalankan aktiviti R&D yang diiktiraf dan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Insentif-insentif yang diberikan oleh Kerajaan adalah dalam bentuk berikut:

- (a) potongan dua kali bagi perbelanjaan daripada hasil pendapatan R&D yang mempunyai kaitan dengan perniagaannya yang dilakukan oleh seseorang atau bagi pihaknya;
- (b) elaun bangunan dalam bentuk elaun permulaan sebanyak 10% dan elaun tahunan sebanyak 2% bagi bangunan-bangunan yang digunakan untuk program atau projek R&D;
- (c) elaun modal bagi loji dan mesin yang digunakan untuk program atau projek yang berkaitan dengan R&D;
- (d) potongan dua kali diberi bagi sumbangan dalam wang tunai

oleh individu atau organisasi kepada institusi penyelidikan yang diluluskan.

Selain daripada insentif-insentif di atas, Kerajaan juga telah menyediakan insentif pengecualian cukai selama lima tahun kepada syarikat-syarikat atau institusi berasaskan penyelidikan yang diluluskan yang mana penubuhannya adalah khusus untuk menjalankan R&D. Dividen yang diterima oleh pemegang saham adalah juga dikecualikan daripada cukai. Kerugian terkumpul syarikat-syarikat atau institusi penyelidikan yang diluluskan itu sekiranya ada, boleh di bawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai.

Berdasarkan kepada insentif-insentif yang telah disediakan seperti yang dinyatakan, Kementerian berpendapat bahawa tiada masalah untuk syarikat-syarikat termasuk syarikat-syarikat pengeluar telefon menjalankan aktiviti R&D kerana buat masa ini insentif yang disediakan adalah mencukupi untuk menggalakkan aktiviti R&D.

PEPERIKSAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR) — MENINGKATKAN PRESTASI MURID

15. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan prestasi pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 pada tahun 1994 memandangkan sistem Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang membenarkan pelajar-pelajar lemah naik ke Tingkatan 4 secara automatik akan menggantikan peperiksaan Sijil Pelajaran (SRP) pada tahun 1993 ini.

Dr. Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di

antara langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan prestasi pelajar ialah:

- (i) Memberikan bimbingan khas kepada pelajar-pelajar;
- (ii) Menyediakan modul pembelajaran kepada pelajar-pelajar tersebut;
- (iii) Mengadakan kursus-kursus kepada guru-guru seperti kursus pemulihan, kursus peningkatan kemahiran belajar murid, kursus peningkatan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan kursus-kursus lain yang berkaitan;
- (iv) Membuat penyeliaan pengajaran secara berterusan bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

PENDATANG TANPA IZIN — JUMLAH DIHANTAR PULANG

16. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sehingga kini berapa ramaikah pendatang tanpa izin yang telah dihantar pulang ke negara asal mereka. Apakah masalah yang dihadapi oleh Jawatankuasa Petugas dalam melaksanakan tindakan ke atas pendatang tanpa izin ini.

Tuan Ong Ka Ting: Bilangan Pendatang Tanpa Izin (PTI) yang dihantar pulang ke negara asal mereka dari tahun 1991 hingga bulan April 1993 berjumlah 51,141 orang.

Antara masalah yang dihadapi oleh pihak berkuasa dalam menghantar PTI pulang ke negara asal ialah kelewatan

mendapat dokumen perjalanan dan juga kelewatan PTI mendapatkan wang tambang.

TANDA HARGA — JUMLAH RAMPASAN

17. Tuan Wong Wing On minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah nilai barang dagangan yang dirampas dan nilai denda yang dikenakan akibat daripada peniaga-peniaga tidak mempamerkan label harga atau tidak mempamerkannya dengan cara yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, dalam tempoh Januari 1993 hingga Julai 1993.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Sepanjang tahun ini iaitu sehingga 25.7.1993, pemeriksaan telah dibuat ke atas 213,155 premis perniagaan di seluruh negara berhubung dengan penandaan harga. Dari jumlah itu, 2,706 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM2,162,339.23. Jumlah denda yang dikenakan dalam tempoh yang sama ialah RM344,080.00. Bagi tempoh berkuatkuasanya Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjualruncit) pada 1.6.1993 sehingga 25.7.1993, Kementerian telah membuat pemeriksaan ke atas 48,278 premis perniagaan di seluruh negara. Dari pemeriksaan ini, sebanyak 539 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM1,476,482.06. Jumlah denda bagi tempoh yang sama ialah RM86,460.00.

ARTIS LUAR — KAWALAN KEMASUKAN

18. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan adakah pihak Kementerian

menganggap kebanjiran penyanyi dan pelakon asing tanpa sekatan merupakan satu perkembangan yang sihat. Jika ya, apakah nilai positifnya dan jika tidak apakah tindakan Kerajaan bagi membendung masalah ini kerana ia mungkin menggugat artis-artis tempatan.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Kemasukan artis-artis luar ke negara ini memang memerlukan pengawalan bagi mendorong perkembangan kebudayaan yang sihat di samping memelihara nilai-nilai keperibadian kebangsaan. Kerajaan mempunyai Jawatankuasa Kemasukan Artis Luar dan sedia mengikuti Garispanduan dan Peraturan Pengawalan Masuk Artis yang bertujuan mengawal unsur-unsur kebudayaan asing yang tidak sesuai atau bercanggah dengan nilai-nilai kehidupan rakyat negara ini. Di samping berusaha membendung kemasukan, Peraturan Pengawalan itu juga bertujuan memberi peluang-peluang ekonomi kepada artis-artis tempatan melalui persembahan-persembahan atau produksi seni yang tentunya akan menambah pengalaman, meningkatkan pengetahuan dan mutu kesenian setanding dengan artis antarabangsa. Kerajaan melalui Jawatankuasa Kemasukan Artis Luar sentiasa berusaha memastikan bahawa Kemasukan Artis Luar mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan.

LESEN MEMANDU TANPA UJIAN — BILANGAN DIKESAN

19. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan lesen-lesen memandu tanpa menjalani ujian memandu yang berjaya dikesan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Adakah para pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan terlibat dalam sindiket ini dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan perkara sebegini tidak berulang lagi.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Sesuatu lesen memandu tidak akan dikeluarkan tanpa bakal pemandu berkenaan lulus ujian memandu yang ditetapkan. Bagaimanapun, setakat ini terdapat sebanyak 411 kes pemalsuan lesen-lesen memandu yang telah dikesan oleh pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Semua kes ini telah pun diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan sewajarnya. Sehingga ini tidak ada pegawai JPJ yang dapat dibuktikan terlibat dalam sindiket yang menjalankan pemalsuan ini.

KEMALANGAN JALAN RAYA — JUMLAH KEMATIAN

20. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya bagi tahun 1990, 1991 dan 1992 dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kemalangan itu.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya bagi tiga tahun yang lalu adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Jumlah Kematian</i> |
|--------------|------------------------|
| 1990 | 4,048 orang |
| 1991 | 4,331 orang |
| 1992 | 4,536 orang |

Banyak faktor yang menyebabkan berlakunya kemalangan jalan raya dan antaranya ialah faktor kemanusiaan iaitu pemandu itu sendiri, kerosakan mekanikal, kesalahan binatang, kerosakan jalan, kerosakan lampu, cuaca dan kesalahan pejalan kaki.

JALAN RAYA — PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN KEPADA KERAJAAN NEGERI

21. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) nama negeri yang menggunakan peruntukan jalan di aspek lain pada tahun 1982 hingga 1992 memandangkan dalam jawapan bertulis kepada Ahli Parlimen Bukit Mertajam pada masa yang lepas, nama negeri yang berkenaan langsung tidak diberitahu;
- (b) adakah maklumat tersebut dianggap sebagai rahsia dan tidak boleh diumumkan. Jika tidak, mengapa beliau berbuat demikian dalam Mesyuarat Dewan Rakyat yang lepas; dan
- (c) berapa banyakkah peruntukan jalan digunakan di aspek lain pada 1982 hingga 1992 mengikut pecahan negeri.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Seperti yang saya nyatakan semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat pada 18 Mei 1993, Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya (Road Grant) kepada Kerajaan-kerajaan Negeri adalah berasaskan kepada Perkara 109(1) (b), Perlembagaan Pesekutuan. Di bawah kaedah yang berkuatkuasa hingga sekarang, pemberian itu dikreditkan ke dalam Kumpulanwang Disatukan Negeri (State Consolidated Fund) sebagai hasil Negeri. Oleh kerana pemberian ini telah menjadi sebahagian daripada Kumpulan-

wang Disatukan, penggunaan wang daripada Kumpulanwang ini memungkinkan keadaan setengah-setengah negeri tidak menggunakan pemberian itu sepenuhnya untuk maksud penyelenggaraan jalan. Kajian ke atas penggunaan Pemberian Penyelenggaraan Jalan ini telah dibuat oleh Kerajaan meliputi suatu tempoh di antara tahun 1986 hingga tahun 1990. Berasaskan kajian tersebut itu, adalah diperhatikan bahawa penggunaan pemberian geran jalan raya dari tahun 1986 hingga tahun 1990 menunjukkan beberapa buah negeri telah tidak menggunakan sepenuhnya jumlah pemberian yang telah disalurkan bagi tahun 1986 hingga tahun 1990.

Negeri-negeri yang terus menerus berbelanja kurang daripada peruntukan yang diberikan dari segi perbelanjaan tahunan dan juga perbelanjaan agregat yang meliputi tempoh 1986 hingga 1990 ialah Kedah, Kelantan, Melaka, Perak, Pulau Pinang dan Sarawak. Bagi Negeri-negeri lain, perbelanjaan agregat bagi tempoh 1986 hingga 1990 untuk menyelenggara jalan-jalan negeri didapati melebihi pemberian yang telah disalurkan. Sungguhpun begitu, bagi negeri-negeri yang lain itu terdapat keadaan di mana untuk tahun-tahun tertentu perbelanjaan menyelenggara jalan-jalan kurang daripada peruntukan yang disalurkan bagi tahun berkenaan.

Untuk memastikan supaya pemberian jalan raya digunakan untuk maksud asalnya, persetujuan telah dicapai dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang

diadakan pada 27 Februari, 1993 supaya pihak Kerajaan Negeri mewujudkan Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya di mana pemberian geran jalan raya akan dikreditkan kepada Kumpulanwang Amanah ini dan penggunaannya hanyalah untuk maksud menyelenggara jalan-jalan.

- (b) Dengan penjelasan ini, maka perkara yang dibangkitkan dalam soalan (b) oleh Ahli Yang Berhormat tersebut tidaklah berbangkit.
- (c) Daripada kajian yang dibuat ke atas penggunaan pemberian geran jalan raya di mana enam buah negeri telah dikenalpasti berbelanja kurang daripada peruntukan yang disalurkan, jumlah kurang belanja untuk tempoh 1986 hingga 1990 bagi negeri-negeri berkenaan ialah seperti berikut:

| Negeri | Jumlah Pemberian | Jumlah Perbelanjaan | Jumlah Belanja | % |
|-----------|---------------------|------------------------|-------------------|-------|
| Kedah | 131,037,536 | 90,983,421 | 40,054,115 | 30.57 |
| Kelantan | 59,614,780 | 18,291,467 | 41,323,313 | 69.32 |
| Melaka | 39,370,894 | 23,794,813 | 15,576,081 | 39.56 |
| Perak | 121,192,428 | 84,691,305 | 36,501,123 | 30.12 |
| P. Pinang | 72,125,191 | 37,262,966 | 34,862,225 | 48.34 |
| Sarawak | 171,333,359 | 142,250,000 | 29,083,359 | 16.97 |

Kedudukan kurang belanja bagi negeri-negeri ini walau bagaimanapun tidak mengambilkira wang yang disalurkan oleh negeri-negeri berkenaan kepada pihak Kuasa Tempatan untuk tujuan menyelenggara jalan-jalan Kuasa Tempatan. Jika diambilkira pengeluaran wang untuk maksud menyelenggara jalan-jalan raya Kuasa Tempatan, maka kedudukan kurang belanja oleh keenam-enam negeri itu adalah lebih kecil. Keadaan ini dijangka tidak berbangkit lagi apabila Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri ditubuhkan.

**GAS/MINYAK/HIDRO
ELEKTRIK — PERATUS
PENGGUNAAN**

22. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapa peratuskah penggunaan gas, minyak dan hidro elektrik sebagai sumber tenaga negara; dan
- (b) sejauh manakah Kerajaan sedang menimbang untuk menggunakan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga negara.

Dato' Seri S. Samy Vellu:

- (a) Peratus penggunaan sumber-sumber tenaga adalah seperti berikut:

| | |
|------------------|-------|
| (i) Petroleum | 50.2% |
| (ii) Gas | 22.1% |
| (iii) Arang Batu | 12.1% |
| (iv) Hidro | 15.6% |
- (b) Pada masa ini Kerajaan tidak ada apa-apa perancangan untuk menggunakan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga.

**TV/RADIO—USAHASAMA
PENYIARAN MALAYSIA—
REPUBLIK RAKYAT CINA**

23. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Penerangan menyatakan apakah perkembangan, perbincangan mengenai usahasama untuk terbitan filem, penukaran program penyiaran TV dan Radio dan pelbagai aktiviti penerangan antara Malaysia dengan Republik Rakyat China.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Republik Rakyat China dalam bidang penerangan dan penyiaran pada tahun 1992. Di bawah Memorandum tersebut beberapa aktiviti telah dilaksanakan di antara kedua-dua negara. Di dalam bidang perfileman Malaysia telah mengadakan Minggu Filem Malaysia di Beijing pada bulan Jun baru-baru ini dan Republik Rakyat China akan mengadakan Minggu Filem Republik Rakyat China di Kuala Lumpur tidak lama lagi. Dalam bidang penyiaran pula, kedua-dua negara telah mengadakan pertukaran dokumentari untuk disiarkan melalui media elektronik. Di samping itu agensi berita Bernama dan agensi berita Xinhua juga telah bertukar bahan-bahan berita mengenai Malaysia dan Republik Rakyat China.

**KEMALANGAN JALAN RAYA —
JUMLAH**

24. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sehingga pertengahan tahun 1993 berapa banyak kemalangan jalan raya yang berlaku dan beberapa jiwa yang terkorban. Adakah jumlah ini bertambah jika dibandingkan dalam masa yang sama pada tahun sudah; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan untuk membendung berlakunya kemalangan di jalan raya.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Sebanyak 62,8914 kemalangan jalan raya dengan kematian seramai 1,995 mangsa telah

berlaku sehingga pertengahan tahun 1993 (Januari – Jun) manakala dalam tempoh yang sama pada tahun 1992, sebanyak 56,979 kemalangan dengan 2,356 kematian telah berlaku. Ini merupakan satu peningkatan sebanyak 10.41% bagi kadar kemalangan tetapi penurunan sebanyak 15.32% bagi kadar kematian.

(b) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya termasuklah:

- (i) melaksanakan peraturan-peraturan seperti menghadkan jumlah penumpang dan kelajuan van-van dan mewajibkan lampu motosikal dipasang pada siang hari semasa bergerak;
- (ii) menerapkan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan murid-murid sekolah melalui pendidikan kokurikulum, penubuhan Kelab Keselamatan Jalan Raya dan Pasukan Unit Trafik Sekolah;
- (iii) memperhebatkan penguatkuasaan undang-undang lalu lintas oleh agensi penguatkuasaan seperti Polis diRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- (iv) memberi kursus, ceramah dan latihan kemahiran pemandu kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan berat iaitu kursus pemanduan berhemah;

(v) menganjurkan seminar, bengkel, simposium dan membincangkan cara-cara meningkatkan tahap keselamatan jalan raya; dan

(vi) memperbaiki serta menyelenggarakan jalan-jalan khususnya di kawasan-kawasan yang sering berlaku kemalangan jalan raya.

MAS — JUMLAH KEUNTUNGAN

25. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Pengangkutan menyatakan keuntungan dan kerugian oleh MAS pada tahun 1991 dan 1992 dengan angka-angka bagi penerbangan tempatan (domestik) serta penerbangan antarabangsa dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan mutu Perkhidmatan MAS.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Bagi tahun kewangan 1991/1992 Penerbangan Malaysia (MAS) mencatatkan keuntungan sebanyak RM5.2 juta bagi perkhidmatan antarabangsanya. Manakala bagi penerbangan dalam negeri menunjukkan kerugian sebanyak RM141.4 juta.

Bagi tahun kewangan 1992/1993 pula MAS mengalami kerugian sebanyak RM251.2 juta bagi perkhidmatan antarabangsa dan kerugian sebanyak RM148.7 juta bagi perkhidmatan dalam negeri.

Langkah-langkah MAS telah ambil untuk meningkatkan mutu perkhidmatan adalah seperti berikut:

- (i) dalam semua pesawat B747 (kelas satu dan kelas business) dipasangkan dengan 'in-seat video screen' dan 'CD Player'. Tiap-

tiap penumpang boleh memilih antara 6 wayang gambar dari tempat duduk, termasuk yang di atas layar. Penumpang-penumpang juga boleh bermain 'video games'.

- (ii) penukaran 'pneumatic headphones' di kelas ekonomi kepada 'electronic headphone' telah dibuat dengan sewajarnya, yang mana penggunaan 'electronic headphones' memberi bunyi yang lebih enak dan lebih menyenangkan kepada penumpang-penumpang.
- (iii) menambahkan bahan-bahan bacaan umpamanya surat-surat khabar dan majalah-majalah.
- (iv) membekalkan pewangi-pewangi jenama terkenal dalam penerbangan-penerbangan antarabangsa dan domestik.
- (v) menambah jumlah kakitangan dalam pesawat jika perlu. Umpamanya pesawat B737-200 yang dahulunya membawa 4 atau 5 orang krew, sekarang ditambah kepada 5 atau 6 orang.
- (vi) Pemberian buah tangan yang bermutu diberi kepada penumpang-penumpang kelas pertama dan kelas business bagi perkhidmatan antarabangsa.

CUKAI SES KE ATAS GETAH — JUMLAH KUTIPAN

26. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah kutipan cukai ses ke atas getah yang dieksport setiap tahun sejak 1985 hingga 1992;

- (b) apakah langkah yang akan diambil untuk membantu menambah pembiayaan ke atas kerja-kerja penyelidikan getah dan tanaman semula pokok getah, terutamanya bantuan untuk peneroka dan pekebun kecil; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kutipan cukai ses dan kalau ada bagaimana.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Jumlah kutipan ses ke atas getah yang dieksport bagi tempoh 1985 hingga 1992 adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Jumlah Kutipan Ses (RM)</i> |
|--------------|--------------------------------|
| 1985 | 194,587,061 |
| 1986 | 197,424,271 |
| 1987 | 210,928,304 |
| 1988 | 209,354,245 |
| 1989 | 183,546,550 |
| 1990 | 159,850,897 |
| 1991 | 138,373,352 |
| 1992 | 124,784,653 |

- (b) Kerajaan telah memberi peruntukan bagi membantu menambah pembiayaan ke atas kerja-kerja penyelidikan getah dan tanam semula pokok getah.
- (c) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kutipan ses.

KUALA LUMPUR — PELAN STRUKTUR RANCANGAN PEMBANGUNAN

27. Tuan Wee Choo Keong minta Perdana Menteri menyatakan sama ada DBKL mempunyai rancangan besar

("Master Plan") untuk Wilayah Persekutuan terutamanya Kuala Lumpur untuk perkembangannya pada masa yang akan datang. Jika ya, sila berikan butir-butir penuh. Jika tidak, sila berikan sebab-sebab kenapa tidak.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai satu pelan induk iaitu Pelan Struktur Kuala Lumpur. Pelan ini adalah merupakan pelan pembangunan jangka panjang yang mengandungi dasar-dasar umum dan cadangan pembangunan bagi memandu corak dan arah pembangunan Kuala Lumpur sehingga tahun 2000. Pelan Struktur Kuala Lumpur yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diwartakan dan diterima pakai pada Ogos 1984.

Bagi menyesuaikan Pelan Struktur Kuala Lumpur dengan perubahan-perubahan ekonomi, sosial dan dasar-dasar semasa Kerajaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa mengemaskinikan dasar-dasar pelan pembangunan tersebut secara berterusan.

Pada masa yang sama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga menyediakan Pelan-pelan Tempatan dan Pelan-pelan Tindakan bagi kawasan-kawasan pembangunan tertentu secara yang lebih terperinci dengan mengambil kira keadaan sama ada dan potensi pembangunan akan datang bagi mencapai tahap pembangunan yang seimbang.

**HOSPITAL QUEEN ELIZABETH,
KOTA KINABALU —
KEPAKARAN PEGAWAI
PERUBATAN**

28. Tuan Joseph Voon Shin Choi minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan sedar tentang

kemungkinan kadar kematian di Queen Elizabeth Kota Kinabalu kerana rawatan-rawatan adalah dilakukan oleh para Pegawai Perubatan yang kurang kemahiran atau kepakaran. Apakah tindakan-tindakan Kerajaan untuk memastikan Pegawai-Pegawai Perubatan ini terutama sekali Pakar Perubatan mempunyai kepakaran dan pengalaman yang diperlukan untuk memegang jawatan berkenaan terutama sekali di hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

Dato' Mohd. Farid bin Ariffin: Untuk makluman Yang Berhormat, Pendidikan Bidang Perubatan secara berterusan (Continuing Medical Education) adalah sentiasa dititikberatkan di mana para pegawai perubatan serta pakar-pakar perubatan dilatih dalam bidang tertentu sama ada di peringkat Hospital, Negeri dan juga Kebangsaan. Pegawai-pegawai juga dihantar berkursus di Semenanjung di mana terdapat pakar-pakar dalam bidang berkenaan di Hospital Kuala Lumpur dan lain-lain hospital. Pakar-pakar luar negara juga di undang untuk program ini. Kursus-kursus kepakaran berkenaan juga dilakukan di Sabah dan Sarawak di mana pakar-pakar yang berkenaan mengendalikannya.

**PEMANDU MABUK —
HUKUMAN LEBIH BERAT**

29. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk memperketatkan undang-undang untuk menghukum pemandu-pemandu yang mabuk dengan hukuman yang lebih keras; dan
- (b) berapakah kes kemalangan akibat pemandu mabuk dalam tempoh

lima tahun kebelakangan ini, dan apakah bentuk hukuman terhadap mereka.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Kerajaan berpendapat bahawa hukuman yang diperuntukkan di bawah Seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi kesalahan memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan adalah memadai. Bagaimanapun, Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk meminda Akta berkenaan bagi memperkemas lagi peruntukan mengenai ujian-ujian yang boleh dilakukan terhadap pemandu-pemandu yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen ini.
- (b) Bilangan kemalangan jalan raya yang berlaku akibat memandu dalam keadaan mabuk bagi lima tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut.

| Tahun | Bil. Kemalangan | Peratus |
|-------|-----------------|---------|
| 1988 | 82 | 0.13 |
| 1989 | 122 | 0.16 |
| 1990 | 73 | 0.08 |
| 1991 | 81 | 0.08 |

Bagi tahun 1992, penganalisaan mengenai perkara ini sedang dibuat.

Hukuman terhadap mereka yang didapati bersalah ialah denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan bagi kesalahan pertama.

Bagi sabitan kali kedua dan seterusnya, hukumannya ialah denda tidak melebihi RM4,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

HOSPITAL DAERAH, KUALA KUBU BHARU — MENINGKATKAN KEMUDAHAN

30. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah rancangan-rancangan Kementeriannya untuk memperkemas kemudahan yang didapati di Hospital Daerah, Kuala Kubu Bharu di bawah Rancangan Malaysia Ke-6.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Kesihatan telah bercadang untuk melaksanakan beberapa projek bagi menaikkan taraf kemudahan sedia ada di Hospital Kuala Kubu Bharu.

- (1) Mengubahsuai dan membaiki dapur dan tempat makan Asrama Penolong Jururawat;
- (2) Mengubahsuai dewan bedah;
- (3) Menurap jalan yang sedia ada dalam kawasan hospital; dan
- (4) Kerja-kerja penyelenggaraan di wad 1, 2, 3, 4, 5, dan Jabatan Kemalangan dan Kecemasan.

PENCEMARAN SUNGAI — PUNCA KES TAUN

31. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah tahap pencemaran sungai di negara ini terjamin kerana kebanyakan kes taun yang melanda negara berpunca dari pencemaran sungai.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhan kualiti air sungai di negara ini masih di dalam tahap yang memuaskan walaupun kualitinya merosot sedikit. Ini berdasarkan pengawasan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar. Namun demikian, Jabatan Alam Sekitar tidak menjalankan pengawasan virus taun kerana ia bukan di bawah bidang kuasa Jabatan Ini. Jabatan Alam Sekitar hanya terlibat dalam usaha mengawasi tahap pencemaran dan kualiti air sungai di negara kita yang disebabkan oleh banyak punca pencemaran seperti dari kerja tanah dan penggunaan tanah, pembuangan sisa-sisa domestik dan industri, dan bahan-bahan buangan haiwan.

Penyelesaian masalah pencemaran sungai melibatkan kerjasama berbagai agensi kerajaan dan juga kesedaran masyarakat awam untuk bersama-sama memastikan tahap kebersihan sungai terjamin.

Semua usaha yang melibatkan semua pihak boleh mengurangkan/mengelakkan pencemaran sungai dan juga kes taun untuk berlaku.

“HI-TECH PARK” — LOKASI DIKENALPASTI

32. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapa lokasi telah dikenalpasti untuk mewujudkan “HI-TECH PARK” dalam Semenanjung Malaysia;
- (b) apakah perkembangan yang terbaru mengenai “HI-TECH PARK” di Kulim, Negeri Kedah Darulaman dari segi infrastruktur dan lain-lain kemudahan meman-

dangkan tapak bagi maksud tersebut telah pun lama diumumkan; dan

- (c) adakah rancangan Kementerian supaya di “HI-TECH PARK” semua Industri-industri Kecil dan Sederhana (IKS) dapat ditumpukan serentak dengan industri besar yang canggih supaya mewujudkan “inter-linkages” di antara “Multinational Industries” dan IKS yang masih kurang pada waktu ini.

Tuan Chua Jui Meng:

- (a) Selain dari Taman Teknologi yang kini berlokasi di bangunan sementara di Cheras, 2 lagi iaitu Kulim di Negeri Kedah dan Skudai di Negeri Johor telah dikenalpasti sebagai lokasi untuk mewujudkan Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi. Walau bagaimanapun, projek Taman Teknologi di Skudai masih lagi di peringkat perancangan dan ianya dijangka bermula hanya pada penghujung tahun ini. Penglibatan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam projek Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi seperti di Kulim akan bertumpu di dalam aspek promosi serta penarikan para pelabur (asing dan tempatan) untuk mewujudkan projek-projek Hi-Tech, serta penyediaan insentif-insentif tertentu jika perlu.

Perlu dijelaskan di sini iaitu kejayaan sesuatu kawasan perindustrian khususnya untuk Hi-Tech bukanlah hanya bergantung kepada insentif serta usaha galakan. Kejayaannya adalah lebih

bergantung kepada adanya kemudahan-kemudahan tambahan seperti Common Research Facilities, kemudahan pembuangan sisa toksik, bekalan air bersih, pusat latihan dan infrastruktur lain yang sesuai untuk kegiatan Hi-Tech yang biasanya tidak terdapat di kawasan perindustrian biasa.

- (b) Mengenai perkembangan terbaharu perlaksanaan pembenaan infrastruktur dan lain-lain kemudahan Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi Kulim, sukacita dimaklumkan iaitu penganugerahan tender kepada kontraktor bagi pembangunan infrastruktur fasa pertama seluas 250 hektar telahpun dilakukan pada 1hb Julai 1993. Kerja-kerja awal telah dimulakan oleh kontraktor pada 16hb Julai 1993. Ianya dijangka siap dalam tempoh 65 minggu iaitu pada 14hb Oktober 1994.
- (c) Di bawah RM6, Kementerian sedang melaksanakan program pembangunan kawasan perindustrian IKS di seluruh negara bagi menyediakan bangunan-bangunan kilang yang sesuai untuk dibeli atau disewa oleh IKS dengan harga yang berpatutan.

Dalam pemilihan kawasan yang akan dimajukan, satu kriteria penting yang diberi penekanan ialah kawasan berkenaan hendaklah dimajukan berdekatan dengan kawasan perindustrian yang sedia ada khususnya industri besar serta berteknologi tinggi bagi menggalakkan wujudnya 'industrial linkages' di antara IKS dengan syarikat-syarikat berkenaan.

Pelaksanaan pembangunan kawasan perindustrian IKS di bawah program ini

diuruskan oleh MIEL iaitu anak syarikat MIDF yang merupakan sebuah negeri di bawah Kementerian ini.

Di antara kawasan yang telah dimajukan oleh MIEL ialah di Shah Alam yang mana sebahagian daripada unit-unit kilang yang dibina telah dijual kepada syarikat-syarikat IKS yang menjadi vendor kepada Proton. Kawasan-kawasan lain yang sedang dimajukan pada masa ini ialah Taman IKS Mukim Batu, Kuala Lumpur, Sungai Petani dan Bandar Sri Alam, Johor.

AFTA — PENGURANGAN TARIF

33. Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan pencapaian usaha bagi melaksanakan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA). Adakah benar Malaysia secara unilateral akan memulakan pengurangan tarif mulai tahun 1995 padahal negara ASEAN lain akan memulakan lima tahun kemudian. Jika benar, apakah langkah-langkah bagi menjamin pengusaha Malaysia khususnya, dan ekonomi negara amnya, tidak terjejas.

Tuan Chua Jui Meng: Usaha-usaha ke arah penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah berjalan mengikut jadual yang dipersetujui. Tiap-tiap negara ASEAN telah mengumumkan program pengurangan kadar tarif di bawah Skim CEPT masing-masing. Di bawah persetujuan ini, tiap-tiap negara ASEAN bersetuju supaya kadar tarif di bawah Skim CEPT, dilaksanakan mengikut dua cara, iaitu Trek Biasa (Normal Track) dan Trek Laju (Fast Track). Di bawah Trek Laju, kadar tarif barangan yang terlibat akan diturunkan ke tahap 0% - 5% dalam jangkamasa tujuh sehingga sepuluh

tahun, sementara di bawah Trek Biasa kadar tarif barangan yang terlibat akan diturunkan ke tahap 0% – 5% dalam jangkamasa 10 sehingga 15 tahun.

Adalah benar Malaysia akan memulakan pengurangan tarif di bawah Skim CEPT Trek Laju (Fast Track) mulai 1 Januari 1995 dan Trek Biasa (Normal Track) mulai 1 Julai 1996. Tarikh permulaan pengurangan tarif ini dibuat seperti mengambilkira tarikh permulaan negara-negara ASEAN yang lain seperti Singapura mulai tahun 1993; Brunei di bawah Trek Laju mulai tahun 1995, Trek Biasa mulai 1994 (bagi kadar lebih daripada 20%) dan 1996 (bagi kadar kurang daripada 20%); Indonesia di bawah Trek laju mulai 1995, Trek Biasa mulai 1998 (bagi kadar lebih daripada 20%) dan 1996 (bagi kadar kurang daripada 20%); Filipina di bawah Trek Laju dan Trek Biasa mulai tahun 1996; Thailand di bawah Trek Laju mulai 1995, Trek Biasa mulai tahun 1998 (bagi kadar lebih daripada 20%) dan 1999 (bagi kadar kurang daripada 20%). Di samping itu, Thailand telah mengumumkan pengurangan secara unilateral kadar tarif sebanyak 1,400 item barangan pembuatan dari kadar melebihi 30% kepada 30% mulai 16 Februari, 1993, sementara Filipina dan Indonesia akan mengumumkan sejumlah barangan untuk diimplementasikan mulai 1993. Oleh yang demikian adalah kurang tepat kenyataan bahawa penurunan kadar tarif negara-negara ASEAN lain dibuat lewat 5 tahun dari penurunan kadar tarif Malaysia.

Untuk menjaga kepentingan industri tempatan, perbincangan telah diadakan dengan semua sektor industri tempatan. Hasil daripada perbincangan-perbincangan ini juga, Malaysia telah menyenaraikan sebanyak 608 barangan

di bawah "Temporary Exclusion List" di mana barangan ini akan hanya dimasukkan ke dalam senarai CEPT pada tahun 2001. Di samping itu, sebanyak 690 barangan telah disenaraikan sebagai "Raw Agriculture" dan 83 barangan di bawah "General Exception", di mana barangan-barangan ini dikecualikan dari Skim CEPT. Di bawah Perjanjian Skim CEPT, jika sesuatu industri tempatan mengalami kesulitan akibat penurunan tarif Skim CEPT menerusi kemasukan import yang keterlaluan, Kerajaan boleh mengambil tindakan untuk menyekat import berkenaan bagi jangkamasa yang terhad.

BAHAN BUANGAN INDUSTRI — STRATEGI PEMROSESAN

34. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kedudukan Kerajaan berkenaan dengan pemprosesan bahan buangan industri dan kemudahan pembuangan di negara ini.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah merangka dan melaksanakan tiga strategi utama untuk menangani masalah pemprosesan bahan buangan industri di negara ini. Strategi pertama ialah dengan menggalakkan pertumbuhan industri yang menggunakan teknologi bersih dan kurang menghasilkan sisa terutama sekali buangan berbahaya. Seboleh mungkin pihak industri juga digalakan mengamalkan penggunaan semula buangan. Strategi kedua pula ialah dengan mewajibkan pihak industri mengadakan sistem pengolahan buangan industri sendiri seperti yang dikehendaki di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan 1985). Strategi ketiga ialah untuk membantu industri-industri

yang kurang berkemampuan untuk merawat atau melupuskan buangan mereka sendiri, Kerajaan telah merancang untuk mendirikan kemudahan bersepadu bagi mengolah dan melupuskan buangan terjadual seperti yang dicadangkan di Bukit Nanas, Negeri Sembilan. Kemudahan yang dicadangkan tersebut dijangka dapat mengendalikan semua jenis buangan terjadual yang dihasilkan di negara ini.

BANGUNAN TINGGI — ANCAMAN KEBAKARAN

35. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pembinaan bangunan-bangunan tinggi di Kuala Lumpur dan lain-lain bandar besar mempunyai ciri-ciri keselamatan terutama daripada ancaman bencana kebakaran. Sila nyatakan:

- (a) sama ada perkhidmatan Bomba akan dilengkapi dengan 'Snorkel' yang lebih canggih bagi menghadapi bencana kebakaran kepada bangunan-bangunan tinggi; dan
- (b) sama ada ciri-ciri keselamatan di bangunan-bangunan tinggi sekarang sudah cukup mencukupi.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Semua bangunan baru yang telah dibina perlu mengikut keperluan-keperluan kebombaian seperti mana yang telah ditetapkan di dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam. Mengikut undang-undang kecil tersebut semua pelan bangunan perlu dikemukakan kepada Jabatan Bomba yang akan menentukan bahawa keperluan-keperluan berkenaan seperti lobby, tangga, koridor, pintu dan alat-alat menentang kebakaran

dan lain-lain telah diambil kira. Selepas itu sokongan menduduki bangunan akan dikeluarkan bila mana bangunan-bangunan berkenaan didapati telah mematuhi syarat-syarat yang diperlukan oleh Undang-undang Kecil Bangunan Seragam ini. Bagi bangunan-bangunan lama yang dibina sebelum penguatkuasaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, Jabatan Bomba sentiasa menggalakkan sistem yang ada di bangunan-bangunan tersebut dipertingkatkan kepada tahap yang lebih memuaskan.

Pembelian alat Snorkel untuk setiap balai bomba memanglah baik. Tetapi alat ini sangat mahal, dan oleh itu hanya balai-balai utama sahaja dapat dibekalkan dengannya. Sebaliknya, melawan kebakaran di bangunan tinggi tidak bergantung semata-mata kepada alat Snorkel. Jabatan Bomba mengamalkan tindakan melawan kebakaran daripada dalam bangunan itu sendiri, maka rekabentuk bangunan yang selamat amatlah penting.

Bangunan-bangunan yang mengikuti peraturan dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam akan mempunyai sekurang-kurangnya ciri keselamatan asas. Jika ini diselenggara dengan baik, sekurang-kurangnya ia akan dapat memberi perlindungan yang minimum.

AIDS — JUMLAH KES

36. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan sehingga sekarang:

- (a) jumlah kes AIDS;
- (b) jumlah kematian akibatnya;
- (c) perbandingan jumlah kes dan kematian sejak sepuluh tahun kebelakangan ini; dan

- (d) langkah-langkah terbaru untuk mengawal dan mencegahnya dari merebak.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Sehingga 30.6.1993 telah dilaporkan ke Kementerian Kesihatan bahawa:

- (a) Jumlah kes AIDS seramai 90 orang.
- (b) Jumlah kematian akibat penyakit AIDS ini sehingga ke tarikh tersebut adalah seramai 55 orang.
- (c) Kes AIDS yang pertama telah dilaporkan hanya pada tahun 1986. Oleh itu perbandingan jumlah kes dan kematian semenjak dari tahun tersebut adalah:

| <i>Tahun</i> | <i>Jumlah Kes</i> | <i>Jumlah Kematian</i> |
|---------------------------|-------------------|------------------------|
| 1986 | 1 | — |
| 1987 | 1 | 2 |
| 1988 | 4 | 3 |
| 1989 | 6 | 3 |
| 1990 | 12 | 8 |
| 1991 | 14 | 14 |
| 1992 | 40 | 19 |
| 1993 (Sehingga 30.6.1993) | 12 | 6 |

- (d) Langkah-langkah terbaru untuk mengawal dan mencegahnya dari merebak termasuklah memberi penerangan kepada Kementerian-kementerian Kerajaan, memben-

tuk kurikulum pendidikan kesihatan keluarga hasil kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, menyediakan filem-filem 'thriller' baru dan mengkaji serta menyusun semula program pengawasan penyakit ini.

KEMPEN "DON'T DRINK AND DRIVE" — CADANGAN PELANCARAN

37. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk melancarkan kempen "don't drink and drive" untuk mengurangkan kadar kemalangan yang membabitkan minuman keras di Malaysia.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kementerian Pengangkutan memang ada rancangan untuk mengadakan kempen keselamatan jalan raya mengenai jangan minum dan memandu atau "don't drink and drive", dengan izin. Bagaimanapun, tarikh bagi kempen ini belum diputuskan lagi.

SEKOLAH AGAMA RAKYAT, KELANTAN — PEMBERHENTIAN BANTUAN PER KAPITA

38. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pendidikan menyatakan kenapakah pada tahun 1993 ini Kerajaan Pusat telah memberhentikan bantuan kewangan berbentuk per kapita kepada Sekolah-sekolah Arab di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Dr. Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan hanya memberhentikan buat sementara waktu

bantuan per kapita kepada Sekolah Agama Rakyat di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) bagi menentukan sama ada bantuan yang diberikan itu digunakan bagi keperluan yang sebenarnya.

**TAHANAN ISA/ORDINAN
DARURAT/DADAH
BERBAHAYA— JUMLAH**

39. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan orang tahanan dalam negeri di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, Ordinan Darurat 1969 (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969 dan Akta Dadah Berbahaya 1985 (Langkah-langkah Pencegahan Khas) sehingga 30.6.1993.

Tuan Ong Ka Ting: Jumlah bilangan orang tahanan negara sehingga 30.6.1993, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri seramai 61 orang, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 seramai 93 orang dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 seramai 1750 orang.

**TALIAN TELEDERA —
SAMBUTAN**

40. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan keberkesanan dan sambutan terhadap:

- (a) talian teledera;
- (b) Majlis Perlindungan Kanak-Kanak;
- (c) kempen elak gadis lari dari rumah; dan

- (d) kempen cegah jenayah pelacuran gadis di bawah umur.

Tuan Yong Khoon Seng:

- (a) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah memulakan perkhidmatan talian teledera dengan kerjasama Syarikat Telekom pada 19 Disember 1990. Pada 29 Januari 1993, perkhidmatan ini telah diperluaskan untuk memberi perkhidmatan 24 jam dan mendapat kerjasama daripada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia. Perkhidmatan talian teledera ini memanglah sangat baik kerana banyak kes-kes penganiayaan kanak-kanak dilaporkan melalui talian teledera ini. Daripada 1,703 panggilan, sebanyak 40 kes telah terbukti sebagai kes benar.
- (b) Keberkesanan dan sambutan terhadap penubuhan Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak tidak dapat diukur pada masa ini kerana Majlis berkenaan baru dilancarkan pada 25 Jun 1993.
- (c) Kempen kesedaran mengenai gadis lari dari rumah telah dipergiatkan melalui media cetak dan elektronik, agar setiap anggota masyarakat dapat memainkan peranan masing-masing dalam mencegahnya. Kementerian saya sedang mengkaji masalah ini secara mendalam bersama-sama dengan Polis DiRaja Malaysia dan Universiti Malaya untuk mengetahui trend/aliran perkembangannya. Justeru itu adalah

terlalu awal bagi Kementerian saya membuat kesimpulan tentang keberkesanan kempen tersebut.

- (d) Berhubung dengan kempen cegah jenayah pelacuran gadis di bawah umur, setakat ini keberkesanan kempen tersebut belum dapat ditentukan dan perlu kajian mendalam berhubung dengannya.

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR — URUSNIAGA DALAMAN

41. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Ishak minta Menteri Kewangan menyatakan apakah benar terdapat amalan urusanniaga dalaman (insider trading) dalam urusanniaga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Kenapakah Suruhanjaya Sekuriti terlalu lambat bertindak terhadap sesetengah kes seperti Union Paper Bhd. Berapa banyakkah keuntungan yang dibuat oleh KUB dalam kes ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Penyiasatan ke atas semua aktiviti urusanniaga dalaman akan dijalankan jika terdapat keterangan-keterangan, aduan-aduan dan bukti-bukti yang nyata berhubung dengan adanya aktiviti tersebut dalam urusanniaga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Penyiasatan terperinci dalam kes ini akan dijalankan oleh Pihak Suruhanjaya Sekuriti dan agensi-agensi Kerajaan yang diberi kuasa membuat penyiasatan ke atasnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Suruhanjaya Sekuriti mula beroperasi pada 1 Mac 1993. Dalam jangkamasa ini, diperhatikan pihak Suruhanjaya Sekuriti telah dapat memainkan dan menjalankan peranan dan tanggungjawab dengan sempurna dan ini membuatkan kepercayaan para pelabur

terhadap pasaran saham negara makin bertambah. Ini terbukti, dalam jangkamasa tersebut urusanniaga saham di BSKL dari segi harga dan jumlah dagangan pada keseluruhannya menunjukkan satu peningkatan yang menggalakkan. Indeks komposit BSKL telah meningkat dari 634.87 mata pada 1 Mac 1993 kepada 742.50 mata pada 19 Julai 1993.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa masalah pasaran memang wujud di mana-mana pasaran saham di seluruh dunia termasuklah negara ini.

Pada keseluruhannya, pasaran saham negara setakat ini menunjukkan satu kegiatan yang sihat kecuali bagi kes Union Paper Holding Berhad (UPHB). Butir-butir lengkap mengenainya telah pun dijelaskan di Dewan ini pada 19.7.1993 iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar. Pada dasarnya, tanggungjawab utama apabila sesuatu yang luar biasa berlaku terletak pada pengarah-pengarah syarikat terlibat untuk segera membuat pengumuman dan segera memaklumkan kepada agensi-agensi yang terlibat. Pada kesimpulannya, kejayaan pihak BSKL dalam menyelesaikan masalah yang timbul akibat urusanniaga saham UPHB ini membuktikan bahawa sistem niaga yang dilaksanakan oleh BSKL adalah baik. Soal untung-rugi dan keputusan penjualan dan pembelian tidak dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti ataupun BSKL.

PENSWASTAAN HICOM — JUMLAH SAHAM

42. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Kewangan menyatakan berikutan dengan penswastan HICOM:

- (a) berapakah jumlah saham akan dikeluarkan mengikut kategori syarikat, perbadanan dan orang ramai; dan
- (b) nyatakan kriteria pemberian saham tersebut yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada pihak-pihak tertentu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Rancangan penyenaian syarikat HICOM Berhad masih lagi dalam pertimbangan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan. Dengan demikian, soal pengagihan saham-sahamnya kepada pihak-pihak awam masih belum diputuskan lagi.

SAINTIS DI LUAR NEGERI — MENARIK BALIK

43. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bagaimanakah Kerajaan bercadang menjalani satu program 'reverse brain-drain' untuk menarik kembali profesional Malaysia, khususnya saintis, yang telah berhijrah ke luar negeri untuk kembali ke Malaysia bagi berkhidmat dalam program pembangunan Negara, dengan menyatakan jumlah kewangan, matlamat bilangan tahunan dan jumlah keseluruhan profesional yang ditetapkan untuk dibawa kembali dan objektif program ini.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ke arah mencapai taraf perindustrian negara menjelang tahun 2020, keperluan bagi mengadakan sumber-sumber tenaga manusia yang terlatih dan mahir, termasuk saintis, sangatlah penting. Oleh yang demikian, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang menyediakan cadangan menyeluruh bagi

pertimbangan Kerajaan mengenai rancangan bagi menarik balik saintis-saintis negara yang sedang berkhidmat di luar negeri. Satu Jawatankuasa Induk telah diwujudkan bagi tujuan ini. Program penarikan balik saintis negara adalah antara langkah-langkah lain bagi menambahkan bilangan dan kualiti saintis-saintis di negeri ini. Rancangan ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menggandakan kegiatan-kegiatan R&D khususnya oleh sektor swasta. Di samping itu, pengambilan saintis-saintis tersebut dapat menyumbang kepada peningkatan daya saing industri-industri tempatan.

Setakat ini cara-cara bagi menarik balik saintis belum lagi ditetapkan dan belum mendapat kelulusan pihak berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, penarikan balik saintis negara dari luar negeri adalah berasaskan kepada keperluan terutamanya permintaan dari sektor swasta bagi kepakaran-kepakaran tertentu. Oleh yang demikian, ramalan mengenai jumlah pengambilan saintis serta penetapan sasaran-sasaran pengambilan tidak dapat diadakan.

SAINTIS MALAYSIA DI LUAR NEGERI

| <i>Bidang</i> | <i>Negara</i> | <i>Bilangan</i> |
|---------------|-----------------------------------------|-----------------|
| Fiziks | Austria, Amerika Syarikat | 4 |
| Kimia | Brunei, Amerika Syarikat, Netherland | 10 |
| Kajihayat | Brunei, Nigeria, Amerika Syarikat | 5 |
| Pertanian | Itali, Oman, Filipina, Amerika Syarikat | 5 |
| Perikanan | Itali | 1 |
| Perhutanan | Itali | 1 |
| Matematik | Amerika Syarikat | 2 |
| Komputer | Amerika Syarikat, Netherlands | 5 |
| Kejuruteraan | Amerika Syarikat, Netherland | 30 |
| Kajibumi | Netherland | 10 |
| Perubatan | Netherland | 2 |
| | Jumlah: | 75 |

PERKHIDMATAN AWAM — PRESTASI DAN PRODUKTIVITI

44. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan berpuas hati di atas prestasi dan produktiviti Perkhidmatan Awam Kerajaan sekarang ini;
- (b) adakah kempen-kempen Kerajaan selama ini telah dapat menyemai dan membentuk kakitangan Kerajaan yang bermotivasi tinggi; dan
- (c) apakah proses orientasi semula kakitangan Kerajaan di agensi-agensi yang diswastakan seperti STM, TNB, Pos Malaysia dan KTMB telah dapat membentuk manusia-manusia yang berorientasikan korporat dan keuntungan.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Pihak Kerajaan sememangnya berpuashati dengan prestasi dan produktiviti yang ditunjukkan oleh Perkhidmatan Awam. Negara ini amat bertuah kerana memiliki institusi Perkhidmatan Awam yang sentiasa cekap, kreatif dan produktif yang mampu menangani wawasan pembangunan negara. Sejak negara mula mencapai kemerdekaan lagi, institusi ini telah memainkan peranan penting dalam pembangunan, hingga berjaya meletakkan negara ini ke tahap kemajuan yang membanggakan. Malah kecemerlangan ini telah mendorong negara-negara membangun yang lain untuk mencontohi dan mem-

pelajari daripada perkhidmatan awam kita serta ingin menghantar pegawai-pegawai mereka berlatih di sini.

Bukti kecemerlangan prestasi Perkhidmatan Awam dapat dinilai melalui tindakan-tindakan strategiknya dalam menggerakkan jentera pentadbiran negara. Sebagai contoh, salah satu daripada tindakan itu ialah perlaksanaan gerakan kualiti dan produktiviti. Tindakan ini memang kena pada masanya iaitu ketika negara ini sedang mengorak langkah memasuki era negara maju. Untuk mencapai taraf ini, produktiviti negara perlu dilipatgandakan, begitu juga dengan kualiti keluaran-keluarannya.

- (b) Pihak Kerajaan telah menjalankan berbagai kempen dalam usahanya memajukan Perkhidmatan Awam. Ini termasuklah pelancaran Gerakan Budaya Kerja Cemerlang, program peningkatan kualiti dan produktiviti, penerapan nilai-nilai Islam, penggunaan tanda nama, kad perakam waktu, dan berbagai lagi. Kesan daripada kempen-kempen dari segi peningkatan tahap motivasi kakitangan awam.

Kini kakitangan awam lebih sedar akan tanggungjawab mereka untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai. Komitmen ini bukan sahaja dapat dilihat melalui slogan-slogan kualiti yang mereka perkenalkan di ruang-ruang pejabat, tetapi juga melalui tindakan-tindakan konkrit bagi memperbaiki mutu perkhidmatan.

Misalnya, memperkemaskan sistem dan prosedur, automasi pejabat, pengkomputeran, dan penyebaran maklumat-maklumat melalui risalah-risalah, talian "hot-line" penghapusan amalan-amalan tidak produktif dan sebagainya. Kakitangan juga menunjukkan inisiatif dan komitmen dalam menerapkan ciri-ciri yang disenangi oleh pelanggan ketika memberikan perkhidmatan seperti layanan mesra, hormat-menghormati, responsif, kesediaan membantu, semangat kerjasama, bertanggungjawab dan lain-lain lagi.

- (c) Agensi-agensi seperti STM, TNB, Pos Malaysia dan KTMB baru diswastakan. Dengan itu proses orientasi semula kakitangan-kakitangan di agensi tersebut supaya mempunyai orientasi korporat dan keuntungan sudah pasti akan mengambil masa.

PANGKALAN TUDM DI BUTTERWORTH — JUMLAH PERBELANJAAN

46. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan masih hendak kekalkan base TUDM di Mata Kuching, Seberang Prai. Berapa jumlah perbelanjaan untuk base ini setiap tahun.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Kerajaan masih mengekalkan penggunaan Pangkalan TUDM Butterworth bagi tujuan pertahanan negara. Anggaran kos bagi menampung anggota-anggota, kelengkapan dan penyenggaraannya adalah RM47.0 juta setahun.

PENDAFTARAN LEWAT KELAHIRAN — TARAF WARGANEGARA ASING

47. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah jaminan agar warganegara asing tidak didaftar sebagai warganegara Malaysia di dalam pelaksanaan pendaftaran lewat beranak;
- (b) memandangkan kemungkinan ini boleh berlaku terutama sekali di Sarawak dan Sabah adakah 'Task Force' yang khusus untuk melicin dan merapikan lagi permohonan agar tidak berlaku tersalah daftar di samping mengelak kelambatan; dan
- (c) berapa banyakkah pemegang kad pengenalan 'merah' yang masih ada di negara ini dan apakah rancangan dan tindakan susulan agar pemegang kad pengenalan 'merah' ini boleh diberi taraf kewarganegaraan Malaysia. Apakah galakan dan rancangan agar mereka yang bermohon dapat lulus temuduga kenegaraan.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Dalam proses pendaftaran lewat kelahiran beberapa prosedur tertentu telah pun ditetapkan. Di antaranya, seseorang pemohon dikehendaki melengkapkan borang permohonan dalam bentuk akuan berkanun oleh pemohon serta dokumen atau bukti sokongan seperti pengesahan dari Ketua Kampung, cabutan daftar sekolah dan akuan bidan atau doktor yang menyambut kelahi-

ran. Di samping itu, temuduga juga dijalankan oleh pihak-pihak tertentu bagi memastikan ketulian dan kesahihan permohonan yang dikemukakan. Dimaklumkan juga bahawa sijil kelahiran tidak menentukan kerakyatan seseorang itu.

- (b) Bagi pendaftaran lewat kelahiran di Negeri Sarawak dan Sabah, prosedur seperti disebut tadi digunakan bagi memastikan setiap permohonan adalah tulin dan sijil kelahiran hanya dikeluarkan kepada permohonan yang layak sahaja.
- (c) Setakat ini sebanyak 415,640 pemegang kad pengenalan merah di negara ini. Kementerian hanya menimbang permohonan kerakyatan daripada pemegang kad pengenalan merah yang memenuhi syarat-syarat dalam perlembagaan sahaja.

LESEN MEMANDU — KESAN SISTEM BARU

48. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar minta Menteri Pengangkutan menyatakan keberkesanan sistem baru untuk memperolehi lesen memandu memandangkan keselamatan jalan raya di negara ini masih lagi di peringkat yang mencemaskan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Setakat ini, adalah terlalu awal untuk menilai keberkesanan sistem ujian pemandu berhemat atau defensive driving, dengan izin. Ini adalah kerana pemanduan berhemat hanya mula dilancarkan pada tahun 1991. Di samping itu, kemalangan jalan raya melibatkan semua golongan pemandu sama ada yang

baru ataupun yang telah lama memperolehi lesen memandu.

MENTERI PENUH SABAH — PERLANTIKAN

49. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) rasionalnya perlantikan seorang Menteri penuh khusus mengenai hal ehwal Negeri Sabah; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang melantik seorang menteri penuh bagi hal ehwal setiap negeri yang diperintah oleh pembangkang.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Kerajaan mendapati adalah penting seorang menteri dipertanggungjawabkan untuk mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan Sabah dan mengemukakan syor-syor kepada Kerajaan Persekutuan mengenai tindakan yang perlu diambil.
- (b) Tidak.

MASALAH INFRASTRUKTUR KEPADA PENDUDUK KAMPUNG — MENGATASI

50. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa antara masalah pokok yang sedang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung baru ialah kekotoran, kekurangan lampu jalan dan jalan tar, klinik tidak ada atau kurang lengkap. Jika ya, sama ada Kementerian beliau

mempunyai sebarang pelan induk mengatasi masalah ini. Jika ya, sebutkan butir-butirnya, Jika tidak, mengapa; dan

- (b) sama ada beliau sedar bahawa perkhidmatan klinik di perkampungan Machang Bubuk, Bukit Mertajam kini telah tinggal perkhidmatan bidan sahaja sejak dua tiga tahun dahulu. Jika ya, apakah tindakan telah diambil oleh Kementerian beliau supaya klinik tersebut akan dipulih perkhidmatan sepenuhnya sebagai sebuah klinik yang lengkap.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat seperti kekotoran, kekurangan lampu dan jalan tar merupakan masalah-masalah di semua kawasan perumahan termasuk di kampung-kampung. Kementerian ini dan Pihakberkuasa Tempatan yang berkenaan memang berusaha untuk mengatasinya. Tetapi pelaksanaan projek-projek tersebut adalah berasaskan kepada peruntukan yang sedia ada serta keutamaannya. Sehubungan dengan perkara ini juga saya memaklumkan di sini bahawa salah satu masalah yang dihadapi oleh Kerajaan ialah kecuaiian atau kekurangan penghargaan oleh sebilangan penduduk dalam menjaga kemudahan-kemudahan yang diberi oleh pihak Kerajaan. Oleh itu tindakan sedang diambil supaya penglibatan dan kerjasama orang ramai dalam menjaga kemudahan-kemudahan serta kebersihan dapat dipertingkatkan bagi mengatasi sebahagian daripada masalah-masalah yang dibangkitkan.

Berhubungan dengan soalan kedua, ia adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

BANGUNAN SEKOLAH/RUMAH GURU DI SABAH — PERBELANJAAN

51. Tuan Michael Asang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang telah diluluskan dan dibelanjakan untuk tujuan membina, membina semula dan memperbaiki bangunan-bangunan sekolah serta rumah guru di negeri Sabah mulai Januari, 1993 hingga Jun, 1993;
- (b) tindakan yang diambil oleh Kementerian berhubung dengan kenyataan Menteri Kewangan Malaysia yang baru-baru ini telah datang membuat lawatan ke Pulau Banggi, Kudat berhubung dengan keadaan bangunan sekolah menengah di pulau tersebut; dan
- (c) sama ada Kementerian bercadang untuk membina blok tambahan Asrama Puteri di dua sekolah menengah di Bahagian Sandakan iaitu:
- (i) SMK Telupid
 - (ii) SMK Beluran

memandangkan bilangan pelajar luar bandar yang sangat memerlukan asrama adalah ramai bilangannya dan bangunan asrama yang ada sekarang ini telah tidak dapat menampung lebih ramai pelajar dari luar bandar.

Dr. Fong Chan Onn:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi tujuan membina, membina semula dan

memperbaiki bangunan sekolah dan rumah guru di negeri Sabah mulai Januari 1993 hingga Jun 1993 adalah seperti berikut:

| <i>Program</i> | <i>Aktiviti</i> | <i>Peruntukan (RM)</i> | <i>Perbelanjaan (RM)</i> |
|----------------|------------------|----------------------------|------------------------------|
| Bangunan | (i) membina | 34,842,200 | 11,067,057 |
| Sekolah | (ii) memperbaiki | 1,632,000 | 1,017,060 |
| Rumah Guru | (i) membina | 3,475,000 | 1,231,009 |

(b) Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian untuk mempertingkatkan lagi kemudahan fizikal di sekolah-sekolah di seluruh negara. Tindakan sentiasa diambil dari masa ke semasa mengikut keperluan dan keutamaan.

(c) Pada masa ini, pihak Kementerian sedang mengenalpasti keperluan sebenar mengenai asrama di SMK Telupid dan SMK Beluran. Keperluan untuk mengadakan blok tambahan asrama juga bergantung kepada peruntukan yang ada.

PESTA KEAAMATAN DI SABAH — SIARAN LAGU

52. Tuan Joseph Voon Shin Choi minta Menteri Penerangan menyatakan kenapakah lagu-lagu Pesta Keaamatan tidak disiarkan sepanjang perayaan Pesta Keaamatan yakni mulai dari 1hb. Mei hingga 31hb. Mei 1993. Lagu-lagu Pesta Keaamatan hanya dimainkan pada 29hb. hingga 31hb. Mei 1993 tetapi hanya dalam bahasa Kadazan Dusun tetapi tidak dalam bahasa Murut. Dan kenapakah pihak RTM Sabah tidak membenarkan kumpulan-kumpulan pertubuhan kebudayaan untuk membuat kunjungan

kehormat terhadap pengarah penyiaran Sabah. Dan adakah pihak Kerajaan sedar ada wakil pertubuhan kebudayaan yang ingin membuat kunjungan kehormat kepada pengarah penyiaran sejak bulan Mei tetapi sehingga pada hari ini mereka belum lagi diberi layanan.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Adalah amalan biasa, lagu-lagu berkaitan dengan satu-satu perayaan peringkat negeri Sabah dimainkan 3 hari sebelum dan semasa hari perayaan.

Semasa Pesta Keaamatan baru-baru ini, lagu-lagu dalam bahasa Kadazan dan Dusun disiarkan dalam tempoh tersebut. Lagu-lagu Pesta Keaamatan disiarkan sekurang-kurangnya lima kali sehari.

Sebaik sahaja surat diterima daripada kesatuan kebudayaan tersebut, Pejabat-Pengarah penyiaran Sabah telah menulis surat kepada pihak kesatuan berkenaan supaya berhubung dengan pejabat beliau. Sehingga sekarang kesatuan tersebut belum menghubungi Jabatan Penyiaran semula.

EMPANGAN PERGAU — KAJIAN ALIRAN AIR

53. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada satu kajian telah dibuat untuk mengawasi kesan-kesan spesifik Empangan Pergau ke atas pengaliran air untuk petani-petani di negeri-negeri bahagian utara Semenanjung, sekiranya tiada, mengapa tidak; sekiranya ya, apakah kesannya.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Kajian untuk mengawasi kesan-kesan spesifik Empangan Pergau ke atas pengaliran air tiada dibuat di kawasan terlibat. Walau bagaimanapun, mengikut pengalaman dan keadaan di empangan penjana

kuasa hidro yang lain, empangan ini dapat membantu sedikit sebanyak kepada kawalan banjir di kawasan hilir empangan tersebut.

Juga empangan ini, pada musim kering dapat mengawal dengan melepaskan air ke hilir empangan dan seterusnya ke Sungai Kelantan. Pengawalan aliran air akan memberi manfaat kepada beberapa Projek/Skim Pengairan yang berada di sepanjang Sungai Kelantan seperti Rancangan-rancangan Pengairan Kemubu, Lemal, Salor dan Pasir Mas.

**BAYI DIJUAL DAN DIGUGUR
OLEH DOKTOR — JUMLAH
KES**

54. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kes-kes doktor yang terbabit dengan kegiatan menjual bayi dan mengugurkan kandungan secara haram yang dapat dikesan setakat ini; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dan kesan-kesannya.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Majlis Perubatan Malaysia telah menerima 2 aduan/maklumat mengenai klinik swasta yang melakukan pengguguran kandungan, tiada sebarang aduan/laporan mengenai kegiatan menjual bayi di klinik-klinik swasta diterima oleh Majlis ataupun Kementerian.
- (b) Kes-kes seperti ini adalah merupakan kesalahan jenayah dan di bawah bidang kuasa pihak berkuasa (Polis). Kementerian dan Majlis Perubatan Malaysia berusaha mengingatkan penga-

mal-pengamal perubatan agar mematuhi undang-undang serta kod etika profesion sepenuhnya. Majlis boleh mengambil tindakan tatatertib ke atas pengamal-pengamal perubatan yang disabitkan kesalahan jenayah mengikut Akta Perubatan 1971. Pada masa ini Majlis menghadapi kesukaran untuk mengambil tindakan ke atas doktor-doktor berdaftar yang melakukan kegiatan yang bertentangan dengan etika amalan perubatan kerana orang ramai tidak melaporkan kegiatan-kegiatan tersebut secara rasmi kepada Majlis.

**LAWATAN PERDANA MENTERI
KE LUAR NEGERI —
KEJAYAAN**

55. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) Sejauh manakah kejayaan misi lawatan Perdana Menteri ke luar negeri bagi menarik pelaburan;
- (b) Apakah Kerajaan Pusat ada rancangan menyertakan semua pihak Kerajaan Negeri Kelantan dalam misi lawatan itu.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Misi lawatan-lawatan oleh YAB Perdana Menteri ke luar negeri sememangnya berjaya menarik pelabur-pelabur asing luar ke Malaysia. Di samping itu, lawatan berkenaan juga menyumbangkan kepada peningkatan kerjasama ekonomi dan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara yang dilawati.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat

China baru-baru ini, umpamanya berjaya menghasilkan sebanyak 36 Perjanjian Usahasama dan Memorandum Persefahaman bernilai RM8,244 juta yang ditandatangani di antara usahawan Malaysia dan RRC. Usahasama ini meliputi pelaburan dalam perhotelan, hartanah, infrastruktur dan perusahaan makanan. Kedua-dua belah pihak juga sedang merundingkan sejumlah RM352.2 juta pesanan dan kontrak eksport barangan ke China. Adalah diharap dengan perkembangannya kerjasama perdagangan dan ekonomi di antara Malaysia dan RRC, projek-projek usahasama pelaburan dapat dipertingkatkan lagi. Begitu juga dengan lawatan YAB Perdana Menteri ke negara-negara di Amerika Latin dan Amerika Selatan pada tahun 1991 di mana lawatan berkenaan telah membuatkan Malaysia kini lebih dikenali di negara-negara tersebut. Hasilnya beberapa buah negara di rantau itu telah menunjukkan minat untuk menjalinkan hubungan kerjasama dalam bidang pelaburan dengan Malaysia. Kita telah pun menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan Chile, dan sedang dalam proses merundingkan untuk mengadakan perjanjian yang sama dengan beberapa negara lain di rantau berkenaan.

Berbanding dengan usaha untuk menarik pelaburan, kejayaan misi lawatan YAB Perdana Menteri ke Republik Uzbekistan dan Republik Iran dan lebih menghasilkan kejayaan untuk mempertingkatkan perdagangan dan kerjasama ekonomi di antara Malaysia dan negara-

negara tersebut. Ini adalah memandangkan hakikat Uzbekistan dan Iran lebih cenderung untuk mendapatkan bantuan dan pelaburan dari Malaysia dalam melaksanakan berbagai projek pembangunan seperti sistem perhubungan, pengangkutan, industri pelancongan dan perdagangan bagi mencapai tahap ekonomi yang lebih maju. Walau bagaimanapun, terdapat juga minat dari pihak Iran untuk melabur dan mengadakan projek usahasama dengan pihak Malaysia seperti di bidang industri elektronik dan perbankan (banking).

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menghalang mana-mana Kerajaan Negeri untuk mengadakan usahausaha penggalakan pelaburan di luar negeri. Malah Kerajaan juga memberi kerjasama dan bantuan yang sewajarnya. Dalam hubungan ini, sekiranya terdapat minat dari pihak Kerajaan Negeri Kelantan untuk menyertai lawatan YAB Perdana Menteri ke luar negeri, Kerajaan Pusat sedia menimbangkan penyertaan mereka.

MAJIKAN MEMBERHENTIKAN PEKERJA TEMPATAN — TINDAKAN KERAJAAN

56. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Sumber Manusia mengatakan berapakah kes-kes yang berlaku di mana majikan-majikan memberhentikan pekerja-pekerja tempatan semata-mata untuk digantikan dengan buruh asing. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap majikan-majikan yang bersikap sedemikian.

Dato' M. Mahalingam: Pertanyaan ini telah dijawab di Dewan yang mulia ini semasa menjawab soalan No. 3 dari Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri pada 20.7.1993 mengenai perkara yang sama.

Kementerian Sumber Manusia tiada apa-apa perkara untuk ditambah kepada jawapan yang telah diberi itu.

KAPAL TERBANG TENTERA "JET FIGHTERS" — PEMBELIAN

57. Dr. V. David minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) betul atau tidak bahawa Kerajaan akan membeli beberapa unit kapal terbang tentera jenis "Jet Fighters" daripada negara asing;
- (b) berapa jumlah kos pembelian kapal terbang tentera ini; dan
- (c) bolehkah beliau memberitahu Dewan ini, tentang mustahaknya Kerajaan membelanjakan wang yang begitu banyak bagi pembelian kapal terbang-kapal terbang tentera tersebut, memandangkan ancaman komunis atau pengganasan luar negeri sudah tiada lagi di Rantau Asia Tenggara.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Soalan ini telah saya jawab bersekali dengan soalan No. 7 daripada YB Tuan Lt. Kol (B) Ibrahim bin Sareh pada 26 Julai 1993.

DASAR PERTANIAN NEGARA — USAHA SECARA KOMERSIL

58. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Pertanian menyatakan

tentang apakah perancangan Kementerian sejajar dengan Dasar Pertanian Negara, iaitu supaya aktiviti di sektor pertanian di komersilkan. Setakat ini apakah aktiviti pertanian yang 'viable' untuk diusahakan secara komersil mengikut sektor dan negeri.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Dasar Pertanian Negara (1992-2010) bertujuan membentuk sektor pertanian yang komersil berpandukan pasaran, cekap, berdaya saing dan dinamik. Transformasi sektor pertanian tersebut boleh dicapai melalui penggunaan sumber secara optima, pembangunan pesat industri berasaskan pertanian, peningkatan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan penyebaran teknologi, pembaharuan strategi pemasaran dan pengukuhan institusi peladang/nelayan yang berdaya maju.

Peranan sektor swasta adalah untuk meningkatkan pelaburan dan memperkenalkan teknologi baru berserta dengan pelaburan sektor awam untuk menyediakan infrastruktur pertanian yang sesuai adalah penting bagi mempercepatkan lagi proses transformasi sektor pertanian. Oleh itu, langkah-langkah perancangan yang perlu diadakan termasuklah memperkemas sistem maklumat pertanian terutamanya maklumat pasaran dan potensi tanaman, pembangunan Sumber Manusia untuk menyediakan usahawan dan tenaga kerja pertanian berkemahiran tinggi dan penyelidikan teknologi penjimatan penggunaan tenaga buruh. Di samping itu, institusi Pertubuhan Peladang/Nelayan diperkukuhkan melalui program anak angkat supaya penglibatan dan peranan institusi tersebut akan dapat mempercepatkan proses transformasi tersebut.

Peluang-peluang pelaburan dalam sektor pertanian terbuka luas meliputi

aktiviti-aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengedaran dan perdagangan. Di antara peluang yang boleh diceburi secara komersil ialah pengeluaran tanaman dan makanan bernilai tinggi termasuk buah-buahan, sayur-sayuran, bunga-bunga, perikanan (laut dalam dan aquaculture), dan penternakan (lembu pedaging dan ternusu, kambing/bebiri dan ayam itik). Di samping itu industri hiliran asas tani seperti pemerosesan jus buah-buahan dan pemprosesan makanan dan pelancongan asas tani (agrotourism), tanaman bunga-bunga dan tanaman hiasan mempunyai potensi yang tinggi serta pulangan pelaburan yang baik. Aktiviti-aktiviti pertanian ini boleh diusahakan mengikut kesesuaian jenis tanaman dan iklim tempat.

DASAR PERTANIAN NEGARA — MELAHIRKAN PELADANG/ PETANI MODEN

59. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan Dasar Pertanian Negara yang baru sudah diperkenalkan, apakah langkah-langkah yang sudah Kerajaan programkan untuk merealisasikan matlamat-matlamat dasar itu bagi tempoh akan datang ke arah melahirkan peladang/petani moden di negara ini, di samping mengurangkan penggantungan kita pada barangan makanan import.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Dasar Pertanian Negara (1992-2010) adalah berpandukan pasaran, berdaya saing, cekap, dinamik dan komersil yang meliputi pembangunan komoditi dan masyarakat petani. Penekanan kepada melahirkan peladang/petani moden memang dititikberatkan di dalam DPN. Oleh itu, pembangunan sumber manusia adalah merupakan strategi utama untuk mencapai peningkatan produktiviti dan output pertanian serta melahirkan

peladang/petani moden. Pembangunan sumber manusia akan menyediakan pelengkap yang penting kepada usaha penyelidikan dan pembangunan, pengembangan dan pemasaran.

Pembangunan ekonomi yang menyeluruh bersifat, komersil, berdaya saing, dan berdaya tahan memerlukan petani/peladang yang berpengetahuan maju dan baru. Oleh itu latihan yang meliputi peladang-peladang, pengusaha industri berasaskan pertanian, pemasar-pemasar dan juga pegawai pengembangan akan diberi penekanan.

Latihan-latihan termasuklah aspek pengurusan pertanian (pengeluaran hingga pemprosesan), pembungkusan dan pemasaran, kawalan kualiti keluaran, kepimpinan, kemahiran pengurusan organisasi dan keusahawanan. Pembangunan institusi peladangan pula akan ditumpukan kepada pembangunan modal, kepakaran teknikal, pengurusan dan kewangan.

Usaha-usaha ini akan dapat mewujudkan petani/peladang moden yang selaras dengan matlamat DPN (1992-2010).

Bagi mengurangkan pengantungan kepada import makanan, Kerajaan telah mengenalpasti beberapa jenis makanan yang boleh dikeluarkan dari dalam negara. Asas pengeluaran bergantung kepada ciri 'comparative advantage' dan 'comparative advantage' dibandingkan dengan barangan import. Langkah-langkah yang telah diambil ialah meningkatkan penyelidikan untuk menghasilkan baka-baka dan klon-klon yang bermutu tinggi yang sesuai dengan iklim asas tani tempatan.

Peranan sektor swasta dan institusi petani adalah penting dalam perancangan penghasilan makanan gantian import. Di samping itu, Kerajaan khususnya

Kementerian ini sedang mengkaji semula dan memperkemas insentif atau galakan yang sedia ada bagi meningkatkan lagi pelaburan sektor swasta.

Kerajaan akan terus menyediakan infrastruktur pertanian yang sesuai untuk menggalakkan pengeluaran tanaman-tanaman tersebut. Di samping itu, kemudahan pendaratan ikan diperbaiki untuk membangunkan perikanan laut dalam bagi menjamin makanan dari laut mencukupi.

TELEFON/ELEKTRIK — MENGURANGKAN KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN

60. Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandang perkhidmatan telefon dan tenaga adalah perkhidmatan perlu dan mengambil kira keuntungan besar yang diperolehi oleh Tenaga Nasional dan Syarikat Telekom Malaysia, adakah Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan kadar bayaran bagi kedua-dua perkhidmatan tersebut.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar keuntungan besar yang diperolehi Telekom Malaysia Bhd. dan Tenaga Nasional Bhd. tetapi Kerajaan perlu juga mengambil kira perbelanjaan modal syarikat-syarikat ini bagi melaksanakan rancangan pembangunan untuk meningkatkan kapasiti dan rangkaian perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi dan elektrik di Malaysia. TMB akan memerlukan perbelanjaan modal sebanyak RM13 billion bagi tempoh lima tahun iaitu antara tahun 1993 – 1997. TNB pula memerlukan RM10 billion untuk maksud yang sama bagi tempoh RM6. Penentuan kadar tarif

bergantung kepada kos operasi dan kemampuan kewangan syarikat. Sebarang kenaikan atau pengurangan kasar tarif perlu dikaji secara terperinci sebelum diluluskan oleh pihak Kerajaan untuk menjaga kepentingan pengguna, penguasa dan negara.

PENAGIH DADAH — JUMLAH BERDAFTAR

61. Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed meminta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah penagih najis dadah yang berdaftar dan berapakah jumlah mereka yang terlibat dengan dadah mengikut anggaran Kementerian ini; dan
- (b) adakah Kerajaan menganggap masalah penyalahgunaan dadah adalah genting dan jika ya, apakah langkah-langkah baru yang diambil untuk menangani masalah tersebut.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak mendaftar penagih dadah. Laporan dari berbagai agensi pelaksana anti dadah kepada Pasukan Petugas Anti Dadah, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia menunjukkan terdapat 20,236 penagih dadah dalam tahun 1992. Dalam tahun yang sama juga satu kajian yang dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia telah memberi anggaran jumlah penagih dadah seramai 87,835 orang.
- (b) Kerajaan sejak tahun 1983 lagi telah mengisytiharkan dadah sebagai masalah yang mengancam

keselamatan negara. Justeru itu, pendekatan yang diamalkan untuk menangani masalah tersebut adalah berbentuk pelbagai bidang, bersepadu dan melibatkan pelbagai agensi Kerajaan. Langkah jangka masa pendek yang digunakan adalah berbentuk penguatkuasaan. Langkah-langkah yang diambil melalui pendekatan ini ialah untuk mengetatkan undang-undang dadah yang sedia ada, dan menguatkuasakannya. Masyarakat juga didedahkan kepada bahaya penggunaan dan penagihan dadah sama ada ke atas individu, keluarga, masyarakat setempat dan negara.

Langkah jangka masa panjang yang kini diberikan keutamaan sebagai strategi pencegahan dadah ialah pencegahan awalan. Strategi ini dilaksanakan melalui tiga bidang tindakan seperti berikut:

- (i) Pendidikan Pencegahan (disekolah);
- (ii) Penerangan; dan
- (iii) Penglibatan masyarakat.

Murid-murid sekolah didedahkan kepada unsur-unsur bahaya dadah serta langkah-langkah mencegahnya. Unsur-unsur ini diserapkan ke dalam kurikulum, ko-kurikulum dan kurikulum pendidikan guru. Murid-murid diberi tahu mengenai kecergasan melalui penglibatan dalam aktiviti sihat seperti sukan, berpesatuan dan sebagainya.

Satu lagi bidang baru yang diberikan keutamaan ialah penglibatan masyarakat secara terus dalam usaha pencegahan

dadah. Penggunaan dadah adalah satu masalah yang berlaku dalam masyarakat dan masyarakat setempat sedar dan tahu penglibatan orang tempatan dalam kegiatan itu. Beberapa siri program latihan telah dan sedang diatur untuk melatih penduduk setempat menangani masalah ini.

Pasukan Petugas Anti Dadah juga sedang meneliti beberapa rancangan lain untuk mengemas-kan lagi usaha-usaha pencegahan dadah dalam masyarakat dan akan dilaksanakan mengikut keperluan semasa.

Selain daripada itu di sudut pemulihan pula Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri memulakan langkah ke arah menempatkan penagih dadah yang berada di Pusat Jagaan lanjutan mengikut daerah-daerah tempat asal/tinggal mereka. Dengan cara ini diharapkan penglibatan ibu bapa, keluarga dan masyarakat setempat dalam menangani masalah dadah dapat ditingkatkan lagi.

PEMBUNUHAN MUSTAKIZAH — HASIL SISATAN

62. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapakah pihak Polis mengambil masa yang begitu lama untuk menjalankan penyiasatannya terhadap kes pembunuhan Mustakizah berbanding dengan kes Bentong Kali yang dapat diselesaikan dengan cepat.

Tuan Ong Ka Ting: Penyiasatan terhadap kes pembunuhan Mustakizah masih dijalankan oleh Polis. Setakat ini, tiada bukti-bukti yang kukuh terhadap

saspek yang terlibat. Saksi-saksi yang melihat kejadian ini tidak dapat mengenalpasti penjenayah yang melakukannya. Sementara bagi kes Bentong Kali, saksi-saksi secara positif memberikan maklumat terhadap kes pembunuhan yang dilakukan oleh Bentong Kali.

PENGGUGURAN BAYI SECARA HARAM — SIASATAN

63. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah hasil siasatan yang mengenai kes pengguguran bayi secara haram; dan
- (b) tindakan pihak Kementerian bercadang untuk memaparkan senarai klinik yang dikenalpasti telah melakukan pengguguran secara haram ini.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Majlis Perubatan Malaysia telah menerima maklumat mengenai klinik swasta yang melakukan pengguguran kandungan. Majlis menghadapi kesukaran untuk mengambil tindakan tatatertib ke atas pengamal-pengamal perubatan yang mengendalikan kes-kes pengguguran secara haram kerana tidak mendapat kerjasama orang ramai. Memandangkan kes-kes ini adalah kes-kes jenayah, orang ramai juga perlu melaporkannya kepada pihak Polis untuk tindakan sewajarnya.
- (b) Kementerian dan Majlis Perubatan Malaysia hanya boleh bertindak mengikut bidangkuasa masing-masing. Dalam hal ini, pada kebiasaannya Majlis

Perubatan Malaysia memberi nama pengamal perubatan, kesalahan yang telah dilakukannya serta hukuman yang telah dijatuhkan ke atas pengamal perubatan tersebut kepada akhbar-akhbar tempatan untuk disiarkan selepas tamat sesuatu siasatan tatatertib dijalankan.

MARKAS ASHAARI MUHAMMAD DI LUAR NEGERI — KENALPASTI

64. Wan Hanafiah bin Mat Saman minta Menteri Luar Negeri menyatakan tempat-tempat yang menjadi markas atau kubu Ashaari Muhammad, Ketua Kumpulan Aurad Muhammadiyah di luar negara dan menyatakan sama ada pihak Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara memerhati dan membuat laporan tentang kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh kumpulan Al-Arqam yang dianggap akidahnya menyeleweng daripada Aqidah Ahli Sunnah Wal Jumaah oleh Pusat Islam Jabatan Perdana Menteri.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Beberapa negara telah dikenalpasti oleh Kerajaan di mana Ashaari Muhammad mempunyai kegiatan-kegiatannya di luar negeri dan negara-negara tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Mesir
- (ii) Pakistan
- (iii) Indonesia
- (iv) Filipina
- (v) Thailand
- (vi) New Zealand
- (vii) Amerika Syarikat.

Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri sentiasa mengikut perkembangan kegiatan Al-Arqam di luar negeri. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, daripada maklumat-maklumat dan laporan yang diperolehi, pada keseluruhannya kegiatan pihak Al-Arqam untuk meluaskan pengaruhnya di kalangan masyarakat Islam Malaysia di luar negeri termasuk pelajar-pelajar Malaysia adalah masih jauh dari mencapai apa-apa kejayaan atau membawa kesan yang signifikan. Namun demikian, usaha-usaha terus dijalankan oleh Kerajaan dari masa ke semasa bagi memastikan pengaruh Al-Arqam tidak tersebar di kalangan masyarakat Malaysia di luar negeri.

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) — BANTUAN

65. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Pertanian menyatakan Program dan Bantuan bagi menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana yang berasaskan pertanian.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana, program dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan menerusi agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian termasuklah program dan bantuan yang berikut:

1. Program Kursus/Latihan/Bimbingan.
2. Program Galakan/Promosi Pasaran.
3. Bantuan Penyediaan/Peningkatan infrastruktur.
4. Bantuan Kewangan.
5. Bantuan Peralatan.
6. Program Meningkatkan Mutu/Kualiti Barangan Proses dan Persembahan Produk.

7. Menjalankan Kajian dan Penyelidikan dan menyampaikan maklumat kepada usahawan.

Agensi-agensi yang terlibat dengan program-program tersebut termasuklah MARDI, LPP, FAMA, LKIM dan Bank Pertanian Malaysia (BPM).

HOSPITAL UNIVERSITI — BILANGAN PROFESOR DAN PENSYARAH

66. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan pensyarah dan profesor yang terdapat di Hospital Universiti Kuala Lumpur dan bilangan doktor asing. Di bidang apakah doktor-doktor asing ini bekerja. Mengapa ijazah perubatan Universiti Malaya masih tidak dapat diiktiraf semula oleh Majlis Perubatan Am, United Kingdom. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperbaiki keadaannya.

Dr. Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Profesor yang terdapat di Hospital Universiti ialah seramai 21 orang, Profesor Madya seramai 57 orang dan Pensyarah 105 orang. Buat masa sekarang terdapat seramai 5 orang doktor warganegara asing berkhidmat di Hospital Universiti dan bidang-bidang mereka adalah Otorinolaringologi, Oftalmologi, Pediatrik, Patologi dan Ortopedik.

Untuk makluman, keputusan "General "Medical Council" (GMC) di United Kingdom tidak mengiktiraf Ijazah Perubatan dari Universiti Malaya adalah tidak begitu jelas. Namun demikian tindakan GMC tersebut tidak penting kerana Universiti Malaya berkemampuan mengeluarkan graduan-graduan Perubatan yang berkualiti. Ia bukan sahaja dapat memberi khidmat yang bermutu di dalam negara, malahan juga diterima di negara-negara luar.

Untuk mengekalkan dan seterusnya meningkatkan kualiti pelajar Perubatan, beberapa langkah telah diambil iaitu:

- (i) menghantar pensyarah-pensyarah UM mengikut kursus-kursus kepakaran di UM sendiri dan universiti-universiti di luar negara seperti Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand.
- (ii) mengambil pakar-pakar asing bekerja secara kontrak dan menjadi Profesor jemputan di UM.
- (iii) menjemput pakar-pakar asing sebagai penilai bagi graduan-graduan UM.

BANJIR KILAT — BAYARAN KOMPENSASI KEPADA MANGSA

67. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah yang dilakukan oleh Kerajaan tentang kompensasi untuk mangsa-mangsa banjir kilat yang disebabkan oleh pembangunan berleluasa yang tidak mengambil tindakan memastikan sistem pengaliran air dilakukan dengan sempurna;
- (b) berapakah nisbah pemaju yang gagal membayar "cukai saliran" kepada pihak-pihak berkuasa Kerajaan Tempatan; dan
- (c) berapakah nisbah dari cukai ini yang telah digunakan sepenuhnya oleh pihak-pihak berkuasa tempatan untuk khasnya membebankan saliran yang secukupnya.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Soalan yang dikemukakan itu

terlalu umum dan tidak menyatakan negeri atau Pihakberkuasa Tempatan yang terlibat dengan masalah berkenaan. Tanpa menyatakan dengan khususnya Pihakberkuasa Tempatan yang terlibat, amatlah sukar bagi Kementerian ini menjawab soalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, sukalah saya jelaskan bahawa masalah banjir kilat ini bukanlah suatu masalah yang dihadapi oleh semua Pihakberkuasa Tempatan di negara ini. Masalah ini selalunya berlaku pada sesuatu tempat tertentu sahaja. Oleh itu, setakat ini belum ada sesuatu dasar yang tertentu yang digunakan oleh Pihakberkuasa Tempatan mengenai kompensasi kepada mangsa-mangsa banjir itu.

MAJLIS KEBANGSAAN KERAJAAN TEMPATAN (MKKT) — BAIKPULIH

68. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah masalah dan kelemahan yang penting yang dihadapi oleh Kerajaan Tempatan yang telah diarah untuk dibaikpulih oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan (MKKT) dan apakah syarat yang jarang dapat dipenuhi oleh mereka untuk mendapatkan pemberian geran keseimbangan tahunan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Pihakberkuasa Tempatan menghadapi masalah sumber hasil yang terhad di samping menghadapi kekurangan keupayaan akibat tidak cukup atau ketiadaan pegawai profesional untuk melaksanakan kuasa-kuasanya. Keadaan ini berlaku terutamanya di dalam pentadbiran Majlis Daerah, terutama daerah yang kurang membangun dari segi kepesatan perbandaran.

Sebenarnya, PBT tidak menghadapi banyak masalah untuk mendapatkan pemberian Geran Tahunan Berdasarkan Kaedah Keseimbangan. Syarat yang dikenakan supaya akaun tahunan diserahkan untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara telah dipatuhi. Pada tahun 1992, syarat supaya PBT menyerahkan untuk diaudit akaun tahunan 1989 telah dipatuhi oleh semua PBT. Bagi pemberian geran tahunan 1993, syarat yang dikenakan ialah penyerahan akaun tahunan sehingga 1991 dan mengemukakan cadangan-cadangan penggunaan geran tersebut.

SUBSIDI KEPADA PETANI — JENIS

69. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa jenis dan bentuk subsidi yang telah diberikan kepada petani-petani;
- (b) apakah pihak Kerajaan akan meneruskan pemberian subsidi kepada petani-petani;
- (c) apakah pihak Kerajaan mengkaji bantuan dan subsidi yang diberikan kepada petani selama ini digunakan hingga ke paras maksima; dan
- (d) apakah subsidi benar-benar menolong meningkatkan taraf hidup petani.

Datuk Seri Sanusi bin Junid:

- (a) Pada dasarnya terdapat 2 jenis subsidi diberikan oleh Kerajaan kepada petani-petani iaitu Subsidi Harga dan Subsidi Baja Padi.
- (b) Sejak pelaksanaan DPN 1984 dasar Kerajaan ialah untuk

mengurangkan pemberian subsidi kecuali kepada penanam padi. Pemberian subsidi kepada penanam padi ialah kerana ianya merupakan tanaman keselamatan.

- (c) Bantuan subsidi yang diberikan kepada petani-petani dikaji dari masa ke semasa. Setakat ini Kerajaan berpuashati bantuan subsidi tersebut telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh petani-petani. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan menunjukkan penggunaan baja di petak sawah adalah menyeluruh dan telah dapat meningkatkan hasil. Di samping itu, tinjauan juga telah menunjukkan 76% daripada petani-petani menggunakan varieti padi yang diisytiharkan oleh MARDI dan ini telah dapat meningkatkan kadar hasil pengeluaran padi.
- (d) Adalah tidak dapat dinafikan pemberian subsidi telah dapat membantu meningkatkan pendapatan petani-petani. Namun demikian perlu diingatkan subsidi adalah sebagai satu bantuan jangka pendek yang bertujuan untuk mencapai matlamat jangka panjang dari segi mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan hasil, produktiviti dan mutu pengeluaran tanaman oleh petani-petani di samping mengekalkan daya saing negara dalam mengusahakan tanaman-tanaman tersebut. Dalam hal ini, adalah didapati subsidi dan lain-lain bantuan yang dihulurkan oleh Kerajaan telah dapat menyumbang ke arah matlamat jangka panjang ini.

**LOJI MEMPROSES BAHAN
TOKSID DI BUKIT PELANDOK,
NEGERI SEMBILAN —
BANTAHAN**

70. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kedudukan rancangan mendirikan loji memproses bahan toksid di Bukit Pelandok, Negeri Sembilan dan apakah cadangan balas Kerajaan di atas bantahan para penduduk di kawasan itu.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah memperakukan supaya projek pengolahan dan pelupusan buangan industri yang dicadangkan di Bukit Nanas, Negeri Sembilan diluluskan. Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri Sembilan belum lagi membuat keputusan muktamad mengenai tapak cadangan berkenaan. Oleh yang demikian, buat masa ini soal mencari tapak cadangan alternatif tidak timbul.

**PENUBUHAN ASEAN —
PERANAN**

71. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) semenjak ASEAN ditubuhkan pada tahun 1967 adakah ianya memainkan peranannya, di antara lain, kerjasama serantau boleh dikatakan membanggakan;
- (b) apakah benar dakwaan oleh setengah pihak bahawa walaupun perisytiharan Deklarasi Bangkok dan juga Bali Summit pada tahun 1967, hingga sekarang kerjasama dari segi ekonomi adalah begitu lembab sentiasa "plagued with

bureaucratic arthritis" dan tidak menggalakkan langsung; dan

- (c) bagaimanakah pihak Kerajaan dapat memastikan bahawa dengan penubuhan Asean Free Trade Area (AFTA) pada tahun ini ia akan bergerak dengan lebih lancar diterima baik oleh semua anggota negara AFTA khususnya dari segi "tariff reduction".

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Apabila para pemimpin ASEAN menandatangani Deklarasi ASEAN pada 8 Ogos 1967 bagi penubuhan ASEAN, ramai yang mencurigai sama ada ASEAN akan kekal di masa-masa akan datang dan dapat menjadi satu pertubuhan yang berjaya dan dapat memainkan peranan yang penting bagi mengwujudkan kerjasama serantau dalam berbagai bidang seperti bidang politik, keselamatan, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Dua puluh enam tahun kemudian sehingga kini ASEAN masih bertapak dan ASEAN kini dianggap sebagai sebuah pertubuhan serantau yang paling berjaya. ASEAN telah memainkan peranan membina dalam bidang politik dan ekonomi dalam arena hubungan antarabangsa. Banyak negara-negara luar dan pertubuhan-pertubuhan serantau di dunia telah berhasrat untuk menjalin kerjasama dengan ASEAN.

ASEAN telah berjaya menjadikan rantau Asia Tenggara ini sebagai satu kawasan yang aman dan stabil dengan meng-

wujudkan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN). ASEAN juga telah bekerjasama dengan Kuasa-kuasa Besar dunia melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menyelesaikan konflik di Kampuchea di mana ianya telah berhasil dengan satu pilihanraya umum di Kampuchea baru-baru ini.

Dalam memasuki arena baru politik antarabangsa dengan berakhirnya Perang Dingin, Ketua-ketua Kerajaan ASEAN, di Persidangan Kemuncak ASEAN ke-4 di Singapura pada tahun 1992, telah sama-sama bertekad untuk meningkatkan lagi kerjasama politik dan ekonomi bagi menjamin kestabilan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat di rantau Asia Tenggara ini akan berterusan. Hal-hal politik, keselamatan dan ekonomi di rantau Asia dan Asia Tenggara telah menjadi agenda penting bagi mesyuarat ASEAN dengan Rakan-Rakan Dialognya seperti Australia, Kanada, Komuniti Eropah, Jepun, Korea Selatan, New Zealand dan Amerika Syarikat.

Sebagai sebuah pertubuhan yang pragmatik ASEAN telah mengadakan hubungan 'consultative' dengan Russia dan China dan baru-baru ini ASEAN telah menubuhkan dialog sektoral dengan India. ASEAN juga berusaha untuk melibatkan negara-negara Indo-China seperti Laos dan Vietnam dalam arus pembangunan politik dan ekonomi yang pesat di rantau Asia Tenggara. Kedua-dua negara tersebut telah menandatangani Perjanjian Perdamaian dan

Kerjasama ASEAN dan mereka telah dijemput sebagai Pemerhati di Persidangan Tahunan Menteri-Menteri Luar ASEAN dan Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Rakan Dialog (AMM/PMC) pada tahun 1992 dan pada tahun ini. Dalam kerjasama ekonomi pula, ASEAN telah bersetuju untuk menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan selaras dengan ini Skim Tarif Keutamaan Saksama (CEPT) telah dilaksanakan mulai Januari 1993 bagi mengurangkan tarif kepa 0.5% dalam masa 15 tahun. Penubuhan AFTA merupakan langkah utama ASEAN bagi menyatupadukan ekonomi negara-negara ASEAN. Ianya juga diharapkan dapat menarik minat pelabur-pelabur asing untuk terus melabur di rantau ini.

Kejayaan ASEAN di dalam bidang kerjasama politik dan ekonomi juga disertai dengan kejayaan di dalam bidang-bidang lain seperti Sains dan Teknologi, Kebudayaan, Penerangan, Pelancongan, Pendidikan, Kesihatan, Sumber Manusia, Alam Sekitar dan sebagainya. Segala aktiviti dan program yang dirancangan oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa yang telah dibentuk untuk mengendalikan hal-hal berkenaan telah memberi kesan yang positif dan bermanfaat kepada masyarakat ASEAN. Dengan secara tidak langsung ianya telah menyumbang ke arah peningkatan taraf dan kualiti kehidupan masyarakat ASEAN pada umumnya seperti yang kita dapat lihat pada hari ini.

- (b) Untuk makluman Dewan yang mulia, Deklarasi Bangkok telah ditandatangani pada 8 Ogos 1967 manakala Sidang Kemuncak Bali (Bali Summit) diadakan pada tahun 1976.

Adalah tidak benar bahawa kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara ASEAN begitu lembab semenjak kedua-dua peristiwa di atas. Kita tidak dapat menafikan bahawa di peringkat awal penubuhan ASEAN, kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara ASEAN agak perlahan kerana beberapa faktor yang mempengaruhinya. Dalam era Perang Dingin, ASEAN terpaksa menghadapi berbagai-bagai halangan dan rintangan di mana ASEAN terpaksa memikul tanggungjawab yang berat untuk membina asas dan rangka kerja dan melaksanakan perubahan-perubahan struktur bagi kerjasama di dalam pelbagai bidang. Walaupun pencapaian dalam bidang kerjasama ekonomi agak kecil, namun ianya memuaskan. Sebagai contoh, ASEAN kini merupakan rakan dagangan Malaysia yang amat penting. Pada tahun 1992, 25% daripada perdagangan luar Malaysia ialah dengan negara-negara Asean dan ianya berkembang sebanyak 7.5% pada tahun yang sama. Eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN meningkat sebanyak 10.3% daripada RM30,552 juta pada tahun 1991 kepada RM51,281 juta pada tahun 1992. Berbanding dengan tahun 1987, jumlahnya hanya RM10,902.5 juta sahaja.

Jumlah perdagangan antara negara-negara ASEAN telah

meningkat daripada US\$23.08 bilion pada tahun 1980 kepada US\$64.67 billion pada tahun 1991.

Dengan penwujudan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), ASEAN yakin bahawa kerjasama ekonomi ASEAN akan lebih mantap dan kewibawaan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan kerjasama serantau yang dinamik dan berpengaruh akan kekal.

- (c) Usaha-usaha ke arah penubuhan AFTA telah berjalan mengikut jadual yang dipersetujui. Tiap-tiap negara telah mengumumkan program pengurangan kadar tarif di bawah skim CEPT masing-masing. Di bawah persetujuan ini, tiap-tiap negara ASEAN bersetuju supaya kadar tarif di bawah Skim CEPT dilaksanakan mengikut dua cara iaitu Trek Biasa (Normal Track) dan Trek Laju (Fast Track). Di bawah Trek Laju, kadar tarif barangan yang terlibat akan diturunkan ke tahap 0-5% dalam jangkamasa tujuh hingga sepuluh tahun, sementara di bawah Trek Biasa, kadar tarif barangan yang terlibat akan diturunkan ke tahap 0-5% dalam jangkamasa sepuluh hingga lima belas tahun.

Di dalam pelaksanaan penurunan kadar tarif, komitmen negara-negara anggota ASEAN adalah terhadap pencapaian kadar tarif 0-5% dalam jangkamasa yang ditetapkan. Tarikh permulaan serta kadar penurunan tarif adalah terpulang kepada budibicara negara anggota asalkan matlamat tarif dicapai dalam

jangkamas yang telah ditetapkan. Negara-negara anggota ASEAN telah mengemukakan senarai barangan CEPT masing-masing serta program pelaksanaan penurunan kadar tarif dalam jangkamas 15 tahun yang akan datang. Tiap-tiap negara boleh menyemak senarai-senarai ini bagi memastikan penurunan kadar tarif dilaksanakan mengikut jadual.

Untuk memastikan supaya penubuhan AFTA bergerak dengan lancar, satu Majlis AFTA (AFTA Council) di peringkat Menteri telah ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan Skim CEPT. Majlis AFTA ini dibantu oleh Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Ekonomi ASEAN (SEOM) yang bersidang tiap-tiap dua bulan sekali.

TERMINAL 3 LTAB SUBANG — PEMBINAAN

72. Dr. Tang Seng Giaw minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah peruntukan untuk Terminal Tiga di Lapangan Terbang Subang dan bilakah terminal itu akan siap. Apakah sistem keselamatan baru. Siapakah yang bertanggungjawab. Apakah keberkesanan sistem tersebut. Apakah bilangan kakitangan keselamatan dan apakah jenis senjata yang digunakan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Pembinaan Terminal 3 adalah salah satu daripada skop kerja projek peningkatan kemudahan-kemudahan tertentu di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (Subang Interim). Kos pembinaan Terminal 3 adalah sebanyak RM30.0 juta. Sistem Keselamatan di

Terminal 3, seperti di kawasan-kawasan lain di Lapangan Terbang Subang akan dikendalikan oleh Malaysia Airport Bhd. (MAB) yang akan melaksanakan prosedur dan peraturan kawalan keselamatan sejajar dengan peraturan-peraturan dan piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa 'International Civil Aviation Organisation' atau ICAO.

Kakitangan Keselamatan Malaysia Airports Berhad adalah dilantik dan diberi kuasa Polis bantuan. Dengan itu mereka boleh menguatkuasakan undang-undang yang berkenaan dan bertanggungjawab bagi mengawal keselamatan, keamanan dan ketenteraman orang awam. Anggota Keselamatan yang bertugas di pintu-pintu dan pos-pos akan dilengkapi dengan 'side arm' manakala anggota yang mengawal pos-pos perimeter dan meronda akan dilengkapi dengan senjata automatik. Seramai lebih kurang 120 orang kakitangan Keselamatan akan ditempatkan di Terminal Tiga. Alat-alat keselamatan yang canggih seperti mesin X-Ray, Metal Door Detector, Hand Held Detector dan CCTV akan dilengkapi. Alat perhubungan Trunking Radio akan dibekalkan kepada anggota Keselamatan yang bertugas.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1993) 1993

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (BIL. 2) 1993

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan

atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1993) 1993 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil. 2) 1993 dalam Jawatankuasa sesebuah Majlis”. [*Hari Kedua*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B. 17 [Jadual]—

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Arau, sambung. Ada masa 7 minit.

3.38 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, saya hendak sambung dua tiga minit sahaja. Semalam sebagai menggulung, saya ingin menyatakan di sini bahawa kita tidak patut mengungkit apa yang telah kita berikan kepada jaguh-jaguh sukan kita, sebaliknya kita harus memberi semangat dan sokongan terus kepada mereka supaya mereka sentiasa bersemangat tinggi untuk bertanding di arena antarabangsa. Kita sekaligus di sini mestilah terus menjadi masyarakat yang tahu berterima kasih dan yang tahu menyanjung orang.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit tentang Kementerian Belia dan Sukan secara keseluruhan. Sebelum kita bersedia untuk mewujudkan jaguh-jaguh sukan yang boleh dibanggakan ataupun yang sekarang pun kita telah bangga dengan jaguh-jaguh sukan yang ada, tetapi dalam usia kita untuk menambahkan lagi bilangan mereka, saya rasa perkara ini telah disebut berkali-kali oleh semua kawan-kawan saya yang berucap berhubung dengan Kementerian ini,

berhubung dengan struktur organisasi Kementerian ini yang kita anggap sebagai “top heavy”. Pegawai-pegawai bawah tidak cukup.

Saya dimaklumkan bahawa bukan sahaja pegawai tidak cukup, pegawai-pegawai yang mahir juga tidak cukup. Jadi, kadang-kadang pegawai belia sendiri di sebuah negeri, tidak termasuk di daerah yang hanya seorang, dia hanya habis masa dengan mesyuarat, dengan usaha-usaha pelaksanaan yang amat sedikit dapat diberi perhatian.

Saya dimaklumkan bahawa, bila kita tanya, dia kata JPA tidak bekerjasama. Kalau JPA tidak bekerjasama, Yang Berhormat tolong jawab, JPA tidak bekerjasama. Selepas ini kita hendak tanya JPA kenapa dia tidak bekerjasama. Sebab ini perkara yang serius dan JPA tak boleh main-main tentang perkara ini.

Saya ingat dalam keadaan yang kita tidak ada masalah untuk mendapatkan pegawai-pegawai di peringkat bawah, mengapa JPA harus menimbulkan masalah? JPA harus memikirkan banyak lagi perkara-perkara lain – perkara SSB dan sebagainya yang perlu diberi perhatian. Jadi, saya minta supaya jangan masalah pegawai dan kakitangan dijadikan sebab utama kita tidak boleh menggerakkan aktiviti sukan di peringkat bawah.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, sebab ini ada berhubung dengan belia. Belia adalah pemimpin masa hadapan. Belia adalah bakal orang-orang yang menggantikan kepimpinan negara. Yang saya tertarik dengan point ini sebab saya dengan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri tadi, dia sebut satu angka yang sepatutnya saya sudah tahu lama. Kawan-kawan saya patut tahu

lama berkenaan dengan jumlah pekerja-pekerja yang terlibat dengan Trade Union. Rupanya Malaysia di antara yang tertinggi di dunia. Saya tak tahu ini. Hari ini baru saya tahu.

Kalau saya tahu daripada awal, kena habis-habisan Ahli dari Puchong. Betul! Dan saya terkejut mendengar cerita yang Amerika Syarikat hanya 15% pekerjaanya menjadi ahli Trade Union, Perancis 10%, Malaysia 17%, Jepun 15% – tetapi “penyamun-penyamun tarbus” ini tiap-tiap tahun pergi jumpa trade union di Amerika Syarikat untuk meminta menarik balik GSP. Sekarang kalau semua orang tahu perkara ini, saya ingat saya tidak tahulah, tengok cara orang itu dia sudah tidak patut lagi memimpin trade union. Sudah sampai masanya untuk berundur. Beri peluang kepada generasi muda. Trade Union juga terdiri daripada pekerja-pekerja muda dan ramai. Lantiklah orang-orang baru yang lebih berkemampuan, berkemahiran, bertenaga dan tahu harga diri dan harga masa hadapan. Yang ini dia sudah hendak “pergi”, macam sayalah, tetapi saya lambat lagi, tetapi dia itu sudah hendak “pergi”, tetapi sebelum “pergi” berilah sumbangan yang bersih. Bukan dengan membuat kata nista, fitnah sehingga boleh merosakkan pekerja sendiri. Dan angka ini orang-orang muda patut tahu. Di bawah Kementerian Belia banyak pusat-pusat latihan. Orang-orang muda harus tahu, harus sampai masanya orang-orang muda mengambilalih di dalam trade union.

Sekarang saya tengok trade union dipimpin oleh veteran-veteran yang mengarut, yang hanya tahu mementingkan diri, menipu duit persatuan, beli kereta, claim yang itu, yang ini. Sebab orang tua hendak jadi muda, teruklah – susah sikit. Jadi.....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim: demikianlah Tuan Pengerusi yang kita minta supaya Kementerian ini beri perhatian yang serius ke arah mendidik anak-anak muda, pemuda-pemuda yang bakal menjadi pemimpin di masa akan datang. Jadi pemimpin, bukan sahaja pemimpin dalam bidang sukan, pemimpin segala bidang. Dengan itu apabila kita kalah ataupun menang di peringkat antarabangsa itu adalah merupakan soal yang kedua, soal yang pertama ialah kita berbangga yang kita mampu menyertai sukan di peringkat antarabangsa. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kamar. Selepas ini Kementerian menjawab.

3.42 ptg.

Tuan Wong Wing On [Kampar]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang ini kepada saya. Tuan Pengerusi, di bawah Maksud ini satu tambahan sebanyak lebih daripada RM6 juta telah dikehendaki untuk di antara lain membiayai perbelanjaan kejohanan sukan-sukan di peringkat antarabangsa.

Memang sukan di peringkat antarabangsa itu penting terutamanya dalam zaman yang penuh dengan konflik ini untuk memupuk semangat muhibah, persefahaman di antara kaum dan di antara negara.

Tetapi nampaknya Sukan Olimpik telah mula diperalatkan dan disalahgunakan untuk kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat untuk kepentingan politik. Itu mewujudkan satu atmosphere

yang tidak baik. Sebagai contohnya pada hari Isnin US House of Representative meluluskan satu usul dengan 287 undi menyokong dan 99 undi membangkang untuk menyeru wakil-wakil Amerika Syarikat di dalam International Olympic Council supaya jangan memberi sokongan kepada Beijing untuk mendapat peluang menjadi tuan rumah Sukan Olimpik pada tahun 2000. Mereka kata Negeri China tidak ada mempunyai rekod baik dalam hak-hak asasi manusia dan sebagainya. Tetapi pada pendapat saya, saya juga pengkritik pencerobohan hak asasi di negeri China tetapi ini bukan forum untuk sebuah kuasa besar untuk campurtangan dalam keputusan IOC untuk memutuskan siapa yang akan menjadi tuan rumah Sukan Olimpik pada tahun 2000. Maka pada pendapat kami Pemuda DAP, tindakan Amerika Syarikat ini memang boleh disifatkan sebagai satu campurtangan politik dalam sukan dan akan mewujudkan satu atmosphere yang tidak baik untuk semangat kesukanan yang akan menjejaskan performance ahli-atlet yang profesional.

Sepatutnya IOC berhak membuat keputusan terakhir dengan bebas dan mengikut standard-standard kesukanan dan bukan dengan satu usul di House of Representatives Amerika Syarikat. Saya ingin tahu pendirian Kerajaan Malaysia terhadap perkara ini dan bagaimana kita akan berusaha untuk mempertahankan kebebasan dan kewibawaan International Olympic Council supaya ianya tidak akan ditekan dan diperalatkan oleh kuasa imperialistik Amerika Syarikat. Dalam konteks ini Pemuda DAP menyeru Kerajaan kita supaya memandang berat campurtangan Amerika Syarikat dalam keputusan IOC dan tindakan yang sombong, angkuh dan imperialistik itu. Pemuda DAP juga mengutuk tindakan itu dengan sekeras-

kerasnya kerana ia akan menjejaskan semangat kesukanan Sukan Olimpik.

Itu bukan perkara racial atau national, bukan sebab saya seorang Cina saya sokong Beijing mendapat peluang untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik pada tahun 2000 tetapi atas satu prinsip bahawa politik jangan campur dalam keputusan kesukanan seperti International Olympic Council dan tindakan Amerika Syarikat dan US House of Representatives itu merupakan satu pencerobohan semangat kesukanan Sukan Olimpik yang suci dan yang semakin menjadi penting di dunia yang penuh dengan konflik, penuh dengan ketidakstabilan di antara rantau di antara negara dan Sukan Olimpik sepatutnya jadi satu alat yang neutral untuk memupuk semangat muhibah, semangat persefahaman di antara manusia yang berbeza agama, yang berbeza ideologi, berbeza keturunan. Tetapi tindakan Amerika Syarikat itu nampaknya mereka sahaja mahu main politik di dalam perkara ini dan dalam konteks ini Malaysia juga mesti mengambil satu keputusan yang tegas untuk membantah tindakan-tindakan seumpama ini yang saya sifatkan imperialistik. Semua di Amerika Syarikat mahu jadikan alatnya, memperalatkan International Olympic Council.

Maka dengan itu saya sekali lagi menyeru Kerajaan Malaysia untuk membuat satu pendirian dalam hal ini dan jika dalam hal ini Amerika Syarikat terus sombong dan angkuh dan berterusan dengan perbuatan imperialistik itu maka mungkin, saya kata mungkinlah Malaysia dan negara-negara Selatan patut seriously consider meng"organize" satu boikot untuk Sukan Olimpik yang akan diadakan di Atlanta City di Amerika Syarikat pada tahun 1996. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian diminta jawab.

3.47 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong, Arau dan juga sebentar tadi dari Kampar yang memberi pandangan mereka dalam perbahasan ini.

Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan masalah ganjaran yang diberikan kepada ahli-ahli sukan kita terutama sekali kepada Skuad Badminton yang berjaya menebus kembali Piala Thomas ke negara kita selepas terlepas dari tangan negara kita semenjak 25 tahun dahulu. Katanya ganjaran yang diberikan itu terlampau lumayan sehinggakan berat kepala mereka memikulnya.

Tuan Pengerusi, nampaknya apa yang kita buat serba tidak kena. Beri salah tidak beripun salah. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sebenarnya telah memperkenalkan satu skim ganjaran sebagai insentif bertujuan untuk memberi motivasi kepada ahli-ahli sukan negara kita supaya bertindak lebih cemerlang lagi di arena antarabangsa. Ganjaran yang diberikan adalah berbentuk wang tunai dan untuk makluman Yang Berhormat, skim ini kita telah memperkenalkan sejak tahun 1986 lagi iaitu seperti berikut:

- (i) Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) diperkenalkan pada tahun 1986;
- (ii) Skim Galakan Jurulatih Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 1988;

(iii) Skim Hadiah Kemenangan Atlit Remaja (SHAKAR) diperkenalkan pada tahun 1990; dan

(iv) Skim Kecemerlangan Pengurusan Sukan diperkenalkan pada tahun 1991.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Kepong, setakat ini kita telah membelanjakan di bawah keempat-empat skim ini sebanyak RM1.7 juta.

Tuan Pengerusi, itulah ganjaran yang diberi oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Dato' Ismail bin Said: Tetapi kalau ada orang lain, terutama Kerajaan Negeri.....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Dato' Ismail bin Said:.....yang ingin memberi ganjaran – giliran saya bercakap pula, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri.

Dato' Ismail bin Said: Ganjaran dalam bentuk apa juga sekali pun, termasuk tanah dan rumah, kita tidak menghalang dan sentiasa alu-alukan. Malahan, kalau DAP sendiri yang selama ini memang kedekut, bermurah hati untuk berbuat demikian, kita juga sudi menerimanya, kecil tapak tangan nyiru kami tadahkan. Tetapi niatnya mesti ikhlas untuk pembangunan sukan, bukannya untuk tujuan politik.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat dari Kepong bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Said: Dalam mana-mana pertandingan, sama ada di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat antarabangsa,.....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat dari Kepong.

Dato' Ismail bin Said:kita, kalau boleh, hendak menang semua. Tetapi kita hendaklah menerima hakikat bahawa adat pertandingan mesti ada yang menang, ada yang kalah dan ada yang seri. Bersetuju atau tidak? Bersetuju atau tidak? Bersetuju atau tidak? Bersetuju. Inilah semangat kesukanan, Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Said: Sporting spirit. Saya bertanya, dia minta jawab, tak apalah, yang harus pada kita. Kalau menang, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong berdiam diri sahaja, tidak ucap tahniah pun. Tetapi kalau kalah, Yang Berhormat dari Kepong bising, tidak sporting langsung. "Rumah sudah, maka pahat dari Kepong pun berbunyiilah". Sini tidak kena, sana tidak kena. Tetapi apabila DAP gagal dalam projek Tanjung di Penang dan di dalam pilihanraya-pilihanraya yang lain, Yang Berhormat dari Kepong tidak berbunyi sedikit pun. Takut pada bos, agaknya.

Seorang Ahli: Betul!

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, bos sudah lari.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Said: Berpandu pada ucapan Yang Berhormat dari Kepong, seolah-olah beliau ini pakar benar.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ingin cakap.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Dato' Ismail bin Said: Pakar benar. Saya....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak beri jalan kepada dia atau tidak?

Dato' Ismail bin Said: Saya tidak mahu beri, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bangkitkan Standing Order!

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Standing Order berapa?

Dato' Ismail bin Said: Berapa?

Dr. Tan Seng Giaw: 36(6). Sangat jahat, [Ketawa] Sangkaan jahat dan kenyataan dia itu tidak betul. Kerana

saya orang yang pertama mengucapkan tahniah kepada pasukan badminton yang memenangi Piala Thomas dahulu, bukan dia. [*Tepuk*]

Beberapa Ahli: Bersetuju!

Dr. Tan Seng Giaw: Yang keduanya, kenyataan canggung itu, termasuk dari Araunya, canggung kerana ada tarian canggung di utara. Banyak tarian canggungnya, perkataan pun "canggung" juga.

Seorang Ahli: Standing Order!

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: 36(6) – sangkaan jahat. Saya membetulkan keadaan.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta dia terus jawapan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, baik mereka mengikut peraturanlah. Tidak mengikut peraturan langsung, tidak cakap dengan begitu sahaja. termasuk Yang Berhormat dari Muar pun.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, beri peluang menjawab, Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Said: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Said: Yang Berhormat dari Kepong sudah "makan cabai, dia rasa pedas". [*Ketawa*] Tuan

Pengerusi, berpandu kepada ucapan Yang Berhormat dari Kepong, saolah-olah beliau ini pakar benar dalam bidang sukan. Sungguhpun beliau ini, yang saya tahulah dia pakar sakit kulit. Cuma tahu ubat panau salap, cap gajah sahaja. [*Ketawa*] Pada hemat saya, setelah mengikuti perbincangan beliau, persepsi dan tanggapan beliau terhadap sukan di negara kita adalah begitu sempit sekali. Dijuruskan kepada sukan yang berbentuk pertandingan atau sukan berprestasi tinggi semata-mata dan anggapan Yang Berhormat itu salah. Sukacita dimaklumkan bahawa untuk pengetahuan Yang Berhormat, supaya beliau dapat keluar dari tanggapan yang sempit ini, kita telah membahagikan sukan kepada tiga kategori:

- (i) Sukan untuk semua;
- (ii) Sukan rekreasi; dan
- (iii) Sukan berprestasi tinggi.

Dan ketiga-tiga kategori ini, adalah merupakan kejemahan kepada objektif-objektif sebagaimana yang terkandung dalam Dasar Sukan Negara dan untuk makluman Yang Berhormat dari Kepong, boleh saya baca objektif tersebut:

- (i) Untuk membentuk sebuah masyarakat yang sihat, berdisiplin dan bersatupadu melalui penyertaan yang lebih luas dan peluang-peluang yang lebih baik dalam sukan di semua peringkat masyarakat;
- (ii) Untuk menyediakan peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan bagi memenuhi keperluan asasi sosial, psikologi dan physiology bagi individu melalui sukan;

Stadium Merdeka dan Stadium Negara adalah sebagai bayar ganti kos pembinaan Kompleks Sukan Negara tersebut.

Mengenai soalan Yang Berhormat dari Kepong, kenapa kepada UEM. Jawapannya ialah di bawah prinsip penswastaan, UEM merupakan syarikat pertama yang mengemukakan cadangan membina kompleks secara penswastaan. UEM juga terlibat dari awal, from the very beginning, dengan izin, Tuan Pengerusi, dengan pembangunan kawasan Bukit Jalil dengan menyediakan pelan induk kawasan berkenaan dalam tahun 1986.

UEM adalah terlibat dengan pembinaan Institut Sukan Negara yang sedang dibina sekarang dan dijangka siap pada bulan Februari tahun 1995. Tuan Pengerusi....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjong minta penjelasan. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Ismail bin Said: Projek Tanjong berapa, ketiga?

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata bahawa projek untuk merobohkan Stadium Negara dan Stadium Merdeka untuk mengadakan Kompleks SUKOM, diberi kepada UEM atas asas "first come first serve". UEM ialah syarikat yang pertama untuk memberi cadangan ini dan tahun tersebut ialah tahun 1986. Bukankah benar pada masa itu UEM dilantik sebagai perunding pakar dan diberi consultancy untuk satu stadium nasional dan bukan untuk diberi kontrak

membina stadium nasional. Bukankah keadaan di mana satu konsultan menawarkan pembinaan stadium nasional sendiri menjadi pembina, sendiri memasukkan cadangan-cadangan untuk mengadakan penswastaan Stadium Negara dan Stadium Merdeka, bukankah ini merupakan 'insider trading' semacam 'insider privatisation' di mana menyalahgunakan kedudukan access maklumat-maklumat yang diberi kepada UEM oleh kerana konsultan? Dan sekarang dia sapu maklumat yang privileged itu dan memasukkan cadangan yang tidak diberi access kepada yang lain. Bukankah ini menyalahgunakan kedudukan dan tidak patut dibenarkan, kalau kita menghargai satu masyarakat beretika dan bermoral seperti yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru semalam dalam Harvard Club Dinner. Di atas sebab itu, oleh kerana adanya 'insider privatisation' yang berlaku, bukankah patut kontrak itu atau cadangan itu dibatalkan? Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan akan bersetuju - ini 'insider privatisation'.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, semasa saya memberi jawapan tadi, Yang Berhormat daripada Tanjong keluar Dewan. Mungkin beliau tidak dengar apa yang saya jawab. [*Diganggu*] Boleh saya ulang lagi? [*Diganggu*] Saya ingat tidak payah, buang masa sahaja.

Oleh kerana pembinaan Kompleks Sukan di Bukit Jalil memerlukan perbelanjaan yang besar, Kerajaan tidak mempunyai kewangan yang cukup. Maka kita terpaksa swastakan projek di Bukit Jalil dan pihak UEM telahpun mengemukakan cadangannya, iaitu pihak yang pertama mengemukakan cadangannya. Sebagai balasan kepada cadangan

ini, kita hendak serahkan Stadium Merdeka dan Stadium Negara sebagai consideration kepada projek di Bukit Jalil. Dari segi amaunnya, kita belum tahu berapa, kerana masih lagi di peringkat perkiraan.

Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau, seorang yang activist dalam sukan, terutama sekali dalam sukan rekreasi, kerana memberi sokongan kepada kegiatan sukan yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Sukacita saya memaklumkan bahawa mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Arau, kekurangan kakitangan, pegawai-pegawai, terutama sekali di peringkat bawah termasuklah kekurangan pegawai sukan di peringkat bawah, perkara ini telahpun berada di pihak JPA untuk pertimbangan JPA. Walau macam mana pun, kita telahpun mengambilkira cadangan Yang Berhormat tadi supaya Kementerian Belia dan Sukan janganlah menjadi 'top heavy'. Kita telah pun bercadang supaya di peringkat bawah ini, kita tambahkan....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
[Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun. Hendak beri jalan?

Dato' Ismail bin Said: Sila.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya hendak tahu bilakah Kementerian Belia dan Sukan menghantarkan cadangan untuk menambahkan jumlah kakitangan bawahan atau extension officers itu kepada pihak JPA. Sudah berapa lamakah penungguan dan

penantian itu dilalui oleh pihak Kementerian sebelum mendapat jawapan yang konkrit?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, cadangan awalnya kita hantar kira-kira dua tahun yang lalu dan ianya telah hampir selesai. Tetapi oleh kerana adanya SSB, maka kita terpaksa pinda sedikit cadangan kita itu untuk menyesuaikan dengan SSB. Selepas itu, nampaknya ia telahpun berada di pertimbangan JPA. Walau macam manapun, untuk makluman Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat dari Parit Sulong, kita mengemukakan cadangan supaya struktur organisasi Kementerian kita biarlah berbentuk broad based, ataupun piramid bukannya 'top heavy'. Sekurang-kurangnya Tuan Pengerusi, kita telah mencadangkan supaya di peringkat bawah, kita menggunakan konsep "one plus two", iaitu satu pegawai akan menjaga keseluruhan, satu pegawai bawah yang menjaga bahagian sukan dan satu pegawai lagi khusus menjaga bahagian belia. Ini adalah merupakan cadangan kami untuk pertimbangan oleh pihak JPA. Sekurang-kurangnya mereka ini dapat melaksanakan perkhidmatan extension dengan lebih berkesan lagi kepada target group kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kampar apabila bercakap tidak kena-mengena dengan tajuk. Itu adalah merupakan kempen ataupun taktik negara-negara besar. Walau macam mana pun, sukacita saya memberi jaminan di sini bahawa negara kita sebagai sebuah negara yang bernaung dan berdaulat, kita tidak akan mudah terpengaruh dengan taktik-taktik ataupun kempen-kempen negara-negara yang besar terutama sekali di dalam bidang sukan. Kita ada pendirian kita sendiri dan, insya Allah, kita akan menggunakan

pertimbangan kita sendiri sebaik-baiknya untuk menentukan kedudukan' ataupun sikap kita apabila sampai masa dan ketikanya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM6,118,900 untuk Maksud B. 17 jadi sebahagian daripada Jadual di bawah Kementerian Belia dan Sukan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM6,118,900 untuk Maksud B. 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1993] —

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Oleh kerana Kepala P. 20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri hanya diberi peruntukan tanda sahaja, maka saya kemukakan masalah bagi diputuskan sekarang tanpa membahas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 yang disebutkan dalam Maksud P. 20 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1993 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P. 20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1993.

Maksud B. 26 [Jadual] —

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B. 26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas sekarang. Kepong.

4.19 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, nampaknya peruntukan diminta untuk Universiti Islam Antarabangsa dan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.

Tuan Pengerusi, kita tahu terdapat lebih kurang 7,000 pelajar IIU dan daripadanya hampir 10% ialah pelajar daripada 68 negara iaitu lebih kurang 800 pelajar asing di IIU. Walaupun bantuan diterima daripada negara asing termasuk Arab Saudi, kita nampak pihak Kerajaan terpaksa mengeluarkan wang yang begitu banyak terutamanya apabila kampus baru dikehendaki di Gombak dan satu cawangan di Kuantan di mana dianggarkan perbelanjaan meningkat kepada RM600 juta. Di sini timbullah masalah bahawa ada kursus-kursus di IIU di mana pelajar-pelajar tidak berminat. Misalnya, pada tahun 1992/1993 daripada pengambilan 2,000 orang pelajar, tetapi hanya 30 pelajar sahaja mengambil kursus kejuruteraan, walhal bilangan kejuruteraan yang ditetapkannya lebih daripada 60 atau 80. Ini menunjukkan ada kursus-kursus di IIU yang tidak diminati. Apakah sebabnya? Semasa ketika ramai pelajar-pelajar lepasan STPM yang hendak memasuki universiti beribu-ribu tidak dapat peluang, tetapi ada pula kekosongan di IIU, kerana pelajar tidak berminat. Ini menunjukkan mesti ada kelemahan-kelemahan yang tertentu. Saya diberitahu bahawa kursus-kursus yang ditawarkan oleh IIU itu ialah Computer and Infor-

mation Systems Engineering, Manufacturing System Engineering dan Mechatronics Engineering, mungkin kursus seperti ini tidak diminati oleh pelajar-pelajar Malaysia. Walau bagaimanapun, saya hendak mengetahui apakah sumbangan negara-negara asing ke atas IIU sekarang dan dasar IIU sekarang hendaklah menambahkan bilangan pelajar asing dan kalau hendak menambahkan pelajar asing di negara ini, apakah peratusan dalam tempoh 5 tahun ataupun 10 tahun akan datang? Adakah ini cocok dengan sumbangan daripada negara-negara asing dan ada satu perkara yang serius iaitu tenaga pengajar, Pensyarah dan Profesor yang sangat kurang di UIA. Kalau tidak silap saya, lebih daripada 350 kekosongan di IIU sepertimana yang terdapat di universiti-universiti yang lain seperti Universiti Malaya, ITM, UTM, UKM, UUM semuanya tidak mempunyai pensyarah yang cukup. Dan dari setahun ke setahun ada hampir 100 tenaga pengajar yang meletakkan jawatan daripada universiti-universiti tempatan, dan ini memang telah menjejaskan tahap pendidikan pelajar yang terus tergugat kerana langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan termasuk Skim Saraan Baru (SSB) yang tidak disambut baik oleh pihak Pensyarah.

Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan dia tidak boleh memberi syarat-syarat yang memuaskan kepada semua Pensyarah, saya nampak sebahagian besar Pensyarah di universiti-universiti tempatan tidak puas hati dengan SSB sekarang ini. Misalnya ada tawaran kepada bekas Profesor, ambil gaji pokok untuk berkhidmat semula sehingga RM8,000, walhal Pensyarah yang mempunyai Ijazah Kedokteran (Ph.D) hanya mendapat RM1,500 sahaja sebulan. Ini menunjukkan satu perbezaan

yang besar, yang merupakan salah satu sebab para Pensyarah tidak berminat di dalam SSB dan akan terus bersara atau meletakkan jawatan dan pergi kepada kolej-kolej swasta dan mencari peluang yang lain. Bukan sahaja setakat ini, keadaan akan lebih serius kerana ada banyak kolej-kolej swasta yang wujud di negara ini, yang merupakan satu perkembangan yang baik. Walau bagaimanapun, ini akan menarik lebih banyak tenaga pengajar daripada universiti-universiti tempatan. Misalnya, kita dengar ada International Medical College (IMC) dan juga ASEAN Medical College (AMC), yang akan diadakan di negara ini pada hujung tahun ini. Memang kolej-kolej seperti ini akan menarik lebih banyak tenaga pengajar daripada universiti tempatan.

Saya bimbang tahap pendidikan akan terus tergugat dan akan merosot. Saya menyeru supaya satu kajian menyeluruh diadakan untuk memastikan tahap pendidikan di negara ini kerana kekurangan Pensyarah, kekurangan Profesor, kekurangan Guru bukan sahaja di tahap pengajian tinggi, bahkan juga di sekolah-sekolah rendah dan menengah terdapat kekurangan beribu-ribu tenaga pengajar. Ini akan menjejaskan tahap pendidikan di negara ini, walaupun kedua-dua orang—Menteri Pendidikan dan Timbalan Menteri Pendidikan—sudahpun menafikan, sudahpun menyangkalkan tahap pendidikan telah tergugat. Mereka kata ini semua tidak terjejas kerana ada graduan-graduan tiap-tiap tahun ada pelajar-pelajar yang tamat latihan dan kursusnya dan kerana itu tidak ada tahap pendidikan terjejas. Jadi alasan pincang ini saya tidak boleh terima.

Juga ada setengah-setengah graduan yang pergi ke universiti-universiti seberang laut yang dapat pencapaian

yang tinggi. Ini disebutkan, "Tengok ada pelajar-pelajar yang pergi ke universiti luar negara yang mencapai tahap yang cemerlang". Ini menunjukkan tahap pendidikan di negara ini adalah tinggi. Itu adalah satu alasan yang tidak boleh diterima langsung— tidak boleh diterima langsung, walaupun tahap pendidikan ada terjejas atau merosot sedikit, mesti ada setengah-setengah pelajar yang masih mempunyai tahap yang tinggi. Walaupun ada sekolah-sekolah rendah dan menengah yang tidak mempunyai tenaga pengajar yang cukup, tetapi masih ada setengah-setengah murid dan pelajar yang mempunyai tahap yang tinggi. Itu Yang Berhormat Timbalan Menteri pun setuju kerana dia pernah menjadi Profesor di Universiti Malaya, dia memang tahu apakah kedudukannya, tetapi nampaknya usaha untuk membantu universiti, untuk membantu sekolah rendah dan menengah itu sangat tidak memuaskan, dan ini tidak disiasat dengan teliti. Jadi apakah yang sedang berlaku di negara ini? Masa ada lagi atau tidak, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya hendak gulung – boleh juga. Sebelum saya gulung, saya hendak mengetahui satu lagi daripada IIU iaitu mengenai tabung kewangan pelajar asing di IIU itu, apakah amaun tabung kewangan pelajar asing setakat ini dan siapa yang memberi sumbangan kepada tabung tersebut?

Akhir sekali, saya mintalah satu kajian menyeluruh diadakan untuk menyiasat dengan teliti tahap pendidikan bukan sahaja pada peringkat pengajian tinggi, bahkan juga pengajian menengah dan rendah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong, selepas itu Yang

Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

4.20 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, pendek sahaja ucapan saya. Pertama, mengenai Maksud B. 26, permohonan RM6 juta bagi Perbelanjaan Mengurus Universiti Malaysia Sarawak dalam tahun ini. Kita di sini mengucapkan syabas oleh kerana keputusan untuk menubuhkan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Sebenarnya inilah satu seruan yang kami dari DAP ada membuat di dalam Dewan yang mulia ini dalam tahun 70-an dan saya sangat gembira bahawa akhirnya ada sebuah universiti yang sepenuhnya, bukan sahaja satu kampus didirikan di Sarawak. Masanya pun sudah sampai untuk mendirikan satu universiti yang sepenuhnya untuk Sabah dan saya harap Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Barisan Nasional boleh mengambil keputusan tanpa apa-apa kelewatan lagi untuk mendirikan satu universiti yang sepenuhnya untuk negeri Sabah.

Kedua, sudah dekat 20 tahun atau lebih daripada 20 tahun di mana negara kita ada berkembang dalam bidang universiti-universiti, di mana daripada sebuah universiti dalam tahun 60-an, sekarang kita sudah ada 7, 8 dan boleh dikatakan dalam masa 23 tahun ini perlantikan Naib Canselor mungkin sudah 20 orang yang telah dilantik untuk memegang jawatan. Naib Canselor universiti-universiti dan sampai sekarang semua adalah daripada satu keturunan. Oleh kerana sekarang kita mahu memberikan tekanan kepada kecemerlangan, kepada merit dan kepada excellence, maka masanya sudah sampai untuk mempelbagaikan perlantikan supaya kita boleh menunjukkan bahawa rakyat Malaysia, tidak mengira kaum boleh

dilantik untuk memegang jawatan tinggi seperti jawatan Naib Canselor universiti tempatan dan tentulah saya percaya bahawa kita tidak kurang ada bakat-bakat, calon-calon bukan Melayu yang layak untuk memegang jawatan ini dan menjalankan tugasnya dengan penuh bertanggungjawab dan kejayaan. Saya haraplah bahawa apabila ada kekosongan jawatan Naib Canselor universiti tempatan bahawa kita boleh lihat seorang bukan Melayu dilantik sebagai Naib Canselor. Bukan kita menentang orang Melayu dilantik sebagai Naib Canselor tetapi kita mahukan "multi-racialise" sebagai mengikut dasar-dasar Kerajaan yang mahu menyusun semula semua bidang bagi membayangkan komposisi kaum di negara kita dan inilah satu bidang yang perlu dibuat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

4.23 *ptg.*

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, pertamanya, saya hendak mengucapkan terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentang cadangan-cadangan atas UIA ini. Pertama, tentang kenapa ada kursus-kursus yang tidak mendapat minat di kalangan pelajar-pelajar khususnya kursus kejuruteraan yang hanya terdapat 30 orang pelajar sahaja. Inilah satu masalah yang Kementerian Pendidikan akan kaji, kemungkinannya ialah ketidakcukupan publisiti yang diberikan oleh IIA tentang kursus baru tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, memang kursus di bidang kejuruteraan adalah amat diperlukan dan amat diminati oleh calon-

calon di Malaysia. Di sini saya ingin memberi jaminan bahawa semua kekosongan dalam bidang tersebut di universiti-universiti tempatan akan diisi dengan calon-calon yang berminat dan layak supaya kekosongan ini akan diisi oleh pemuda-pemudi kita yang berkalibar.

Berkatian dengan peratusan pelajar-pelajar negara asing, dasar IIA ialah, kita akan terus amalkan dasar sekarang iaitu lebih kurang 10% pelajar-pelajar adalah daripada negara-negara asing. Ini untuk menjamin bahawa universiti tersebut adalah sebenar-benarnya sebuah universiti antarabangsa. Tabung Kewangan Asing itu pada masa sekarang jumlahnya ialah RM10.6 juta dan tabung tersebut adalah sebagai derma daripada negara-negara luar dan tabung itu diletakkan di bawah Endowment Fund, iaitu untuk pembangunan IIA.

Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa sungguhpun ianya menghadapi kekurangan masalah tenaga di universiti-universiti dan juga di sekolah-sekolah, namun demikian Kementerian Pendidikan telah melaksanakan beberapa rancangan supaya kita boleh mengatasi masalah tersebut dalam satu masa yang singkat dan juga ia bukan sahaja tidak akan menjejaskan kualiti sistem pendidikan kita tetapi juga kita boleh menjaga imej dan seterusnya boleh mempertingkatkan imej sistem pendidikan kita.

Saya tidak bersetuju bahawa kualiti graduan-graduan universiti tempatan telah terjejas oleh kerana kekurangan tenaga khususnya kekurangan pensyarah dan sebagainya. Sebenarnya hanya kurang daripada 1% jumlah pensyarah yang pernah meletakkan jawatan mereka setiap tahun. Ini merupakan satu turn-

over rate yang rendah dan universiti-universiti tempatan selalu memberikan kewangan yang cukup melalui biasiswa, melalui skim-skim latihan supaya satu bilangan calon-calon yang besar dihantar ke luar negeri untuk mendapatkan ijazah-ijazah lanjutan supaya selepas itu apabila mereka pulang boleh berkhidmat di universiti-universiti tempatan. Skim itu bukan sahaja akan diteruskan tetapi akan diperbesarkan supaya boleh menjamin di masa yang akan datang ada jumlah calon yang akan terus berkhidmat di universiti-universiti tempatan.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun. Hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya pun ada dengar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam masa dua bulan lepas di mana dia kata oleh kerana tidak sampai 25% maka sebab itulah kita tidak bimbang. Tetapi adakah dia mengakui bahawa sejak tahun 1985 lebih 1,000 pensyarah telah meletak jawatan? Walaupun ada setengahnya yang meletak jawatan tetapi kekosongan yang masih ada itu tidak diisi – yang meletak jawatan – letak jawatan tetapi kekosongan yang masih ada itu tidak dapat diisikan. Itulah masalah. Sehingga di Universiti Utara Malaysia pun mereka terpaksa pergi ke Amerika Syarikat untuk menginterview pelajar-pelajar Malaysia untuk mencungkil bakat pensyarah di Amerika Syarikat pula. Itulah yang dibut sekarang. Ini menunjukkan tekanan kekurangan tenaga pengajar pengajian ini adalah sangat serius dan saya tidak nampak mengapa ini tidak menjejaskan tahap pendidikan. Ianya mesti menjejaskan walaupun ada penafian, ada penyang-

kalan bahawa ianya tidak ada. Itu memang jawapan yang tidak memuaskan.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, seperti yang telah saya terangkan, setiap tahun terdapat hanya kurang dari 2% bilangan pensyarah yang telah meletakkan jawatan mereka iaitu satu turn over rate yang amat rendah. Sejak tahun 1987, jumlah bilangan pensyarah-pensyarah yang pernah meletakkan jawatan mereka ialah lebih kurang 550 orang. Di samping itu juga, untuk mengisikan kekosongan tersebut, universiti-universiti tempatan telah menawarkan kepada calon-calon yang baru supaya kekosongan itu boleh diisi. Selain daripada itu, kita telah memperluaskan skim latihan supaya lebih ramai graduan boleh pulang dari universiti-universiti luar negara untuk berkhidmat di universiti tempatan.

Tentang kualiti pendidikan universiti-universiti kita di sini, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kepong, janganlah seterusnya memperkecilkan universiti-universiti tempatan dan usaha-usaha pensyarah-pensyarah kita yang masih berusaha sedaya upaya supaya kita boleh menjaga imej universiti kita. Sebagai bukti, graduate-graduate dari universiti tempatan kita selalu dihormati oleh universiti-universiti luar negara yang mereka selalunya diberi keutamaan dalam kursus-kursus Masters atau Ph.D dan sebagainya. Dan setiap tahun juga, kita dapati bahawa daripada prestasi pelajar-pelajar dibandingkan dari dahulu, prestasi sekarang adalah amat memuaskan khususnya di dalam kursus-kursus yang baru seperti Kejuruteraan, Computer Science dan sebagainya. Dan ini menunjukkan bahawa mereka adalah bersedia untuk menghadapi cabaran era baru ini.

Tuan Pengerusi, memang Kementerian Pendidikan selalu peka dan akan menjaga

seterusnya segala masalah yang dihadapi oleh universiti tempatan, malahan kita akan terus mengambil tindakan yang sesuai untuk mengatasinya. Ini termasuklah skim gaji...

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
[*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ini bukan menuduh tetapi hanya ingin tahu sahaja. Ada kadang-kadang orang mengatakan yang psikologi pensyarah-pensyarah di universiti Malaysia belum lagi menerima pendidikan liberal, pendidikan yang mana persoalan pelajar-pelajar daripada universiti boleh mempersoalkan ketepatan ataupun kesahihan pendapat ataupun pandangan pensyarah-pensyarah.

Jadi, kadang-kadang ada kalanya, kalau dipersoalkan ketepatan ataupun kesahihan satu cadangan ataupun rumusan daripada pihak pensyarah, pensyarah terus naik berang. Jadi, ini telah membendungkan perasaan budak-budak yang baru belajar daripada mempersoalkan pendapat ataupun mengeluarkan pendapat mereka sendiri. Jadi, saya beri satu misal, pengalaman saya di universiti. Semasa saya menghadiri kuliah Life Science, seorang daripada murid mempersoalkan berlandaskan procreation, yang mana Profesor mengatakan: "Anjing tidak enjoy sex", katanya. Jadi, soalan daripada murid yang sekelas, saya kata: "How do you know the dog does not enjoy sex? You are not a dog". Jadi, soalan macam ini, kalau di sini dianggap, dikatakan merbahaya dan tidak siuman.

Tetapi, di sana Profesor menjawab dengan begitu tenang sekali, dianggap adalah soalan akademik.

Jadi, adakah benar persoalan yang berlaku dan ini telah mendatangkan satu pendapat yang mengatakan, murid sekolah yang mana pendidikannya kurang liberal, kurang menggalak pendapat, akan mendatangkan satu murid yang tidak confident kepada dirinya sendiri?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, terima kasih di atas cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar tentang Pendidikan liberalisme. Memang, dasar universiti-universiti tempatan ialah untuk menunjukkan bahawa kita boleh mengadakan satu suasana yang merupakan toleransi terhadap pendapat-pendapat yang berlainan. Dan di sini, itulah satu tekanan yang Kementerian Pendidikan selalu memberi perhatian. Dan kita selalu bekerjasama dengan pihak-pihak universiti tempatan tertentu kalau terdapatnya ada masalah-masalah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, kita harus akan mengkaji dan mengambil tindakan sewajarnya melalui perbincangan atau sebagainya supaya pelajar-pelajar kita dapatlah satu suasana di mana mereka berani untuk mengemukakan fikiran mereka dalam satu suasana yang cukup membina fikiran asal dan sebagainya.

Saya ingin menegaskan di sini, dari segi keseluruhannya, Kementerian Pendidikan selalunya mengambil satu tekanan yang tegas untuk menjaga kualiti dan imej universiti tempatan kerana kita faham institusi-institusi pengajian tinggi kita merupakan satu institusi yang lazimnya mengambil kira sebagai salah satu kriteria mereka apabila mereka

membuat keputusan tentang imej negara kita. Dan di sini kita akan seterusnya memberi peruntukan dan juga perhatian yang cukup supaya universiti-universiti tempatan akan terus dibangunkan tanpa menjejaskan kualiti dan sebagainya.

Tentang soalan berkaitan dengan UNIMAS daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, sebenarnya pembinaan sesebuah universiti adalah tertakluk kepada keperluan dan tertakluk kepada adanya cukup peruntukan dan sebagainya dan bukanlah tertakluk kepada political consideration dan sebagainya. Di sini, saya ingin menjamin bahawa apabila sampai ke satu tahap di mana dirasakan sebuah universiti di mana-mana sahaja, termasuklah Sabah, kalau dianggap sesuai, dianggap adanya cukup peruntukan, ada cukup kemudahan dan sebagainya, memang Kementerian Pendidikan akan memberi perhatian yang sewajarnya.

Tentang perantikan Naib Canselor, saya salah faham dan di sini saya ingin menerangkan bahawa memang dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang menyatakan bahawa tidak benar ada seseorang bukan Melayu yang dilantikkan sebagai Naib Canselor itu, ini memang tidak benar. Memang ada calon-calon dari berbagai kaum yang pernah telah dilantikkan sebagai Naib Canselor. Dan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini memang Kementerian Pendidikan.....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Saya sebut ialah Naib Canselor yang sepenuh, bukan Assistant Naib Canselor yang lain. Full

Naib Canselor, Naib Canselor yang penuh. Bukan Deputy atau Vice Chancellor dan tidak pernah ada seorang bukan Melayu diadakan, kalau ada, saya tidak tahu.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, terutamanya perantikan Naib Canselor ini kita mengikut meritlah, tidak mengambil kira bangsanya, tetapi pada masa dahulu memang ada calon-calon yang bukan dari bangsa Melayu sahaja yang telah pernah dilantik sebagai Naib Canselor; itu memang pernah, terutamanya pada tahun 60-an dan sebagainya.

Saya ingin menerangkan di sini, Profesor Hwang – saya sudah lupa nama penuhnya. Profesor Hwang memang telah pernah dilantikkan sebagai Naib Canselor Universiti Malaya, selepas itu ia berhijrah ke Universiti Hong Kong. Kementerian Pendidikan memang membuat perantikan Naib-Canselor mengikut merit dan mengikut kesesuaian calon-calon tersebut, dan segala.....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong bangun lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Timbalan Menteri sudah silap. Dalam pengetahuan saya tidak pernah berlaku, Profesor Wong Gang Wu mungkin yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tak pernah memegang jawatan sebagai Naib Canselor. Sebelum dia meninggalkan Universiti Malaya, dia sebagai Ketua Fakulti. Dia pergi Australia, dan selepas itu dia pergi menjadi Naib Canselor Hong Kong University.

Dr. Fong Chan Onn: Nama yang saya sebut bukan Profesor Wong Gang

Wu – Profesor Hwang. Nama penuhnya saya silap. Selepas itu dia berhijrah dan berkhidmat sebagai Naib Canselor di Universiti Hong Kong. Sebelum itu ada juga calon-calon yang lain. Okay! Itu saya sure, itu saya lebih sure dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Bukan selalunya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang sure, ada juga orang lain lebih sure.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau sudah silap kita rela mengakui, tetapi saya percaya dalam hal ini Yang Berhormat Timbalan Menteri silap, kita boleh cek, tak apa.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya serah kepada Yang Berhormat berdua untuk memastikannya.

Dr. Fong Chan Onn: Okay, kita boleh cek. Jadi, apa yang saya katakan bukan dia sahaja, tetapi ada calon-calon yang lain bukan Melayu telah dilantikkan sebagai Naib Canselor.

Memang kita mengambil perhatian semangat cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, dan di sini Kementerian Pendidikan selalunya menjaga imej Universiti kita juga, supaya hanya calon-calon mempunyai latarbelakang yang cemerlang dilantikkan sebagai Naib Canselor. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM20,403,700 untuk Maksud B. 26 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Pendidikan hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM20,403,700 untuk Maksud B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Maksud B. 28 [Jadual] —

Maksud P. 28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1993] —

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B. 28 dan Kepala Pembangunan P. 28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

4.43 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya sebut Maksud B. 28 – Perbendaharaan mengenai peruntukan RM25 juta bagi membiayai gran pelancaran Suruhanjaya Sekuriti. Semenjak 1hb Mac, tahun ini Suruhanjaya Sekuriti telah bermula beroperasi, bertanggungjawab kepada industri sekuriti dan futures, termasuk mengawalselia, exchanges, clearing houses dan Central Depository. Saya boleh ingat pada 22hb Jun tahun ini bahawa apabila merasmikan ketiga-tiga peristiwa ialah Eksposisi Peluang Perkembangan Modal Malaysia, Conference Kewangan Kelima BAKAP dan Seminar Pelaburan Saham, Yang Berhormat Menteri Kewangan berkata penubuhan Suruhanjaya Sekuriti satu tanda yang jelas bahawa Kerajaan komited kepada satu pembangunan, satu perkembangan pasaran modal, kecekapan, inovasi dan kepada satu pasaran yang teratur, adil dan transparent. Tetapi malangnya Suruhanjaya Sekuriti tidak berjaya mendapat kepercayaan orang ramai untuk menunjukkan bahawa inilah satu suruhanjaya yang serius mahu Bursa Saham Kuala Lumpur bukan menjadi

satu kasino di mana orang-orang predator korporat yang ada hubungan dengan politik yang tertinggi boleh menipu rakyat biasa tanpa apa-apa tindakan yang diambil, contoh yang baik ialah Union Paper.

Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapan semalam tidak memberi jawapan yang memuaskan mengenai kritik-kritik yang saya buat dalam perbahasan ini, mengenai peranan yang dimainkan oleh pihak KLSE, yang dimainkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dalam skandal ini, oleh kerana tindakan mereka merupakan, dengan izin, *bolting the stable door* selepas kuda sudah lari. Dan campurtangan mereka merupakan cara yang mengenakan ketidakadilan kepada pelabur-pelabur kecil dan memihakkan mereka yang melakukan fraud semacam *short-sellers*. Contoh-contoh yang saya ada beri dua hari dahulu dalam skandal Union Paper mengenai bagaimana Union Paper digantung, diisytiharkan *cornered* pada 29hb Jun, apabila sangat jelas daripada *buying-in* pada 9hb Julai tidak *dicornered*. Begitu ramai pelabur-pelabur kecil, remisier-remisier mahu jual tidak boleh dapat jual kepada *buying-in* market. Kalau *cornered*, ini tidak akan berlaku dan bagaimana cara tetapkan harga RM15.20, cara *buying-in* dilakukan, cara sikap Pengerusi KLSE nampaknya membekalkan *short-seller* dan mengatakan itulah *default-selling*, dan bukan *short-selling*, semua tidak memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur kecil. Sebab itu dan sampai sekarang tidak ada nama 12 orang *short-sellers* diumumkan, tidak ada tindakan diambil terhadap mereka atau terhadap mereka yang bertanggungjawab manipulasikan skandal Union Paper itu, dan tidak ada orang yang yakin bahawa Suruhanjaya Sekuriti akan ada kuasa

untuk ambil tindakan terhadap khususnya personaliti-personaliti UMNO yang terkemuka yang terlibat dalam fraud corporate dalam pasaran Sekuriti, khususnya tentulah dalam Union Paper shares scam.

Sebab itulah saya pernah mencadangkan satu siasatan terbuka kepada KLSE, kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk menentukan sama ada mereka melindungi kepentingan pelabur-pelabur kecil atau membela kepentingan orang-orang tertentu dalam UMNO, dalam skandal Union Paper ini. Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jawapan yang lebih memuaskan. Dalam hubungan ini, pelabur-pelabur umum ada hak untuk mengetahui apa tindakan telah diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk memastikan bahawa skandal-skandal dalam pasaran saham yang berlaku dahulu tidak akan berulang lagi macam Pan-El skandal, skandal skrip yang hilang, skandal sijil saham yang palsu sebagai bahan "con", Federal Cables dan baru-baru ini Union Paper skandal. Kita DAP dalam Parlimen yang lalu ada mendesakkan untuk mengetahui apa tindakan telah diambil oleh Kerajaan mengenai Federal Cables skandal ialah sijil yang palsu dan kita tidak dapat apa-apa maklumat. Sebenarnya sebelum Parlimen penggal dahulu dalam mesyuarat yang terakhir, jawapan yang kita dapati daripada Kerajaan ialah siasatan Polis sudah tamat. Perkara ini dirujuk kepada Peguam Negara, tetapi sampai sekarang kita tidak tahu apa yang sudah berlaku. Adakah semua sudah disapu di bawah permaidani? Atau dengan izin, *the whole thing has been hushed-up*. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jawapan apa yang sudah berlaku kepada siasatan Polis mengenai Federal Cable fixed shares scandal.

Oleh kerana Suruhanjaya Sekuriti bertanggungjawab mengenai perkembangan kedudukan sekuriti-sekuriti, saya harap bahawa kita boleh mendapati apa pendirian Securities Commission mengenai siri, dengan izin, corporate move yang berlaku baru-baru ini yang melibatkan beberapa unsur:

Yang pertama, management buy-out RM800 juta, *The New Straits Times* dan *TV3* oleh empat orang wartawan yang memihak kepada Menteri Kewangan yang melibatkan Rael Mile (Malaysia) Sdn. Bhd. (MRCB).

Kedua, sama ada benar bahawa Kumpulan Hong Leong atau lebih spesifik Hong Leong Credit memberi sokongan kewangan kepada management buy-out ini RM800 juta, oleh kerana ada satu persefahaman akan dapat MUI Bank.

Ketiga, bahawa untuk mengatasi masalah hutang raksasa MRCB baru-baru ini, ada lagi satu siri Corporate move untuk membeli SIKAP Power dan MALAIKOF dan selepas itu MALAIKOF akan membeli 75% kepentingan SIKAP Power dalam SIKAP ENERGY Vack Ventures dan melanggari Akta Syarikat Seksyen 67 dan Seksyen 132G. Saya hendak jelaskan bahawa oleh kerana menghadapi masalah 'cash flow' yang berbangkit oleh kerana hutang-hutang yang raksasa, beberapa projek yang melibatkan modal yang kecil tetapi return yang sangat cepat dan besar, khasnya dalam bidang-bidang pertumbuhan seperti kuasa, tenaga, telekomunikasi, kejuruteraan dan gas, akan diberi kepada MRCB untuk generate 'cash flow' yang diperlukan supaya, management buy-out

ini boleh dijalankan dengan licin. Inilah sebabnya kenapa MRCB diberi kebenaran untuk mengambil dua bahagian dan 2 IPP (Independent Power Producer Projects), di mana pembeli ada 80% kepentingan dalam SIKAP Power, dan SIKAP Power ada lesen untuk membina Power Plant Lumut – 1,300 megawatt dengan harga RM3.5 billion, dan lagi mengambil 30% dalam satu konsortium yang diketuai oleh Sime Darby untuk membina Power Plant di Port Dickson yang 400 megawatt. Ini sangat anih, kerana bagaimana satu syarikat boleh mengambil bahagian dalam dua IPP?

Akhirnya saya berharap bahawa dengan satu sistem 'Scripless trading' yang diperkenalkan, maka kita mahu tahu dengan sebenarnya apa tindakan preventif yang ada diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk menentukan tidak akan berlaku hijacking scrip atau hijacking saham-saham daripada Central Depository System yang boleh berlaku dengan senangnya. Oleh kerana ini adalah jenayah kolar putih dan oleh kerana sesiapa yang ada access mengenai nombor kod sulit – ramai orang mungkin akan boleh mendapat access secret code number itu kepada Central Depository System, maka boleh dengan senangnya 'key-in' dan boleh transfer saham-saham. Inilah sangat merbahaya. Saya dapati sekarang ada 10 syarikat yang secara scripless. Cadangannya ialah dalam masa 2 tahun sistem scripless ini akan diperkenalkan secara menyeluruh. Tempoh 2 tahun itu sangat pendek, tetapi apa yang pelabur-pelabur kluatir ialah tindakan mencegah (Preventive measures) yang diambil oleh Securities Commission supaya apabila transaksi-

transaksi di Bursa Saham Kuala Lumpur dilakukan secara scripless, maka white collar crimes macam 'key-in' untuk melakukan transaction tidak akan berlaku, iaitu hijacking sahaja itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Bukit Bintang.

4.54 ptg.

Tuan Wee Choo Keong [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahaskan Maksud B. 28 - Perbendaharaan mengenai Suruhanjaya Sekuriti juga. Baru-baru ini kita ada terbaca di dalam suratkhbar mengenai dengan Union Paper, iaitu mengenai short-selling dari 24hb Jun hingga 2hb Julai. Menteri Kewangan dan KLSE juga sudah memaklumkan kepada orang awam bahawa ada 12 orang yang terlibat di dalam skandal short-selling ini dan saya juga merasakan bahawa Timbalan Menteri Kewangan ataupun Menteri Kewangan sendiri tahu bahawa kita ada satu Akta Sekuriti Industri (SIA) dan dalam Seksyen 41 ada tersebut bahawa sesiapa yang tiada skrip saham ataupun yang belum membeli saham berkenaan, tidak boleh menjual dan kalau menjual, ia akan menjadi short-selling dan beliau boleh dihukum di bawah seksyen 41.

Saya merasa amat hairan kenapakah Securities Commission ini tidak buat satu siasatan. Sudah berapa lama dari 2hb Julai hingga hari ini — sudah 26 hari, tetapi tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di dalam perkara ini. Jikalau Securities Commission ini ada apa-apa kesusahan ataupun tidak berapa faham, marilah saya beritahu sekarang cara-cara hendak menuduh 12 orang ini di mahkamah di bawah seksyen 41.

Oleh kerana kita pun tahu iaitu dalam tempoh 24 Jun hingga 2 Julai ini Securities Commission boleh meminta senarai 12 orang ini daripada KLSE melalui CS, untuk mendapat tahu apa masa itu berapakah syer Union Paper yang dijualkan kepada list ini, kita boleh memanggil mereka ini dan tanya mereka "Tan Sri, pada masa ini berapa lot syer yang awak jual?". Katalah 100lah. Tanya dia lagi, "Mana ada skrip Union Paper ini?" Jikalau dia kata tidak ada, soalkan, "sama ada awak ada beli atau tidak? Kalau ada, tunjukkan kepada kita purchase contract ataupun purchase order daripada broker yang berkenaan". Kalau dia tidak ada scrip, contract note pun dia tidak ada, maka itu sudah jelas dan terang bahawa orang ini sudah melanggar seksyen 41. Mengapakah Securities Commission mempunyai masalah dalam hal ini dan tidak boleh mengambil tindakan? Pada hal, ini adalah satu tindakan yang senang sekali di bawah seksyen 41, iaitu mengenai dengan short-selling.

Kemungkinan Menteri Kewangan ataupun pihak tertentu sudah mengarahkan Securities Commission supaya jangan mengambil tindakan oleh kerana pilihanraya UMNO (Baru) sudah hendak diadakan pada bulan November ini dan orang yang terlibat ini mungkin menjadi nominees ataupun sesiapa juga. Saya merasa hairan. Kalau perkara ini timbul di Singapura, saya rasa 12 orang ini sudah diheret ke mahkamah dan sudah dimasukkan ke penjara. Tetapi di negara kita, walaupun kita ada Suruhanjaya Sekuriti, tetapi mereka buat apa? Untuk kosmetik. Jikalau orang-orang biasa yang menjual short-selling sebanyak 5 lot atau 10 lot, mereka mungkin di bawa ke mahkamah. Tetapi apa yang kita tahu mereka ini bukannya orang biasa. Dari sumber-sumber saya dapat dalam

pasaran, Tan Sri Bashir pun ada terlibat di dalam perkara ini. Mungkin Timbalan Menteri boleh menafikan perkara ini, dan ada juga beberapa syarikat-syarikat broker yang terlibat di dalam skandal Union Paper ini, tetapi tiada tindakan. Itulah sebabnya kita merasa hairan.

Jikalau Kerajaan ataupun Suruhanjaya Sekuriti tidak boleh mengambil tindakan di bawah seksyen 41, sedangkan seksyen 41 ini sudah terang dan jelas dan senang untuk diambil tindakan, bagaimanakah kita boleh memberi keyakinan kepada pelabur dari luar negeri? Mereka nampak perkara yang sebegini senang untuk diambil tindakan, tetapi Suruhanjaya Sekuriti kita tidak mampu hendak mengambil tindakan, tidak pandai hendak mengambil tindakan, lebih baik tutup sahaja Securiti Commission – sudah bankrupt. Kalau Union Paper tidak boleh diambil tindakan, buat apa lagi hendak minta RM25 juta? Buat apa? Hendak buat office yang style dan action sahaja? Bukannya hendak menjaga Sekuriti dan bukannya hendak menjaga supaya tiada orang yang melanggar Securities Industry Act, tetapi hanya untuk mendapatkan satu office yang mewah dan cakupannya selalu keluar di suratkhbar seperti Pengerusinya, “Kita masih siasat, masih siasat”. Siasat apa? Hal Union Paper ini sangat senang dan tidak ada masalah langsung.

Saya rasa kalau Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti ini hendak mengambil tindakan, besok pun boleh ambil tindakan. Besok pun boleh heret 12 orang ini masuk ke mahkamah dan charge dan saya rasa, mereka pun tidak ada peluang hendak lawan perkara ini sebab sangat terang bahawa short-selling ini sudah melanggar section 41. Sama ada suruhanjaya Sekuriti ini tidak bebas, kalau tidak bebas, cakaplah di sini “tidak bebas”. Kita boleh faham bahawa

Suruhanjaya Sekuriti ini tidak bebas. Mereka kena ambil arahan dahulu daripada Menteri Kewangankah ataupun Perdana Menteri.

Kalau Suruhanjaya Sekuriti ini satu Commission yang bebas, memang Union Paper ini sudah selesai. Yang kedua, saham Union Paper ini di “suspended” pada 2hb. Julai, kalau saya tidak silap, baru-baru ini dan harganya ditetap oleh satu Jawatankuasa, Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE). Sama ada Menteri Kewangan ataupun Timbalan Menteri Kewangan faham, tahu atau tidak, ahli-ahli di bawah Jawatankuasa ini daripada mana? Direktor-direktor daripada syarikat broker seperti katalah TA Sekuritikah ataupun KN Kenangakah yang menjadi ahli.

Sekarang mereka ini jadi broker dan mereka ini jadi Jawatankuasa untuk mengawal securities industry ini. Bagaimanakah kita boleh dapat satu keputusan yang adil, saksama dan impartial? Mungkin mereka sendiri terlibat dalam kes Union Paper. Bagaimanakah mereka boleh tetapkan harga RM15.20? Bagaimana? Cara apa? Formula apa yang mereka gunakan ataupun mereka duduk di satu meja bersam-sama, “Oh, kita ini semua sudah teruk. Kita kena suspend cepat dan tetapkan harga”. Begitu! Tidak ada orang independent, orang luar daripada pasaran saham ini jadi Ahli Jawatankuasa KLSE.

Saya ingin bertanya kepada Menteri Kewangan ataupun Timbalan Menteri sama ada Kerajaan ada satu cadangan ataupun hendak ambil satu tindakan supaya KLSE Committee ini jadi sebuah Committee yang independent daripada stockbroking firm. Kalau tidak, saya rasa kita mungkin akan berlaku banyak kali lagi skandal Union Paper sebagai Union

Paper ini dan hak-hak ataupun kepentingan orang awam akan terjejas.

Yang ketiga, Suruhanjaya Sekuriti ini juga ada tugas untuk melulus ataupun tidak meluluskan permintaan atau permohonan daripada public listed company untuk mengeluarkan "rights issue" kepada orang awam. Baru-baru ini, saya diberi tahu bahawa MBf sudah minta satu rights issue pula. Permohonan daripada syarikat MBf holdings ini pada 30hb. Jun 1993 meminta rights issue sebanyak RM278 juta. Tujuannya seperti berikut:

- (i) Untuk kegunaan bahagian pembinaan ialah RM50 juta;
- (ii) Untuk kegunaan bahagian perkilangan ialah RM4 juta;
- (iii) Untuk menjelaskan jumlah yang terhutang kepada MBf Leasing dan MBf Factors sebanyak RM53 juta;
- (iv) Untuk mengurangkan jumlah pinjaman sebanyak RM130 juta;
- (v) Untuk modal kerja tambahan sebanyak RM37 juta; yang akhir sekali,
- (vi) Perbelanjaan yang dianggarkan untuk terbitan right issue ini sebanyak RM4 juta.

Sama ada Timbalan Menteri Kewangan tahu atau tidak bahawa MBf Holdings ini sudah minta dua kali rights issue ini berjumlah RM280.91 juta rights issue, yang akhirnya tahun lepas last rights issue yang diluluskan oleh pihak tertentu dan sekarang tugas ini diambilalih oleh Security Commission.

Sama ada Menteri Kewangan juga tahu yang diminta oleh MBf Holdings sekarang ini RM50 juta untuk kegunaan pembinaan. Permohonan mereka yang dahulu yang telah diluluskan oleh Menteri Kewangan ataupun agensi Menteri Kewangan sebanyak RM35 juta untuk pembinaan Malacca Village Resort. RM24.53 juta pembiayaan pembinaan Beachcomber Hotel di Pulau Pinang dan projek-projek perumahan yang lain, mereka ini satu syarikat yang cash generating. Mereka jual projek ini atau jual unit perumahan ini, mereka dapat wang tunai (cash) daripada orang awam. Kita hendak tahu, kenapakah syarikat yang besar sebegini selalu jual rumah dan juga baru-baru ini mengumumkan bahawa mereka sudah mendapat keuntungan pada tahun 1992 sebanyak RM79 juta. Kenapakah masih hendak membuat permohonan RM278 juta. Kenapakah masih hendak membuat daripada permohonan mereka berjumlah RM 1 juta, dua tahun lalu. Sekarang, perbelanjaan yang dianggarkan untuk terbitan hak ini berapa? RM4 juta! RM3 juta ialah free untuk rights issue ini.

Saya hendak tahu dari Menteri Kewangan – memang dia kawan karib Tan Sri Loy juga – sama ada beliau tahu atau tidak wang yang diberi kepada MBf Properties di "channel" keluar kepada Bina MBf ataupun MBf Builders dan dari situ, wangnya keluar kepada subkontraktor dan wangnya kembali kepada kawan karib Menteri Kewangan dan juga akaun-akaun MBf, anak syarikat MBf dan MBf Holdings tidak reflect the true nature of the accounts of the company. Jikalau akaunnya reflect the true positions, dengan izin, di dalam anak-anak syarikat MBf, MBf tidak perlu minta rights issue RM278 juta baru-baru ini. Oleh kerana baru tahun lepas, saya rasa sudah dapat RM164.8 juta.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung, masa sudah cukup.

Tuan Wee Choo Keong: Saya harap, Timbalan Menteri boleh mengarahkan Suruhanjaya Sekuriti supaya boleh membuat satu siasatan dengan teliti di dalam semua anak syarikat MBf Holdings sebelum mereka meluluskan permohonan yang baru ini. Oleh kerana kalau tidak, pemegang saham dari orang awam ini, hak-hak dan kepentingan mereka akan terjejas oleh penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh orang yang tertentu.

Saya harap, Suruhanjaya Sekuriti ini juga tahu, saya hendak beritahu dia bahawa di dalam Council itu ada seorang peguam bernama Ariff. Dahulu beliau daripada sebuah syarikat firma peguam bernama Chiang & Ariff dan orang yang bernama Ariff ini juga menjadi kawan karib Tan Sri Loy (MBf Holdings). Chiang & Ariff boleh dikatakan menjadi subsidiary kepada MBf Holding dan mereka membuat semua kerja MBf.

Saya harap, kalau ada apa-apa permohonan mengenai dengan MBf, Pengerusi Securities Commission ini mesti mengambil perhatian supaya beliau jangan terlibat dalam siasatan atau terlibat mengenai dengan MBf Holdings. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Oleh kerana kesuntukan masa, saya benarkan seorang lagi untuk membahar, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab. Kota Melaka.

5.13 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya ingin

merujuk kepada Bekalan B. 28 iaitu mengenai RM25 juta yang diperuntukkan kepada Suruhanjaya Sekuriti.

Di sini saya merujuk kepada satu tindakan yang diambil ekoran daripada satu perkara yang dibawa oleh saya di Dewan yang mulia ini pada tahun lepas, iaitu mengenai syarikat yang gagal menunaikan janji mengikut ramalan keuntungan seperti yang dijanjikan. Suruhanjaya Sekuriti telah membuat satu tindakan, tetapi saya rasa tindakan ini amat ringan sekali, iaitu satu reprimand ke atas kedua-dua syarikat ini yang gagal menunaikan ramalan keuntungan dalam prospektus mereka semasa meminta rakyat melabur dalam syarikat mereka dengan membeli saham-saham mereka.

Tuan Pengerusi, saya hendak tahu adakah tindakan ini akan menakutkan atau akan memastikan bahawa syarikat-syarikat yang gagal memenuhi ramalan keuntungan yang dibuat atau forecast profits bahawa syarikat-syarikat ini tidak akan melakukannya sekali lagi. Di sini, saya tak nampak tindakan Suruhanjaya Sekuriti berkesan langsung. Ini saya rasa adalah kerana Suruhanjaya Sekuriti terlalu memilih-milih atau terlalu berpilih-pilih dalam tindakan mereka.

Tuan Pengerusi, saya bercakap demikian kerana bukan sahaja dari segi tindakan yang diambil (public reprimand) tidak membawa sebarang kerugian kepada syarikat tersebut. Malah, apabila tindakan diambil, saya tak boleh ingat jumlah harga saham pada masa itu, tetapi harga saham naik di pasaran BSKL. Ini menunjukkan bahawa tindakan yang diambil tidak berkesan langsung. Tidak bermakna langsung!

Saya rasa tindakan yang lebih tegas ialah dengan mengenakan dendaan dan

kalau boleh pampasan kepada pembeli-pembeli saham tersebut yang melabur atas janji membuat ramalan keuntungan yang dibuat oleh syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Pengerusi, saya telah menyebut dua syarikat, iaitu UCM dan Dataprep, tetapi hanya UCM sahaja yang dikenakan tindakan dan tidak pula kepada Dataprep. Saya hendak tanya mengapa? Yang lebih penting lagi ialah selain daripada syarikat yang harus dikenakan tindakan, underwriters, auditors yang menyediakan laporan penyata tahunan atau yang menyediakan prospektus pun harus dikenakan tindakan.

Saya hendak bertanya sama ada Suruhanjaya Sekuriti tidak mengenakan tindakan ke atas syarikat-syarikat tersebut kerana ahli-ahlinya mempunyai kepentingan dalam syarikat tersebut seperti Akauntan Coopers & Lybrand. Saya rasa mungkin sekurang-kurangnya satu pertanyaan mesti dibuat. Dan lebih penting lagi, kerana dari segi share (saham), ini semua diuruskan oleh Adviser and Managing Underwriter seperti yang saya dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang pakar dalam hal ini; diuruskan oleh Commerce International Merchant Bankers Bhd. iaitu Adviser and Managing Underwriter. Underwriter yang lain ialah CIMB Securities Sdn. Bhd., Inter-Pacific Sdn. Bhd., dan Zalik Securities Sdn. Bhd. Tetapi Adviser dan Managing Underwriter ialah Commerce International Bankers Bhd.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada bekas Ketua Eksekutif CIMB - Commerce International Merchant Bankers Sdn. Bhd. ialah sekarang menjadi Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti. Benar

atau tidak? Kalau benar, adakah ini alasan mengapa Suruhanjaya Sekuriti tidak mengambil tindakan ke atas Managing Underwriter ini? Bukankah ini merupakan satu percanggahan kepentingan? Kerana Ketua Eksekutif pada masa itu ialah Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti sekarang dan tak mungkin dia boleh menjadi Prosecutor, Jury, Judge and Executioner sekaligus. Lebih-lebih lagi apabila dia didakwa. Dia tertuduh.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang akan menjawab nanti boleh memberikan jawapan yang serius mengenai perkara ini kerana kalau Suruhanjaya Sekuriti boleh dipengaruhi oleh kepentingan-kepentingan peribadi, tidak bermakna dan tidak berkesan langsung. Tidak ada gunanya Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawal Pasaran Saham Sekuriti BSKL supaya dapat memajukan pasaran sekuriti demi ekonomi negara.

Tuan Pengerusi, apa terjadi dengan cadangan saya yang dibuat berkali-kali bahawa langkah yang efektif dan yang paling berkesan untuk memastikan bahawa syarikat yang hendak disenaraikan di BSKL memenuhi janji ramalan keuntungan atau fulfil their forecast profit earnings, dengan izin, seperti yang dijanjikan ialah mengikuti sistem yang diamalkan di Amerika Syarikat di mana perkembangannya adalah lebih maju dan canggih.

Di sana, seperti yang diketahui umum dan saya rasa, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun boleh ingat ucapan saya pada masa lalu iaitu kalau sesebuah syarikat gagal memenuhi ramalan keuntungannya, pengarah syarikat tersebut terpaksa memikul atau menanggung sebarang overstatement of forecast profit earnings, dengan izin. Iaitu

kalau ramalan keuntungannya ialah lebih daripada 10%, apa yang sebenarnya perbezaan keuntungan syarikat tersebut terpaksa ditanggung oleh pengarah syarikat. Di sini UCM jauh, negative variance 100% – diramalkan untung RM13 juta, akhirnya saya rasa, tidak tahu ada untung atau rugi. Mungkin ada untung RM2 juta atau akhirnya rugi beberapa puluh ribu. Tetapi ini akan ditanggungkan oleh pengarah syarikat kepada pelabur-pelabur dalam syarikat itu. Mengapakah pihak Kementerian atau Suruhanjaya Sekuriti tidak mahu mengambil langkah ini atau lebih baik adviser dan managing underwriter pun mesti bertanggungjawab. Kalau ini berlaku mungkin Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti pun mesti bertanggungjawab.

Adakah keengganan berbuat demikian ialah kerana di antara pengarah mereka ialah “kerabat”, bukan kawan karib, ahli keluarga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bukan kawan karib, pengarah pada masa itu semasa prospektus dibuat Mokhzani bin Mahathir seorang Pengarah UCM, alamatnya Seri Perdana, Jalan Damansara, 50480 Kuala Lumpur. Dataprep sama juga! Pengarahnya Mirzan bin Mahathir yang juga beralamat di Seri Perdana. Adakah keengganan mengambil tindakan atau membuat ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas kegagalan mencapai ramalan keuntungan ialah sebab ini; kerana pengarah ialah anak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau inilah sebabnya, saya rasa lebih baik Suruhanjaya Sekuriti dibubarkan. Tidak guna langsung. Kalau orang, “kaum kerabat” bukan diraja, “kaum kerabat diraja politik” – there is a new class now. Class baru. Bukan class diraja, “class politik beraja”. Kalau mereka ada hubungan dengan “class” baru ini, tidak payah ambil sebarang tindakan. Justeru itu, skandal-skandal

seperti Union Paper boleh berlaku, kerana Kerajaan memang tidak serius. Sama seperti Real Mild semasa membeli NSTP dan TV3, sungguhpun membeli lebih daripada 33.3% tidak payah membuat satu tawaran am, no need to make a general offer, dengan izin, seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang. Tetapi untuk syarikat lain kena ikut. Seperti seorang bekas seorang Pengarah UCM yang dikenakan tindakan oleh BSKL kerana melebihi 33.3% tanpa membuat tawaran am – dikenakan tindakan dilarang berniaga di BSKL selama dua tahun. Ini baik. Ini kita alu-alukan. Mesti serius. Tetapi mengapa ada double standard. Mengapa berpilih-pilih. Mengapa Real Mild semasa membeli NSTP dan TV3 tidak payah diwajibkan membuat general offer kepada pemegang-pemegang saham minoriti? Adakah kerana syarikat ini dimiliki oleh kawan-kawan karib Yang Berhormat Menteri Kewangan? Inilah sebabnya mereka diberikan pengecualian, di mana syarikat ini menjimatkan sekurang-kurangnya RM900 juta kerana tidak payah membuat satu tawaran am. Hanya bayar RM800 juta untuk management buy-out, tetapi kalau kena buat tawaran am, mandatory general offer kena bayar RM1,707 juta. Adakah oleh kerana perhubungan rapat ini dikecualikan? Kalau macam ini saya rasa Suruhanjaya Sekuriti harus ditubuhkan, didirikan, diberikan kuasa untuk mengawal syarikat-syarikat yang tidak ada hubungkait dengan kawan-kawan karib Yang Berhormat Menteri Kewangan atau ia tidak ada hubungkait dengan pemimpin-pemimpin UMNO sekarang.

Tuan Pengerusi, mengenai kawan-kawan karib Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya juga hendak bertanya mengenai soalan berkaitan MBf Finance

yang saya telah buat tetapi telah ditolak, saya tidak tahu sebab apa, oleh Parlimen dan di sini saya hendak tujukan soalan tersebut mengenai MBf dan soalan saya ialah; adakah pihak Suruhanjaya Sekuriti sedar MBf Finance telah memberikan pinjaman besar kepada syarikat pemaju perumahan di mana Setiausaha Syarikat William Leong Yee Jit yang juga seorang peguam peribadi kepada Ketua Eksekutif MBf Finance Bhd. Tan Sri Loy Hean Heong dan Pengurus Besarnya, Madam Wong Wai Yin memegang jawatan sama dalam syarikat-syarikat berikut. Syarikat-syarikat tersebut ialah, satu;.....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta pendekkan ya. Masa sudah habis.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya akan....sikit sahaja. Juara Bina Sdn. Bhd., jumlah pinjaman oleh MBf Finance ialah RM44.5 juta; Seri Lukut Sdn. Bhd., jumlah pinjaman – RM27.55 juta; Chong Lian Enterprise Sdn. Bhd. – RM46 juta; Seri Keladi Sdn. Bhd. – RM55 juta; Rawang Industries and Properties Sdn. Bhd. – RM109.35 juta; Riang Bakti Sdn. Bhd. – RM59.6 juta; Tala (M) Sdn. Bhd. – RM46.8 juta; Eastern Enterprise Sdn. Bhd. – RM159 juta. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan selain daripada Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara dan juga Menteri Kewangan? Dan semua ini ialah untuk MBf Property Services di mana cek atau wang dikeluarkan tetapi untuk kerja yang belum dibuat. Adakah satu siasatan penuh diambil ke atas perkara ini? Dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tahu dia tidak terlibat dengan gejala seperti ini tetapi boleh minta pegawainya supaya jawab dengan betul. Saya takut nanti pegawai ini pun mungkin disogok oleh Tan Sri Loy.

[*Tepuk*] Ini bahaya. Saya harap, kita boleh dapat jawapan yang betul dan benar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Timbalan Menteri diminta jawab.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Bukit Bintang dan juga dari Kota Melaka.

Yang pertamanya saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai pinjaman-pinjaman kepada MBf Property. Saya tidak ada maklumat mengenai perkara-perkara tersebut dan sekadar memberi kesediaan untuk merujuk tentang perkara-perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat mengenai perkara berkaitan.

Keduanya, Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan mengenai rumusan yang dibuat oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat di mana dikaitkan antara satu dengan yang lain. Satu di antara seorang yang berkawan dengan orang yang lain, satu orang dilahirkan oleh ibu bapanya. Dan ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat nampaknya makin lama makin seronok mengaitkan hubungan antara kita sesama kita dan membuat tafsiran yang berbeza-beza.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya juga kenal dengan Encik Ariff ini semasa saya mengajar di Universiti Malaya dulu, beliau sebagai seorang pensyarah di Fakulti Undang-undang. Dan saya juga

mempunyai taksiran sava terhadap Encik Ariff. Jadi, kalau Yang Berhormat dari Bukit Bintang hendak membuat taksiran tentang Encik Ariff sebagai seorang daripada pegawai yang tertinggi di Securities Commission dan membuat tafsiran yang tidak adil kerana hubungan beliau dengan Tan Sri Loy, jadi, Tuan Pengerusi, saya membuat andaian bahawa, satu: sama ada kita sahaja yang betul, kita sahaja yang bersih, kita sahaja yang murni, yang lain-lain semuanya kotor, keji dan terdedah kepada berbagai-bagai amalan yang tidak sihat dan negatif. Jadi, Tuan Pengerusi, saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada kita sebagai golongan profesional melalui proses pendidikan dan masuk dalam bidang profesion, sekurang-kurangnya memberi pengiktirafan bahawa mereka ialah golongan profesional dan kita beri pengiktirafan yang sewajarnya kepada mereka untuk mengamalkan profesion mereka mengikut ethics mereka – etika profesion mereka.

Jadi, itulah sahaja yang saya harapkan. Sekurang-kurangnya, marilah kita tidak membuat tafsiran yang begitu keterlaluan terhadap pemimpin-pemimpin korporat dan pemimpin-pemimpin profesional dengan minda yang terlatih dalam ilmu pengetahuan dengan profesion mereka yang tertakluk kepada etika profesion mereka masing-masing. Dan kita menyerahkan amanah kepada mereka, marilah kita memberi segala pengiktirafan yang sewajarnya untuk mereka melaksanakan tugas mereka masing-masing dan tidak membuat tafsiran yang berbagai-bagai kerana hubungan peribadi mereka dengan yang lain-lain.

Tuan Wee Choo Keong: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Jadi, Tuan Pengerusi,.....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Perkara yang dibangkitkan mengenai.....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri jalan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:anak-anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, macam seolah-olah anak-anak ini disalahkan oleh ibu-bapa mereka sehinggakan mereka tidak boleh terlibat dalam bidang perniagaan. Jadi, Tuan Pengerusi, dalam hal ini, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa Yang Berhormat bersetuju dengan kes UCM, dalam ingatan saya, tindakan sudah diambil. Apabila Yang Berhormat mengatakan bahawa tidak cukup – dalam bentuk mereka yang merupakan konsultan ataupun profesional yang menasihatkan UCM – tindakan tidak memadai. Jadi, dalam hal ini, saya percaya bahawa dalam ingatan saya, tindakan ini dalam pengamatan CIC, semasa wujudnya CIC, dan mengikut peruntukan yang ada, saya percaya CIC sudahpun membuat tindakan yang sewajarnya.

Dalam kes Dataprep, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kota Melaka pun rasa boleh dapat mengesan daripada pasaran bahawa benar unjuran untungya tidak menepati dengan realitinya. Walaupun begitu, pihak Dataprep dalam ingatan saya, sudahpun melalui satu proses di mana dia diambilalih oleh satu

syarikat yang lain yang dapat memasukkan input pengurusan yang agak lebih menyakinkan, yang mempunyai pengalaman yang sama dan kemampuan yang lebih tinggi wibawanya dan akhirnya, Dataprep merupakan satu syarikat yang dapat diletakkan pada landasan yang kukuh dan akhirnya, menepati dengan unjuran asalnya. Jadi, Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya percaya mengikut ingatan saya, serba-sedikit saya dapat menyambutnya.

Saya hendak beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Mengenai rights issue, saya tidaklah ingin berkata di sini saya mampu menjawabnya dengan tepat sekadarkan untuk mengatakan bahawa pasaran ekuiti adalah di antara kelebihan-nya ialah syarikat-syarikat yang tersenarai untuk mengembleng modal daripada pasaran tersebut. Saya percaya, bahawa rights issue yang dimaksudkan dapat ditentukan mengikut peruntukan dan peraturan-peraturannya. Dalam hal ini, saya ingin menegaskan bahawa jika sekiranya pihak yang bertanggungjawab sama ada CIC yang dulunya ada Securities Commission yang ada pada hari ini, melampui peruntukan dan peraturan maka akan wujud precedent-precedent yang tidak sihat yang boleh digunakan oleh pihak-pihak yang lain pada masa-masa yang akan datang, sebegitu rupa akan menjejaskan kredibiliti dan track record institusi yang kita bangunkan dengan harapan mereka dapat memelihara pasaran ekuiti.

Jadi, Tuan Pengerusi, dalam hal ini, saya sekadar hendak menjawab dan berkata bahawa dalam rights issue yang dikatakan terlalu kerap, saya percaya ia telahpun diamati mengikut peruntukan dan peraturan dengan harapan kita

bahawa precedent yang dibuat dalam bidang ini sesungguhnya dapat memperkukuhkan track record dan kredibiliti institusi CIC yang berlalu dan Securities Commission yang ada pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada perkara harga yang ditetapkan oleh pihak BSKL apabila tindakan "buying-in" dibuat pada paras RM15.20. Dalam hal ini, walaupun Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang membuat dakwaan committee yang berkenaan tidak layak dan tidak ada asas, seolah-olah RM15.20 itu diambil dari angin yang berlalu. Sebenarnya, tidak begitu. RM15.20 adalah berdasarkan kepada apa yang dirujuk dan "the last done price", dengan izin, dan ditambah dengan satu peraturan yang ada - 25% daripada "last done price". Maka apabila dirujuk kepada harga "the last done price" terhadap Union Paper share itu dan ditambah dengan 25%, mengikut peruntukan yang sedia ada, maka kita dapat angka RM15.20. Ini bermakna bahawa tidaklah dengan sewenang-wenangnya, seolah-olah dipetik daripada angin yang berlalu untuk meletakkan satu-satu harga apabila "buy-in exercise" dilakukan.

Apabila Yang Berhormat dari Bukit Bintang merujuk tentang Seksyen 41 dan berkata bahawa adalah mudah sekali untuk kita mengesan "short-selling". Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengajar kami di sini untuk menentu, mengesan apa yang dimaksudkan dengan "short-selling". Saya sebenarnya, kalau betul semudah itu, maka mudah sangat kerja yang boleh dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab. Dalam hal ini, saya ingin menegaskan bahawa apabila kita berkata,

Yang Berhormat dari Tanjong berkata bahawa kita perlu bukan sahaja.....

Tuan Wee Choo Keong: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat minta jalan. Hendak beri jalan kepada dia atau tidak?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: No, biar saya habiskan hujah ini dahulu. Yang Berhormat dari Tanjong kata bahawa tindakan hendaklah adil. Maka, kita hendaklah adil kepada semua pihak. Kalau kita dengan sewenang-wenangnya menuduh dan mendakwa bahkan kita boleh menganiyai pihak-pihak tertentu. Yang Berhormat dari Bukit Bintang sebutkan 12 atau 14 orang.

Tuan Wee Choo Keong: [*Bangun*]

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Kalau kita semudah itu, Tuan Pengerusi, kita akan tidak menjadi adil, maka di antara matlamat kita bukan sahaja yang inovatif, adil, transparent dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia minta lagi.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Kita memerlukan segala pengamatan.....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri atau tidak?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:supaya kita tidak menganiyai mana-mana pihak.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi saya bercakap ada 12 orang. Bukan saya yang

sebutkan ada 12 orang. 12 orang ini disebutkan oleh Pengerusi KLSE. Beliau yang sebutkan 12 orang ini yang terlibat dalam "short-selling". Dan juga Seksyen 41 dengan jelasnya berkata "Sesiapa yang tiada ada skrip, "in possession of a script "ataupun" already purchased shares" yang berkenaan, tidak boleh menjual. Jikalau mereka jual, itulah jadi "short-selling". Jadi, bukannya hendak mengajar atau apa. Cuma menasihati sahaja oleh kerana Securities Commission mungkin belum fasih dalam perkara ini ataupun pura-pura tidak fasih. Terima kasih.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, tanggungjawab yang besar untuk sama ada pihak polis, pihak Registrar of Companies, pihak Security Commission dan pihak BSKL ialah untuk established, dengan izin, apa yang dimaksudkan dengan short-selling ataupun adanya amalan manipulasi dan adanya apa yang dirujuk sebagai default in transaction atau default dalam bentuk kontrak di antara pembeli dan penjual.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini izinkan saya merujuk kepada sequence langkah-langkah yang telah dibuat.

Tuan Lim Kit Siang: The sequence berkenaan itu mengenai short-selling. Oleh kerana short-selling bukan sahaja satu kesalahan tetapi semua tahu berlaku begitu banyak kali dan kerap kali khususnya di dalam Union Paper. Masalahnya ialah kenapa BSKL (KLSE) termasuk Security Commission tidak boleh sampai sekarang mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka yang short-sell. Bukan sahaja tidak boleh mengambil tindakan, sebaliknya KLSE sudah mewujudkan satu istilah yang baru bahawa default-selling boleh, short-selling tidak boleh.

Sesiapa yang short-sell, tidak mahu mengakui short-sell, kata default-selling, ini ialah satu loophole.

Di sini BSKL sendiri mencipta satu loophole untuk orang-orang yang membuat kesalahan dalam short-selling untuk boleh keluar daripada kesalahan. Itu bukan tanggungjawab. Itu bukan peranan BSKL. BSKL ialah mendakwa mereka yang ada jual tetapi tidak ada script. Honest kepada mereka untuk pergi ke mahkamah, kata mereka default-default dan bukan short-sell. Bukan tanggungjawab BSKL untuk mempertahankan peranan mereka sebagai default-sell. Kesemua dua belas orang itu patut ditangkap dan didakwa di mahkamah kerana short-sell. Kalau mereka mahu pergi ke mahkamah kata mereka, default-sell, itu adalah tanggungjawab dan peranan peguam mereka, bukan peranan Pengerusi BSKL, selain daripada Pengerusi BSKL sudah menjadi penasihat kepada dua belas orang short-sellers ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Pengerusi, saya ingin memberi pengakuan di sini bahawa pihak polis, pihak Registrar of Companies dan pihak Security Commission sedang membuat penyiasatan sehingga memerlukan kerjasama kepada pihak Interpol. Saya tidak boleh menemuduga pihak-pihak tertentu to establish, dengan izin, sesungguhnya ada bukti-bukti short-selling. Bahkan, mereka sesungguhnya berusaha to establish that bukti.

Selepas paras yang tertentu, kita hendak mencari bukti berlakulah short-sellers itu. Sebelum itu, bukanlah pihak BSKL rela dan mengizinkan default-selling. Default-selling adalah satu yang tidak juga direlakan oleh BSKL kerana ini merupakan amalan-amalan yang tidak

sihat. Apabila default-selling itu berlaku, maka BSKL mengambil tindakan yang sewajarnya dan didenda kepada pihak-pihak yang membuat default-selling itu.

Jadi, Tuan Pengerusi,.....

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah definisi short-selling ialah di mana seorang yang menjual tidak boleh deliver script. Kalau tidak boleh deliver script, tidak kira apa alasan, dia short-sell. Sama ada dia pergi luar negeri, sama ada dia sudah lupa, atau ada apa-apa penyakit, itu defense bagi pihak dia untuk mengutarakan dan mengemukakan dalam mahkamah. Itulah kalau dia tidak boleh deliver script, dua belas orang itu tidak boleh deliver script, mereka short-sell - dakwa mereka. Kenapa perlu Interpol? Adakah ini bererti dua belas orang ini semua berada di luar negeri? Kalau begitu, adakah kalau mereka balik, passport akan diimpounded dan semua ditangkap?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Yang Berhormat dari Tanjong ini, kita buka sedikit ruang, dia membuat tafsiran yang berbagai-bagai juga. Tadi Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada menyebutkan mengenai delivery contract sebagai contoh. Jadi, kita kena establish, dengan izin, sama ada sesungguhnya pihak yang berkenaan ada menjual ataupun tidak, terhadap pihak-pihak yang tertentu yang hendak dibuktikan berlakunya short-selling. Jadi, kalau tidak, sekadar memadai pihak yang berkenaan tidak boleh deliver the scripts untuk dipastikan mereka itu short-selling. Jadi, sesungguhnya adakah transaction lebih awal daripada itu untuk membuktikan bahawa mereka sebenarnya tidak memiliki script langsung.

Jadi, Tuan Pengerusi,.....

Tuan Wee Choo Keong: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

....agak lebih adil sekiranya kalau saya dapat merujuk kepada langkah-langkah yang dibuat oleh BSKL dari segi tindakan-tindakan yang telah dibuat untuk memelihara nama baik pasaran kita.

Jadi, Tuan Pengerusi, kalau dibenarkan saya hendak membaca sequence yang berlaku supaya pihak BSKL dilihat dengan kacamata yang agak lebih adil.

Pada 14 Jun 1993, harga saham UPHB telah mencapai paras tertinggi RM23.00 sesaham yang juga merupakan harga untuk hari tersebut. BSKL seperti yang dikehendaki di bawah peraturannya telah membuat query terhadap UPHB meminta penjelasan terhadap sebab-sebab kenaikan harga tersebut.

Union Paper Holdings Bhd. menjawab query BSKL pada 15 Jun 1993 dengan menyatakan mereka tidak mengetahui sebab-sebab kenaikan harga.

Pada 25 Jun 1993, BSKL mendapati beberapa syarikat broker saham telah gagal membuat penyerahan sebanyak 2,031,000 saham berhubung dengan penjualan mereka pada 16 Jun 1993. Kegagalan mereka berpunca daripada kegagalan pelanggan-pelanggan mereka membuat penyerahan. Di bawah peraturan BSKL, kegagalan membuat penyerahan dianggap sebagai satu pengingkaran kontrak. Isu serta-merta yang perlu ditangani oleh BSKL ialah bagaimana untuk mendapatkan saham-saham untuk diserahkan kepada pembeli-

pembeli. Amalan biasa BSKL dan juga mengikut peraturan yang disediakan, saham-saham tersebut perlu diperolehi melalui proses belian ganti.

Sehubungan dengan ini, satu tindakan belian ganti telah dilakukan pada hari yang sama. Tetapi daripada jumlah 2,031,000 saham yang diperlukan, BSKL cuma memperolehi 1,312,000 saham sahaja melalui proses belian ganti tersebut. Kegagalan BSKL untuk memperolehi kesemua jumlah saham yang diperolehi melalui proses belian ganti dan kegiatan jualan di pasaran biasa pada hari itu telah mendorong BSKL merumuskan pendapat bahawa terdapatnya spekulasi berlebihan di dalam Kaunter Union Paper Holdings Bhd. Justeru itu seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan BSKL, Kaunter UPHB diisytiharkan sebagai Sekuriti Bertanda pada 28 Jun 1993.

Pada 28 Jun 1993, jumlah kuantiti saham UPHB yang dikenakan tindakan belian ganti telah meningkat kepada 1.4 juta saham. Belian ganti telah dilakukan pada pukul 2.00 petang hari tersebut. Tetapi daripada jumlah 1.4 juta saham yang diperlukan, BSKL cuma memperolehi 25,000 saham. Dalam masa yang sama, kegiatan jual-beli saham itu di bawah status Sekuriti Bertanda pada hari itu telah menunjukkan satu ciri yang agak luar daripada kebiasaan. Keadaan ini bersama dengan kegagalan BSKL untuk menyempurnakan belian ganti selama dua hari berturut-turut mendorong BSKL membentuk pendapat bahawa kaunter UPHB telah dicornered. Ini selaras dengan peruntukan yang disediakan di bawah peraturan-peraturan BSKL. Atas sebab itu, dagangan di dalam kaunter UPHB digantung. Sehubungan dagangan telah digantung penyelesaian kepada kontrak-kontrak tertangguh mesti

dilaksanakan, BSKL mempunyai tanggungjawab untuk mendapatkan saham kepada pembeli-pembeli.

Mengikut peraturan BSKL, penyelesaian mestilah dibuat melalui penyerahan skrip yang diperolehi melalui proses belianganti. Peraturan-peraturan BSKL juga menyediakan peruntukan berhubung dengan penetapan harga belianganti, BSKL tidak boleh menetapkan harga belianganti sewenang-wenangnya.

Perlu dinyatakan di sini bahawa belianganti ini bukanlah satu pasaran dan juga bukan satu mekanisme untuk menolong pelabur-pelabur melepaskan saham-saham yang tidak diperlukan oleh mereka. Tujuan belianganti (buying-in) ini ialah untuk mendapatkan saham kepada pembeli-pembeli yang masih menunggu penyerahannya berpunca dari kegagalan penjual membuat penyerahan.

Pada 9hb Julai 1993 tindakan belianganti untuk 3,315,000 saham dilakukan. Di bawah peruntukan BSKL jualan kepada belianganti hendaklah dilakukan berasaskan kepada "first come first serve".

BSKL tidak boleh membuat belianganti lebih daripada jumlah yang diperlukan. Mungkin ada yang mengatakan tidak berlaku "corner" dalam Kaunter UPHB kerana terdapat banyak penjual yang tidak berjaya menjual saham mereka melalui belianganti pada 9hb Julai, 1993.

Perlu dijelaskan di sini bahawa pengisytiharan 'corner' telah dibuat pada 28hb Jun, 1993 setelah BSKL gagal menyempurnakan belianganti pada hari itu. Penyiasatan awal BSKL menunjukkan saham-saham UPHB mula berada

di tangan pembeli-pembeli dengan luasnya selepas 29hb Jun, 1993 berbangkit daripada kontrak-kontrak yang dilakukan pada 17hb Jun, 1993 hingga 28hb Jun, 1993. Jadi, itulah Tuan Pengerusi, sequence yang berlaku, yang menggambarkan sejauhmana BSKL telah dapat menyempurnakan tugas mengikut peruntukan dan peraturan.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjong minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak bertanya, yang pertama mengenai pengisytiharan pada 29hb Jun 1993 oleh BSKL bahawa saham Union Paper Holdings Bhd. telah di "cornered".

Mengikut Akta Industri Sekuriti, "cornered" ialah apabila seseorang, segolongan atau sekumpulan orang telah mengambilalih, control, dominate pasaran itu. Bukankah ini tanggungjawab BSKL sebelum mengisytiharkan saham itu di "cornered", ia perlu tahu siapa yang menguasai pasaran? Siapa "corner" saham itu, dia patut tahu, tidak boleh agak-agak sahaja. tentu boleh mengesani, mengenalpasti siapa "corner" atau apa golongan yang "corner" Union Paper Holdings Berhad. Itu yang pertama.

Yang kedua, bukankah sebab kenapa BSKL gagal atau hanya mendapat buying-in dengan bilangan saham yang begitu kecil, ini adalah oleh kerana harga sangat rendah. Mereka yang ada saham Union Paper Holdings Berhad lebih rela menjualkan harga di pasaran yang lebih tinggi, dan oleh kerana orang yang kena "cornered" bukan saham, tetapi short-sellers, mereka kena "cornered". Mereka kena "cornered" oleh kerana, kalau

mereka mahu beli saham itu dalam pasaran terbuka tentu harga itu akan naik, oleh kerana itu mereka perlu beli.

Tindakan BSKL untuk mengisytiharkan bahawa saham itu di "cornered" sebenarnya menyelamatkan short-sellers daripada satu keadaan, mungkin mereka perlu bayar RM20-RM30-RM40, itu adalah hal short-sellers. Kenapa KLSE mahu pergi masuk untuk menyelamatkan short-sellers? Dan bukankah pada 9hb Julai apabila BSKL mengadakan buying-in ialah pada 9hb Julai pukul 2.00-2.30 petang, apabila buying-in bermula pada pukul 2.00 petang – di tanah air kita ada lebih kurang 55 stock brokers dan mereka ada sekurang-kurang dua terminal – semua "key-in". Ada 120 terminal key-in mahu jual pada pukul 2.00 petang dan saya mendapat komplek-komplek bahawa ada stock broker-stock broker, bila key-in pukul 2.00 petang, mereka dapat data atau balasan bahawa pasaran sudah ditutup pada pukul 2.00 petang, pada masa itu 120 computers mahu menjual. Jadi, bagaimana kalau pukul 2.00 petang semua sudah habis dijual? Saya dapati bahawa selepas pukul 2.00 petang ada stock broker-stock broker masih boleh menjual, sebab itu perlu satu siasatan apa yang berlaku dalam BSKL. Ada orang yang mengendali buying-in itu yang tidak mengikut peraturan, yang telah menggunakan jawatannya, dengan sebab itulah kita kata langkah demi langkah yang diambil oleh KLSE memberi kepada orang ramai satu gambaran bahawa BSKL bukan satu badan yang bebas, tetapi bertindak untuk menyelamatkan short-sellers sehingga 12 short-sellers yang sebenarnya bukan short-sellers, tetapi default-sellers.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, pada 28hb Jun, 1993 setelah BSKL gagal menyempurnakan

belianganti pada hari itu, maka pada 29hb Jun, 1993 ada berbangkit tentang tafsiran bahawa pasaran telahpun di "cornered".

Tuan Pengerusi, sebagai bukti untuk menyelesaikan masalah ini kita boleh merujuk kepada keputusan muktamad pada tarikh 9hb Julai 1993 apabila sebanyak 3,315,000 saham telah dapat ditentukan untuk menyempurnakan segala tuntutan terhadap saham-saham. Dan kalau Yang Berhormat ingin merujuk, saya juga ada maklumat mengatakan bahawa 42 atau 43 broker saham adalah mereka yang dapat menyertai sama dalam proses exercise buying-in itu. Mereka menyertai the buying-in exercise, tetapi apa yang berlaku, Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak ada pilihan, tidak ada discriminatory process untuk mana-mana pihak dalam exercise buying-in itu, kerana pada akhirnya bukti-bukti ada untuk menunjukkan bahawa 42 broker saham menyertai proses buying-in. Jadi, Tuan Pengerusi, adalah tidak adil untuk mengatakan bahawa ada pihak-pihak yang sengaja diketepikan.

Tetapi, saya ingin menegaskan di sini bahawa ianya bukanlah seperti yang saya katakan tadi, bukanlah satu pasaran, bukanlah satu mekanisme untuk menolong pelabur-pelabur melepaskan saham-saham lebih daripada yang diperlukan.....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak beri jalan lagi atau tidak?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: dan amalannya ialah "first come first serve." Jadi, Tuan Pengerusi, saya sudah cukup maklumat.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi.....[*Menyanggah*]

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Kita boleh merujuk kepada fakta yang ada 43, 42.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyanggah*]

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batu Berendam!

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Cukuplah, biarlah saya habiskan.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat beri jalan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Ya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Yang Berhormat, saya ingin tahu apabila, dengan izin, Kuala Lumpur Stock Exchange declared that the market has been cornered, bagaimana pula Kuala Lumpur Stock Exchange memulakan proses buying-in? Ini kerana dari segi ruling yang kita tahu bahawa apabila sesebuah syarikat itu di "declare"kan "cornered", maka pada masa yang sama, mereka tidak boleh menjalankan process buying-in. Ini telah melanggar undang-undang yang ada di Industri Sekuriti, mungkin kalau Yang Berhormat dapat memberitahu kita mengenai perkara ini. Terima kasih.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, yang saya faham melalui sequence ini, ini adalah tafsiran 'being cornered' itu. Tetapi akhirnya, apabila the exercise of buying-in berlaku, maka dapat disempurnakan apa juga tuntutan terhadap saham-saham yang tidak dapat didelivered oleh

penjual kepada pembeli-pembeli. Saya merujuk kepada exercise yang terakhir untuk mengatakan bahawa BSKL menyelesaikan perkara ini berdasarkan kepada mereka yang menuntut saham, dapat disempurnakan melalui proses exercise buying-in itu. Dan kalau Yang Berhormat dari Batu Berendam mengatakan itu melampaui peruntukan peraturan, saya percaya pihak BSKL boleh diperbetulkan dan tindakan yang sewajarnya boleh diambil. Saya percaya ianya menepati dengan peruntukan peraturan ke arah exercise buying-in itu.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]
Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjong bangun.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:Yang Berhormat dari Tanjong merujuk kepada CDS (Central Depository System).....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Biarlah saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanjong yang memberi ingatan dan amaran tentang kemungkinan CDS menjadi sasaran pihak yang lebih cerdik dan pandai untuk menipu. Kalau sekiranya scriptless methodology boleh membawa kepada penipuan-penipuan – saya teringat apabila kita membentangkan Akta Central Depository System – ini ada dibangkitkan, tentang kemudahan komputer yang dapat memelihara rahsia dan sesungguhnya dapat memenuhi Central Depository System.

Tuan Pengerusi, yang lain-lain rasa saya.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Tadi ada disebut manipulasi dalam pasaran saham. Apakah tindakan yang ada dibuat supaya skandal-skandal yang lain yang berlaku tidak berulang? Manipulasi hari-hari ada berlaku dan saya baru sahaja mendapat satu nota yang mengatakan bahawa pada hari pun ada manipulasi di mana satu sindiket telah menyerahkan berita bahawa negeri China sudah menafikan yang ia telah memberikan lesen judi kepada MAGNUM dan Dunlop Estate. Ini diedarkan di antara jam 12.30 tengah hari ke 2.30 petang hari ini. Berikutnya pasaran jatuh. MAGNUM yang tutup pada jam 12.30 tengah hari dengan harga RM12.90 sudah jatuh kepada RM12.40 belian dari ini dan tutup pada RM12.30. Ini adalah manipulasi-naik turun, naik turun-apakah tindakan yang diambil supaya penipuan (fraud) semacam ini dalam pasaran saham dibanteraskan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, kita kena establish, dengan izin, sama ada ianya merupakan satu urusan perniagaan yang genuine, dengan izin, yang dibuat oleh mana-mana pihak untuk mempelopori perniagaan mereka masing-masing. Dalam hal ini, masyarakat umumnya dan pelabur khususnya jangan terlalu mudah untuk menerima bermacam-macam berita sama ada dari dalam negeri ataupun luar negeri. Saya harap Yang Berhormat dari Tanjong pun sepatutnya sama-sama membantu untuk memperingatkan pelabur, lebih-lebih lagi di kalangan pelabur kecil-kecilan ini supaya mengamati yang lebih asas sama ada keadaan ekonomi kita ataupun syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, apabila kita hendak establish, dengan izin, berlakunya manipulasi—sebagai contoh Union Pa-

per—misalnya, seseorang membuat kenyataan yang menyebabkan harga pasaran naik dan tidak beberapa lama selepas itu membuat kenyataan harga pasaran turun. Jadi, correlation between pengumuman oleh pihak yang berkenaan dengan harga pasaran merupakan indicator yang paling mudah untuk kita membuat tekaan berlakunya manipulasi. Tetapi pihak yang bertanggungjawab tidaklah boleh membuat satu simple correlation seperti demikian. Saya percaya Yang Berhormat dari Tanjong bersetuju dengan saya bahawa lebih banyak perkara, lebih banyak maklumat, lebih banyak kaitan di sekitaran pengumuman tersebut yang perlu disiasat untuk sesungguhnya to establish, dengan izin, adanya tanda-tanda manipulasi dan siapa yang sesungguhnya membuat manipulasi.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah bangun membincangkan perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM39,495,000 untuk Maksud B.28 jadi sebahagian daripada Jadual di bawah Kementerian Kewangan hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM39,495,000 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM22,474,500 yang disebutkan dalam Maksud P.28 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1993 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM22,474,500 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1993.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya kita kesuntukan masa pada hari ini dan kita ada 5 Kementerian serta ucapan Penangguhan. Kalau kita hitung satu Kementerian satu jam, kita perlu bersidang sampai jam 11.00 malam baru selesai. Jadi, saya minta kerjasama daripada semua pihak untuk berucap mengikut peruntukan-peruntukan dan bukan dasar. Saya terpaksa melimitkan masa 10 minit setiap orang, kalau boleh, dua tiga orang satu Kementerian.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai semua perbincangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1993) 1993 dan selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan selepas Ucapan Penangguhan dibuat.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai semua perbincangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1993) 1993 dan selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan selepas Ucapan Penangguhan dibuat.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1993) 1993

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1993

Jawatankuasa

Perbincangan disambung semula.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.38 [Jadual]—

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala B. 38 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

Tidak ada Yang Berhormat hendaklah dibahas, ya?

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM672,800 untuk Maksud B.38 jadi sebahagian daripada Jadual di bawah Kementerian Dalam Negeri hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM672,800 untuk Maksud B.38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1993]-

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas. Saya ingat ini adalah peruntukan token, tidak perlu dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 yang disebutkan dalam Maksud P.44 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1993 di bawah Kementerian Penerangan

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1993.

Maksud B.47 [Jadual]-

Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1993]-

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Maksud Bekalan B.47 dan Maksud P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

6.10 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, di dalam saya menyokong peruntukan untuk Kementerian ini, saya ingin merujuk kepada Maksud P.47 Butiran (1) di mana sejumlah RM10 juta dikehendaki sebagai bayaran kemajuan projek feri antara Johor dan Singapura. Lebih khusus lagi adalah untuk Feri Tanjung Belungkor di Kota Tinggi, Johor dengan Changi di Singapura.

Tuan Pengerusi, saya amat mengalu-alukan projek feri ini kerana ia membuka satu lagi pintu masuk kedua menerusi Johor dari Singapura. Saya maklum projek perkhidmatan feri ini yang telah pun beroperasi mulai 8hb. Mei, 1993, memakan belanja keseluruhan sebanyak RM60 juta untuk pembinaan terminal di Tanjung Belungkor dan pembinaan terminal di Changi serta infrastrukturnya.

Tuan Pengerusi, tujuan utama perkhidmatan ini adalah untuk menggalakkan lebih ramai pelancong asing masuk ke Johor untuk pergi melawat ke seluruh resort, ke pusat rekreasi pelancongan, padang golf yang disediakan oleh KEJORA di Desaru ataupun untuk menjelajah ke sepanjang pantai timur Semenanjung. Tetapi sejak feri yang diswastakan ini beroperasi, kita dapati beberapa kelemahan-kelemahan yang harus diberi remedi yang segera.

Berasaskan kepada satu kajian, kelemahan yang pertama adalah dari segi struktur tambangnya. Syarikat Ferylink

Sdn. Bhd. yang mendapat exclusive right mengendalikan operasi Feri Tanjung Belungkor/Changi ini mempunyai struktur tambang yang terlalu tinggi.

Tuan Pengerusi, contohnya, seorang penumpang dewasa dari Changi ke Tanjung Belungkor dikenakan bayaran S\$15 untuk jalan satu hala dan S\$24 bagi perjalanan ulang-alik berbanding dengan cuma RM15 untuk perjalanan sehalu dan RM27 dua hala sekiranya mengambil feri itu dari Tanjung Belungkor. Seorang pelajar di antara umur 12 tahun hingga 15 tahun pula, dikenakan tambang kalau dari Changi untuk jalan satu halanya S\$13, untuk jalan dua hala iaitu ulang-alik S\$21 berbanding dengan cuma RM15 sekiranya mengambil perjalanan permulaan dari Tanjung Belungkor ataupun RM24 untuk jalan dua hala dari Tanjung Belungkor.

Tuan Pengerusi, dalam pada itu, kanak-kanak di bawah umur 12 tahun pun dikenakan tambang juga. Umpamanya kanak-kanak kalau di bawah umur 12 tahun, kalau datangnya daripada Changi Singapura, dikenakan tambang sehalu S\$9, tambang dua hala S\$15. Berbanding dengan RM9 untuk jalan sehalu ataupun RM16 jalan dua hala sekiranya mengambil feri dari Tanjung Belungkor.

Tambang yang dikenakan untuk kenderaan pun begitu beratnya dan mempunyai perbezaan-perbezaan. Kalau diambil daripada Singapura, tambangnya mengikut Dollar Singapura tinggi kalau diconvertkan kepada Ringgit Malaysia. Lebih daripada itu papan lungsur pun dikenakan tambang juga.

Tuan Pengerusi, jadi, dalam hal ini, struktur tambang ini tidak menggalakkan

kemasukan pelancong ke Negeri Johor ataupun menjadikan Belungkor sebagai pintu kedua Malaysia di Selatan untuk membawa pelancong ke seluruh tanah air. Oleh kerana struktur tambang yang besar dan berbeza ini, daripada kajian yang telah pun dijalankan, tidak ramai orang yang masuk, tidak banyak kereta yang masuk.

Tuan Pengerusi, selepas itu, terdapat juga kelemahan yang kedua, iaitu dari segi jadual yang dikenakan oleh Ferrylink Sdn. Bhd. ini. Contohnya, untuk perjalanan sejauh tujuh batu nautika yang mengambil masa hanya 45 minit, jadual yang paling awal daripada Changi pukul 9.00 pagi dan sampai di Tanjung Belungkor 9.45 pagi. Umpamanya orang-orang ini pada hujung minggu hendak main golf, sampai ke Desaru sudah pukul 10.30 pagi, selepas itu kena balik pula meninggalkan Belungkor lebih awal.

Adakah penjadualan ini selaras dengan niat Kerajaan membelanjakan RM60 juta untuk menjadikan Belungkor sebagai pintu kedua dan menarik lebih ramai pelancong ke negara kita? Ini tidak sesuai, sama ada hujung minggukah, hari biasa, jadualnya sama sahaja. 9.00 pagi yang paling awal dari Singapura, sampai di Belungkor 9.45 pagi, kalau setengah jam memandu ke Desaru pukul 10.15 lebih barulah orang-orang itu hendak buka beg kayu golf mereka, hendak 'ketuk' bola golf. Ini 'defeat the purpose'. Selepas itu jadual balik pula, katakanlah saya telah masuk pukul 9.00 pagi, katakanlah saya hendak berbelanja betul-betul my money's worth, saya kena balik ambil feri yang paling akhir daripada Tanjung Belungkor pada pukul 5.45 petang. Jadi, ini kelemahan yang kedua.

Saya harap pihak Kementerian Pengangkutan yang telah pun memberi exclusivity ataupun exclusive right kepada Ferrylink ini akan minta syarikat ini untuk mengkaji semula sama ada struktur tambangnya ataupun struktur jadualnya supaya selaras dengan matlamat Kerajaan yang membelanjakan wang berpuluh juta ringgit untuk menarik pelancong dan membuka lagi, menggalakkan industri sama ada di timur Johor ataupun di seluruh tanah air ini.

Tuan Pengerusi, kelemahan yang ketiga, adalah dari segi promosi ataupun iklan yang dijalankan oleh Syarikat Ferrylink di media massa di Singapura. Contohnya, pihak Syarikat Ferrylink, untuk menggalakkan pelancong-pelancong menggunakan perkhidmatan feri Tanjung Belungkor ke Changi ini, diiklankan dengan kata-kata; "Gunakanlah feri to beat the traffic jam", apa punya jenis creativity, hendak menarik, dia kata, "gunakanlah feri Tanjung Belungkor ke Johor untuk mengelakkan traffic jam di Tanjung Puteri ataupun di Tambak Johor".

Yang pertama, ini memberi satu negative connotation terhadap masalah trafik yang mungkin wujud ataupun tidak wujud di dalam negara.

Yang keduanya, 'is a very dry advertisement'. Saya merasa amat kesal dengan cara ini. Kenapa tidak, umpamanya "gunakanlah feri ini untuk camping, untuk main golf", "you can have the whole day of golfing", "to capture the wilderness", dengan izin, ataupun 'meneroka the wonders of Johor' dan sebagainya. Ataupun gunakan perkataan-perkataan "Ferrylink is your link to leisure", dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Kerajaan membelanjakan sebagaimana yang kita tahu RM60 juta Kerajaan memberikan exclusive right kepada Syarikat Ferrylink, tidak ada persaingan, tidak ada competitor, bermakna Ferrylink ini menjalankan perniagaan secara monopoli. Jadi, saya harap monopoli ataupun perniagaan tanpa persaingan yang diberikan kepada Ferrylink ini, jangan dijadikan satu passport mengaut untung dengan segera, dengan sekelip mata, sedangkan ia mengorbankan matlamat Kerajaan untuk menarik pelancongan yang lebih ramai menerusi Tanjung Belungkor.

Saya harap Kementerian Pengangkutan akan menjalankan satu usaha sama ada bertanya khabar dengan Syarikat Ferrylink ini mengenai progress selama tiga bulan ini, bertanya khabar mereka bagaimanakah kamu merumuskan formula tambang, bagaimanakah kamu merumuskan jadual dan tanya juga bilakah feri ini akan mempunyai dua buah. Sekarang ini cuma sebuah sahaja, kecil pula itu, dalam keadaan yang mungkin daif, saya pun tidak tahu. Dan sekiranya setelah diberi tempoh yang memuaskan, sekiranya perlu Kementerian Pengangkutan mengkaji balik exclusivity ini, kalau exclusive right ini dijadikan satu monopoli yang menyebabkan complecency, saya minta Menteri Pengangkutan ataupun Kementerian Pengangkutan mengkaji semula exclusivity itu supaya dibuka perkhidmatan Feri Tanjung Belungkor-Changi ini secara terbuka. Siapa yang mampu, jalan, supaya timbul satu persaingan yang sihat supaya struktur tambang dapat diturunkan menerusi 'supply and demand' dan lebih ramai lagi pelancong masuk dan supaya perkembangan ataupun industri pelancong di negara ini dapat memenuhi matlamat pembukaan Feri ini.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong.

6.21 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Saya merujuk kepada Maksud B.47 mengenai RM41.4 juta untuk pasukan pengurusan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Saya mahu kemukakan empat soalan sahaja. Pertama, saya tahu sama ada sebelum keputusan dibuat untuk membina sebuah KLIA yang baru di Sepang yang berharga RM20 bilion, sama ada satu kajian dibuat untuk menentukan sama ada lebih murah dan lebih cepat untuk menampung keperluan civil aviation kita untuk memperluaskan kemudahan-kemudahan yang ada dalam Lapangan Terbang Antarabangsa di Subang, sama ada kita ada air traffic capacity untuk mengadakan, dengan izin, multi airports semacam London, Paris, Tokyo, New York dan hasil kajian itu.

Saya ada baca dalam suratkhbar bahawa dalam satu masalah yang dihadapi oleh Subang Airport ialah oleh kerana tanah yang terhad. Tetapi kalau itulah masalah yang tunggal, bukannya ia boleh diatasi dengan pengambilan tanah sekeliling Subang Airport termasuk tanah sekarang digunakan oleh RMAF, memindahkan RMAF, relokasi RMAF dan perkhidmatan-perkhidmatan non-civilian yang lain di Subang Airport, seperti Polis Air-Wing, General Aviation, termasuk juga mungkin maintenance, AIROD dan lain-lain.

Soalan kedua saya mahu tanya apa rasionalnya Kerajaan masih belanja beratus-ratus juta ringgit untuk

meningkatkan (upgrade) perkhidmatan kemudahan di Subang Airport apabila akan belanja RM20 bilion di Sepang. Misalnya, kos pembinaan Terminal 3 ialah lebih kurang RM200 juta—lagi satu projek tanpa open tender, dengan perundingan secara langsung. Kalau tidak silap, target Kerajaan mahu merasmikan KLIA di Sepang beroperasi 1997—setahun sebelum SUKOM, Commonwealth Games 1998. Apa rasional, belanja beratus-ratus juta ringgit di Subang walhal juga akan belanja RM20 bilion di Sepang? Bukankah ini menunjuk bahawa tentulah ada kesilapan di dalam perancangan di tanahair kita.

Soalan ketiga, saya mahu tanya sama ada sebenarnya sebelum habis semua kerja-kerja untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan di Subang Airport seperti Terminal 3 dan Associated Apron dan kebaikan kepada dua Terminal yang ada serta juga sistem radar, kapasiti selepas upgrading kapasiti Subang itu ialah untuk mengendalikan RM14.5 juta passengers satu tahun, dan 135,000 annual aircraft movements. Dan adakah benar bahawa pertumbuhan passenger traffic di Subang Airport sekarang averagenya ialah 16.3% setahun dan dalam kadar pertumbuhan ini, ini bererti bahawa paras 14.5 juta passengers per year akan dicapai pada tahun 1995. Ini bererti apabila upgrading work habis, kapasiti pun penuh. Apa planning ini?

Keempat dan akhirnya, saya mahu tahu apa rancangan Kerajaan atau Kementerian mengenai Sungai Besi Military Base. Oleh kerana saya difahami tujuan sekarang ialah untuk memindahkan semua perkhidmatan udara (air service) sama ada international atau domestic kepada Sepang Airport apabila ianya siap pada tahun 1997—tiga runway kalau tak silap. Dan apa tujuan,

hasrat rancangan mengenai Sungai Besi mahu tutup, pindah semua perkhidmatan ke Subang dan kita tahu bahawa di sana ada tanah premium. Kalau saya tak silap tanah yang digunakan untuk perkhidmatan ialah lebih daripada 203 ekar dan harganya mungkin dekat RM1 bilion. Apa tujuan re-development, dan kita harap bahawa ia tidak akan menjadi satu topik skandal di masa depan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar.

6.26 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya satu dua perkara di bawah Maksud B.47, Butiran 01000 di bawah Program (Objektif) 010600—Pengangkutan Darat.

Sebenarnya soalan tadi ingin saya persoalkan semasa soal-jawab tadi, tetapi tak ada peluang iaitu mengenai masalah kesesakan trafik di Bandaraya Kuala Lumpur. Apa yang nampak berlaku ialah oleh kerana kadang-kadang kekurangan tempat simpan kereta. Jadi, kadang-kadang bila kereta ini berulang-alik mencari tempat, inilah menambahkan volume of traffic oleh kerana the same traffic goes to and fro. Soalan saya, kenapa tidak ataupun adakah rancangan Kerajaan untuk membina multi-storey car park di tiap-tiap tempat sama ada di atas tanah atau di bawah tanah. Di atas tanah—kalau kita pergi ke bandar-bandar di Amerika, New York ataupun di England dan sebagainya, banyak multi-storey car park di atas tanah. Tetapi kalau kita pergi ke Boston umpamanya kita jumpa di bawah tanah. Di atasnya ada padang dan tanaman yang cantik-cantik, tetapi di bawahnya ada multi-storey car

park. Jadi, kalau ini akan reduce the number of moving vehicles, maknanya kekurangan kesesakan lalu lintas mungkin dapat dikurang sedikit. Itu soalan pertama.

Yang kedua, ialah undang-undang yang ada pada kita, pada masa sekarang ini Kerajaan Tempatan sama ada penyelidikan dibuat—undang-undang kita sekarang ini masih mencukupi untuk regulating on the office space, dengan izin, berapa banyak kereta dan berapa besar office space, memandangkan pembinaan “sky scrapers” ataupun bangunan-bangunan yang tinggi yang begitu banyak sekali sama ada ratio office space dengan car park itu selaras ataupun boleh membantu untuk mengurangkan keperluan movement kereta di jalan raya. Ini juga dengan tujuan mengurangkan kesesakan oleh kerana pada masa sekarang apa yang kita ada mungkin memakan masa yang panjang sedikit untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Jadi, soalan itu sahajalah, saya harap Kementerian boleh memberi jawapan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong. Selepas itu, Kementerian menjawab.

6.29 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, sebenarnya kita tak banyak lagi boleh bincangkan. Saya percaya tak sampai pukul 7.00 kita habis. Memang tak ada lagi, Tuan Pengerusi. Cuma Kementerian ini dan juga Kementerian yang kemudian, itu sahaja. Kedua-dua Maksud B.47 dan P.47. Yang pertama saya hendak bertanya Timbalan Menteri mengapa kontrak diberi kepada MBF Holdings untuk ferinya—feri di antara Tanjung Belungkor di Johor dan Changi di Singapura.

Ini disifatkan sebagai hubungan yang keempat di antara Singapura dengan Malaysia (Johor), selain dari hubungan yang ada sekarang dan hubungan kedua yang akan dibina tidak lama lagi.

Walau bagaimanapun, mengenai kontrak ini, amaunnya tidak diumumkan. Apakah amaun kontrak yang diberi kepada MBf Holdings yang akan bekerjasama dengan Ceiling, Australia dan apakah pengalaman MBf Holdings di dalam menjalankan perkhidmatan feri. Pada sepanjang pengetahuan saya, tidak ada langsung. Dan ini merupakan satu perkhidmatan "Kandemaran", yang tidak pernah ada lagi di negara ini dan mungkin ini satu percubaan yang baru, tetapi ini adalah "Kandemaran" yang raksasa. Lebih RM12 juta harganya, tetapi mengapa kontrak ini diberi kepada MBf Holdings? Yang pada sepanjang pengetahuan kami koperasi ini sedang menghadapi kesusahan dan mempunyai masalah yang banyak, termasuk peti-peti keselamatan di MBf Finance, Kajang juga dicuri, dicerobohi dan dipecahkan. Banyak masalah timbul daripada syarikat ini. Mengapa kontrak diberi dan apakah amaunnya, dan bagaimana pihak Kerajaan dapat mengatur untuk memperuntukkan RM20 juta, walhal projek ini diswastakan dan diberi kontrak kepada pihak swasta dan kemudian kita memperuntukkan RM10 juta untuk membayar bayaran kemajuan projek tersebut. Ini menimbulkan satu kerugian dan satu syak-wasangka. Mengapa hal seperti ini berlaku?

Saya ingin menambah kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjong tadi, iaitu mengenai kes KLIA yang setahu saya, ia adalah sebuah firma "Engineering and Environmental Consultant Sdn. Bhd." dan Ranhill Bersekutu Sdn. Bhd." telah menyiapkan satu

penilaian kesan alam sekitar EIA ini. Apakah laporan EIA setakat ini? Kerana ini melibatkan kawasan yang begitu luas dan akan membawa kesan yang sangat besar ke atas para penduduk di sekitar kawasan itu serta mewujudkan peluang kerja yang banyak, iaitu beratus ribu peluang pekerjaan wujud di kawasan itu dan memanglah projek raksasa ini akan menimbulkan banyak kesan alam sekitar. Saya berharap pihak Kementerian dalam mengumumkan laporan EIA ini supaya kita dapat tahu apakah kesan-kesan buruk yang akan datang ke kawasan Sepang.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengumumkan bagaimana penyelesaian diadakan untuk masalah trafik udara di Subang, di mana 2 batu nautika daripada runway, Subang itu ada Glenmarie Golf and Country Club, yang juga mengadakan golf sewaktu malam dengan flood light (cahaya yang merbahaya) dan semasa pesawat-pesawat hendak mendarat dengan cepat pada paras yang rendah, maka ini memang akan menimbulkan masalah kerana pemandu pesawat tidak sempat untuk memperbetulkan pesawat itu sekiranya flood light itu dianggap sebagai flood light untuk runway, Subang. Apakah penyelesaiannya?

Saya juga hendak bertanya di sini mengapa Kementerian tidak menghalang Glenmarie daripada mengadakan flood light pada peringkat awal, sehingga menimbulkan masalah. Mujurlah sehingga sekarang tidak ada kemalangan, tetapi ini merupakan satu kecuaiian. Kementerian ini memang sebuah Kementerian yang menimbulkan banyak kecuaiian, kerana Menteri yang cuai. Timbalannya hanya memberikan sokongan sahaja, jadi, kalau hendak salahkan Timbalan pun tidak boleh juga. Walau bagaimanapun, ini merupakan satu kecuaiian, sedangkan begitu penting kita

adakan flood light yang betul, tetapi hanya dua batu dekat dengannya ada lagi flood light yang lain. Macam mana kita hendak membezakan flood flight daripada runway yang tulen dengan runway untuk golf sahaja? Ini memang satu kesilapan yang dibuat oleh Kementerian.

Satu lagi ialah untuk hangar yang ketiga di Subang. Nampaknya kita banyak peruntukan untuk Lapangan-terbang Antarabangsa Subang, buat masa ini, sementara kita akan adakan satu KLIA yang baru di Sepang. Jadi, banyak peruntukan dan kontrak untuk membekalkan infrastruktur dan sistem-sistem bagi MAS. Untuk hangar yang ketiga di Subang adalah diberikan kepada Donnia Dodge Aerospace, German dan Muhibbah Engineering, dengan harga yang mungkin hampir RM100 juta. Saya hendak bertanya adakah ini satu tender yang terbuka untuk projek yang agak mahal juga, iaitu hampir RM100 juta? Bilakah projek ini akan disiapkan? Mengapa Donnia Dodge Aerospace, German diberikan kontrak ini bersama-sama dengan Muhibbah Engineering? Setahu saya Muhibbah Engineering ini—memanglah namanya “engineering”—tetapi untuk membayar hangar pun tidak ada pengalaman. Kalau tidak ada pengalaman, kita takut akan berlaku banyak kemalangan di Subang.

Tuan Pengerusi, ada satu masalah lagi yang.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung, masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak gulung dah. Masa sudah cukup?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masa sudah cukup.

Tuan Tan Seng Giaw:kerana ini ada satu Kementerian lagi. Itu pun hanya mengenai Tawau dan Tuaran sahaja, iaitu mengenai penjana kuasa elektrik. Itu sahaja. Jadi, masalah yang lebih ialah mengenai Kementerian Pengangkutan. Saya hendak gulung secara ringkas mengenai perkhidmatan....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya beri satu minit lagi untuk gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Saya satu minit pun sudah cukup. Ada 4 fasa untuk sistem pengawalan trafik udara dan banyak nama yang diberikan seperti Malaysia Air Traffic Service Modernisation Programme (MATSMMP), 4 fasa dengan 12 sistem radar dan sebagainya. dan ada juga Subang Traffic Radar Replacement (STARR) – bukan satu star, tetapi dua star di sini, dia star kerana banyak kebakaran, maka dia tambah satu “R” lagi – untuk kebakaran, kerana di dalam menara kawal itu dia ada letupan dan kebakaran dan memusnahkan kelengkapan yang moden.

Untuk kelengkapan pun minta wang daripada Dewan Rakyat hari ini, untuk kelengkapan dan radar yang baru. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengumumkan kerugian ke atas kelengkapan-kelengkapan yang canggih ini semasa kebakaran dan apakah penggantinya? Walaupun sejak tahun 1985, Kerajaan memperuntukkan RM270 juta untuk sistem yang kita bincangkan hari ini, tetapi dengan kebakaran itu memang melibatkan kerugian yang banyak. Adakah peruntukan seperti ini telah ditambahkan?

Saya nampaknya ada satu menara lagi dibina dekat dengan Terminal 2. Ia adalah menara yang sangat menarik, tetapi adakah keselamatan untuk mencegah kebakaran berlaku lagi dibuat bagi menara yang baru?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi banyak lagi masalah yang saya hendak timbulkan kerana ini memang Kementerian yang ada masalah terutamanya mengenai sistem kawalan trafik udara yang menelan belanja yang begitu banyak.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

6.41 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berminat membincangkan perbekalan tambahan yang diperuntukkan kepada Kementerian Pengangkutan untuk berbagai-bagai perkhidmatan yang tersebut di dalam Jadual.

Pertama sekali, Yang Berhormat dari Parit Sulong telah menyatakan tidak puas hati beliau mengenai service atau perkhidmatan feri perkhidmatan Tanjung Belungkor ke Singapura dan Singapura balik ke Tanjung Belungkor. Pertama adalah mengenai tambang. Memang jadual tambang ini berbeza. Memang tambang dari Singapura berbeza daripada tambang di Malaysia. Begitu juga tambang tiket kapal terbang, juga berbeza di mana Singapura lebih lagi daripada di Malaysia. Itu sebabnya untuk makluman Yang Berhormat, kadang-kadang ramai orang dari Singapura naik kapal terbang Mas daripada Senai kerana kurangnya tambang kapal terbang itu.

Pihak Ferry Link memang diberikan peluang untuk menjalankan jadual-jadual

ini kerana pihak Ferry Link adalah sebagai percubaan. Kita tidak terus-menerus akan memberikan sepanjang masa. Kita juga mengkaji dari segi penjadualan dan dari segi keberkesanan jadual-jadual itu. Memanglah kalau dikatakan orang hendak pergi main golf, nampaknya dia kena pergi hari Sabtu dan tidurlah di Johor dan ini akan memberikan pendapatan tambahan dari segi pelancongan kepada negeri Johor dan kemudahan-kemudahan yang ada.

Di samping itu, kita mesti menyedari bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan belumlah begitu lengkap lagi. Misalnya di tempat feri itu sendiri, masih banyak lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh diadakan, yang boleh menarik pelancong-pelancong. Dari segi promosi, salah satu memanglah yang dikatakan iaitu "to beat the traffic jam". Itu ada benarnya. Saya rasa tidak boleh dinafikan bahawa kalau ada orang hendak pergi over the weekend, dengan izin, berada di Johor pada hari Sabtu dan Ahad naik feri memanglah boleh "beat the traffic jam" kerana kita tahu pada hari Sabtu dan hari Ahad memang begitu teruk sekali keadaan traffic jam.

Janganlah pula kita tidak mengakui bahawa traffic jam kita itu memang teruk di entry points kita. Ini perkara yang benar akan dikatakan monopoli, tidak bolehlah kita mengatakan monopoli kerana bukan mudah syarikat-syarikat hendak melaburkan kewangannya dan sanggup hendak mengambil satu projek baru yang viability-nya tidak begitu boleh dikatakan mendatangkan keuntungan yang besar tetapi dengan adanya pihak yang sanggup mengambilnya dan kedua-dua negara, Singapura dan Malaysia bersetuju mengadakan terminal-terminal feri ini di kedua-dua negara, dari segi hubungan muhibah di antara kedua

negara pun saya rasa ada manfaat dan faedahnya, dapat dijalinkan.

Memang buat permulaan, sebuah feri sahaja. Kalau kita letak dua, kosong sahajalah feri itu ke sana ke mari iaitu daripada Tanjong Changi, Singapura ke Tanjung Belungkor. Ini sebagai percubaan dan sekiranya kita dapat meningkatkan bilangan penumpang, maka sudah tentulah kita boleh menambah bilangan feri-feri yang memberi perkhidmatan di Tanjung Belungkur dan juga Tanjong Changi. Saya berharap Yang Berhormat akan terus meneliti dan mengawasi perkara-perkara ini dan memberi maklumbalas kepada kami di Kementerian selain daripada usaha-usaha kami sendiri mendapatkan laporan-laporan, kajian-kajian daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat dari Tanjong menyebut KLIA dan bertanya berbagai-bagai soalan untuk menentukan satu kajian dibuat dan menentukan supaya iannya lebih murah dan mengapa pula pada masa yang sama memperluaskan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Memang satu kajian yang terperinci pada tahun 1991 telah dijalankan dan keputusan yang dibuat ialah berasaskan kepada faktor-faktor seperti berikut:-

- (i) tanah yang terhad di Subang;
- (ii) masalah environmental impact, dengan izin;
- (iii) social cost yang tinggi akibat land acquisition, dengan izin; dan
- (iv) pembangunan di Subang tidak dapat menampung keperluan trafik jangka masa panjang.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya KLIA ini kita rancangkan

sehingga tahun 2045, kalau kita buat di Sepang. Ini matlamat kita jangka panjang dan menjadikan Kuala Lumpur sebagai hub yang competitive kepada Singapura dan juga elakkan expansional inefficiency sekiranya Subang ini melalui further expansion. Sudah tidak boleh expand lagi dan tidak dapat lagi hendak di-"expand"kan. Sekarang pun Subang menghadapi saturation point oleh kerana dari 1993 sampai kepada 1997, apabila KLIA boleh beroperasi dengan permulaan dua runway, kita mesti mengadakan kemudahan-kemudahan tambahan di Subang kerana kita terpaksa menampung penumpang-penumpang sehingga 15.7 juta ramainya menjelang tahun 1997.

Perbelanjaan untuk meningkatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang ialah untuk menampung keperluan itu dan projek ini dijadualkan siap pada penghujung tahun ini. Pada tahun 1997, apabila penumpang sudah sampai kepada had 15.7 juta kita sudah dapat berpindah ke KLIA ini. Kajian untuk menentukannya setelah tahun 1997 adalah keputusan dasar yang dibuat oleh Kerajaan.

Yang Berhormat dari Kepong ada menyebut mengenai Laporan EIA. Drafnya telah siap dan telah pun dikaji oleh Panel EIA yang melibatkan semua pihak. Draf laporan ini telah pun diumumkan pada bulan Mei/Jun 1993. Perkara ini juga dimaklumkan kepada orang ramai/awam melalui suratkhobar. Laporan terakhir akan disiapkan sebelum bulan September 1993.

Mengenai Kelab Golf Glenmarie yang mempunyai flood light golf sebelah malam, masalah lampu-lampu flood light ini sedang dikaji oleh Jabatan Penerbangan Awam dan syarikat berkenaan

telah diminta supaya lampu-lampu itu diadakan menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam dan masalah ini akan dapat diselesaikan tidak lama lagi.

Yang Berhormat dari Batang Lupar telah menyebut mengenai pengangkutan darat di mana pada pendapat beliau trafik yang ada di Kuala Lumpur ini adalah disebabkan kurangnya kawasan letak kereta dan bertanya adakah rancangan Kerajaan untuk membuat multi-storey car park. Ini adalah di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan saya jangka memanglah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai perancangan yang canggih untuk jangka masa panjang.

Saya berpendapat bahawa tidak semuanya disebabkan oleh tidak ada parking area atau parking space tetapi adalah disebabkan banyaknya kereta yang memasuki Kuala Lumpur itu sendiri tiap-tiap hari.

Kalau dalam tahun 1992, kita dapati bahawa lebih 680,000 kereta masuk ke Kuala Lumpur, dijangka dalam tahun 1993 ini pula, lebih 700,000 akan masuk di Kuala Lumpur. Maka itulah Kerajaan mencadangkan supaya diadakan car-pooling, salah satu sahaja daripada cara kita untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas ini.

Yang Berhormat dari Kepong juga menyebut mengenai amaun kontrak dan sebagainya. Minta maafah, saya tidak ada angka-angka itu di sini dan kalau Yang Berhormat masih perlukan, bolehlah dihantarkan secara bertulis.

Dari segi penilaian tadi saya sudah sebut penilaian EIA dan kita mengkaji segala kesan-kesannya kerana kita tidak

mahu terperangkap dengan usaha-usaha atau kerja-kerja yang tidak teliti. Jadi, pada pendapat saya, dengan pengalaman-pengalaman yang lalu itu, sudah tentulah kita akan lebih berhati-hati dan mendapatkan pandangan-pandangan daripada mereka yang pakar supaya tidak terjadi apa-apa lagi masalah dan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan.

Dari segi Terminal 2 yang dikatakan ada menara, memang kita telah bina satu menara khas untuk control tower kerana dahulu ianya disamakan dengan bangunan lapangan terbang, maka bangunan lapangan terbang itu agak ramai orang keluar masuk dan sebagainya. Oleh kerana saya sudah punya satu pengalaman yang dahsyat, maka kita telah membina satu control tower di kawasan Terminal 2 dengan itu kita akan dapat meletakkan sekuriti yang seketat-ketatnya.

Dari segi hangar ketiga di Subang, MAS akan menetapkan heavy maintenance di Subang walaupun operasi akan dipindahkan ke KLIA. Kontrak ini diberi berasaskan kepada evaluation yang teliti dan syarikat-syarikat berkenaan mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya jangka saya sudah merangkum hampir kesemua dan saya ucapkan sekali lagi terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM22,494,300 untuk Maksud B.47 jadi sebahagian daripada Jadual di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM22,494,300 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM27,050,000 yang disebutkan dalam Maksud P.47 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1993 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM27,050,000 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1993.

Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1993]-

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

6.54 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, keadaan bekalan electricity di Sabah sebenarnya lebih teruk daripada keadaan di Semenanjung Malaysia yang baru-baru ini menghadapi apa yang disebut sebagai national energy crisis. Apabila saya melawat Sabah pada bulan Jun tahun lalu, saya ada membuat beberapa kritikan mengenai perkhidmatan electricity. Semasa lawatan saya, khususnya di Tawau, di Sandakan dan Kota Kinabalu, boleh dikatakan sungutan orang Sabah yang pertama ialah mengenai perkhidmatan Lembaga Lektrik Sabah. Mereka sangat marah dengan LLS dan Yang Berhormat Menteri Tenaga,

Telekom dan Pos patutlah lebih kerap kali pergi ke Sabah dan bukan lebih kerap kali pergi ke India dan Madras. Oleh kerana ini jatuh direct di bawah tanggungjawabnya dan mungkin kalau dia membuat lebih banyak lawatan ke Sabah dan mengenalpasti masalah-masalah LLS, rakyat di Sabah tidak begitu susah payah.

Di Tawau khususnya, dalam tahun yang lalu menghadapi satu tempoh yang begitu panjang apabila bekalan electricity putus dan khususnya di waktu malam, berminggu-minggu tidak ada bekalan electricity. Semua penduduk-penduduk di Tawau menghadapi masalah tidak dapat tidur. Tentulah ini akan mendatangkan kesan yang tidak baik untuk prestasi kerja mereka.

Hotel-hotel dan syarikat-syarikat perniagaan perlu mengadakan generator atau janakuasa sendiri dan tentu ini meninggikan kos dan menaikkan sedikit sebanyak kesan inflasi. Di Sandakan pun, masalah ini sangat bermaharajalela. Di Sandakan, berikutan dengan masalah electricity, menimbulkan masalah bekalan air; oleh kerana bekalan air pun putus apabila terputusnya bekalan electricity dan mendatangkan masalahnya khususnya kepada kawasan-kawasan yang tanahnya lebih tinggi.

Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan, kalau saya tidak silap, keperluan tenaga untuk Sandakan ialah 50 megawatt, tetapi apa yang diperuntukkan sekarang sahaja tidak sampai setengah. Kalau begitu, saya harap usaha dibuat untuk memastikan bahawa penduduk-penduduk di Sandakan boleh mendapat bekalan electricity iaitu satu kemudahan yang basic yang perlu diperuntukkan.

Saya harap bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk

di Tawau, Sandakan, bandar-bandar Sabah, oleh kerana kerap kali ada berlaku keadaan terputusnya bekalan electricity boleh menjadi bab yang lama, dan oleh kerana kerosakan yang timbul khasnya kepada sistem komputer, kepada pejabat-pejabat dan bank-bank yang ada talian terus dengan KL kerap kali computer system – software, hardware semua mengalami kerosakan.

Ini pun tidak memberi kesan yang baik untuk mengembangkan institusi-institusi bank, kewangan dan lain-lain. Itulah saya harap. Sungguhpun selepas lawatan saya dan teguran-teguran di Sabah, keadaan ada berubah sedikit, tetapi komplek yang saya dapati baru-baru ini ialah bahawa keadaan sudah balik kepada satu keadaan yang sangat teruk. Sungguhpun sebenarnya dengan peruntukan tambahan ini, projek-projek sepatutnya saya percaya sudah habis, sepatutnya keadaan sudah lebih baik, tetapi baru-baru ini sudah lebih teruk.

Mungkin satu kajian yang menyeluruh di Sabah perlu diadakan. Sungguhpun di sana ada masalah politik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, tetapi hak rakyat di Sabah untuk menikmati perkhidmatan asas tidak boleh diketepikan. Saya harap bahawa masalah bekalan electricity untuk negeri Sabah boleh setaraf dengan Sarawak dan dengan Semenanjung. Oleh kerana apabila saya pergi ke Sarawak, tidak ada masalah itu. Baru ada masalah itu di Sabah. Saya harap ini boleh diatasi once and for all. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.00 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tidak banyak yang hendak dibangkitkan,

singkat sahaja, hendak tokok tambah kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjong tadi kerana situasi bekalan tenaga di Sabah amatlah serius. Walaupun Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa di dalam tempoh satu tahun setengah Sabah akan menghadapi kekurangan tenaga yang dahsyat. Tetapi sekarang, bukan satu tahun setengah ke hadapan sekarang, kerana masalah yang tertentu.

Yang pertama, saya hendak menanya apakah tindakan yang diambil untuk menyelesaikan hutang Sabah Electricity Board? Hutang yang sangat tinggi yang lebih RM1.4 bilion. Saya pun tidak tahulah macam mana SEB boleh hutang dengan begitu banyak. Setahu saya bekalan elektrik memang akan menguntungkan. Kalau pihak pengguna tidak bayar, kita berhentikan sahaja. Berhentikan sahaja, seperti pihak Tuan Pengerusi, kalau dia tidak mahu Ahli berucap dia tekankan butang itu macam itu sahaja—dengan senang. Kalau boleh buat demikian mengapa di Sabah, SEB mengalami kerugian yang begitu besar. Satu masalah.

Dan yang kedua, kos pengeluaran jana elektrik di Sabah menurut Yang Berhormat Menteri sendiri sangat tinggi. Kalau di Semenanjung Malaysia tidak sampai RM0.20 sen seunit, di Sabah mungkin lebih RM1.00 untuk kos bagi seunit kuasa elektrik yang dikeluarkan di Sabah. Dan di sini saya hendak menanya Yang Berhormat Menteri lagi, walaupun di dalam Rancangan Malaysia Keenam ada peruntukan RM200 juta untuk bekalan elektrik bagi luar bandar, tetapi ini tidak termasuk Sabah. Tidak termasuk Sabah. Kalau RM200 juta untuk kawasan-kawasan luar bandar, macam mana wang daripada Rancangan Malaysia Keenam boleh digunakan untuk

Sabah. Saya diberitahu bahawa SEB ada membuat satu ramalan, satu anggaran untuk memperuntukkan lebih RM225 juta bagi rancangan-rancangan stesen janakuasa. Daripada manakah wang ini didapati oleh SEB kalau tidak daripada Kerajaan Pusat? Ini jadi masalah yang pokok dan ada satu masalah lagi iaitu mengenai penswastaaan. Apabila masalah timbul, maka soal penswastaaan pun dibangkitkan. Apakah pendapat Yang Berhormat Menteri mengenai penswastaaan bagi bekalan elektrik di Sabah dan kalau itulah hasrat pihak Yang Berhormat Menteri untuk berbuat demikian, apakah langkah-langkah yang telah diambil dari segi penswastaaan. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

7.04 mlm.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kepong atas beberapa masalah telah ditimbulkan oleh mereka dalam perbahasan tadi. Penjelasan daripada saya ialah permintaan RM36,240,000 ialah untuk projek-projek yang telah disiapkan dan separuhnya akan disiapkan dalam tempoh dua tiga bulan lagi. Projek yang pertama iaitu Lembaga Lektrik Sabah akan mengadakan pemancaran dan pembahagian. Untuk tujuan itu mereka akan belanja RM7,951,112. Ini melibatkan pembinaan talian penghantaran 66 kilowatt sepanjang 14 kilometer dari Telok Sepanggar ke Tuaran dan juga pembinaan sub-stesen 2 x 20 megawatt dengan 11 KV dan switchyard untuk kawasan Tuaran. Jadi, perbelanjaan ini

ialah dalam Rancangan Malaysia Keenam kita telah mengadakan peruntukan sebanyak, RM7.95 juta. Tujuan untuk projek ini adalah untuk memantapkan bekalan elektrik kepada kawasan persekitaran bagi memenuhi permintaan yang kian bertambah dan menjamin bekalan yang mencukupi.

Perbelanjaan yang boleh dilakukan pada tahun 1993 ialah RM8 juta berbanding dengan anggaran sebanyak RM3.26 juta. Oleh itu, peruntukan tambahan dalam bentuk pinjaman sebanyak RM4.74 juta diperlukan. Pecahan kos saya telah beri tadi iaitu switchyard, transformer, kerja awam, alat ganti dan lain-lain.

Penjanaan, Tuan Pengerusi, ialah tambahan sebanyak RM31.5 juta sebagai pinjaman adalah untuk projek sebuah 8 megawatt turbine gas di Tawau dan dua buah 14 megawatt diesel generating set, dengan izin, di Sandakan. Sebuah 8 megawatt turbine gas, pelaksanaan projek ini adalah untuk menampung tambahan load demand di kawasan Tawau. Ia melibatkan kerja-kerja awam, rombakan perpindahan dan pemasangan set janakuasa untuk meningkatkan keupayaan. Pada asalnya pemasangan set janakuasa untuk projek ini dicadangkan dari set janakuasa disel tetapi ditukarkan kepada set janakuasa turbine gas yang lebih baik dan efisien. Projek ini telah pun disiapkan dan tambahan sebanyak RM20 juta yang dipohon adalah untuk menjelaskan bayaran kepada kontraktor.

Perlaksanaan projek ini akan menjamin kestabilan bekalan elektrik di stesen Tawau dan ini amat penting bagi pembangunan ekonomi dan industri di kawasan ini. Masalah bekalan elektrik dalam tempoh tahun 1991 dan tahun 1992 telah menyebabkan beberapa kilang

ditutup. Hasil dari jualan elektrik kepada sektor industri telah jatuh sebanyak 21% dalam tahun 1991. Manakala jualan secara keseluruhannya telah merosot sebanyak 5%. Selepas pemasangan janakuasa turbine gas ini situasi bekalan didapati leibh mantap dan hasil jualan telah meningkat dari purata RM2.5 juta sebulan kepada RM2.61 juta. Jualan dijangka akan terus meningkat kerana stesen ini berupaya memenuhi permintaan-permintaan baru yang sebelum ini dihadkan.

Berkenaan dengan 2 x 14 megawatt diesel generation set, Tuan Pengerusi, perlaksanaan projek ini adalah untuk meningkatkan keupayaan stesen ini dari 1 x 12 megawatt kepada 2 x 14 megawatt bagi memenuhi permintaan tenaga yang meningkat sebanyak 10% setahun di Sandakan. Penambahan keupayaan stesen ini dijangka akan dapat menyumbangkan hasil sebanyak RM33.6 juta berikutan dengan pertambahan permintaan yang dapat dipenuhi. Tambahan peruntukan RM11.5 juta dalam bentuk pinjaman yang dipohon ini adalah untuk memulakan projek ini iaitu untuk perbelanjaan bagi kerja-kerja awam, loji dan kelengkapan. Tender untuk projek ini telah pun diluluskan, oleh itu tambahan ini adalah penting bagi memastikan perlaksanaan projek ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan lawatan saya ke Sabah, saya telah membuat dua lawatan ke Sabah untuk makluman Ketua Pembangkang. Dalam lawatan saya, saya sendiri tidak berpuashati dengan pentadbiran berkenaan. Oleh kerana itu, saya minta Kementerian untuk menarik balik Pengurus Besar yang sedia ada dan melantik seorang Sabahan untuk menjadi Pengurus Besar kepada LLS. Saya percaya tindakan ini.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, penjelasan. Oleh kerana apabila saya ada di Sabah Jun lalu, saya ada buat seruan terbuka untuk 'sack' General Manager LLS itu. Adakah sekarang telah ditukar atau ini dalam rancangan? Oleh kerana sikap yang tidak mahu mengendalikan komplek-komplek pengguna-pengguna Sabah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri siasat atas kegiatan-kegiatan beliau. Saya percaya dia tidak berapa sesuai dan tidak berapa fit untuk menjadi Pengurus Besar kepada LLS. Tetapi saya tidak boleh 'sack' dia oleh kerana beliau bukanlah pegawai Kementerian saya. Beliau seorang pegawai Tenaga Nasional yang dipinjam kepada LLS. Saya akan hantar laporan saya kepada Tenaga Nasional untuk menimbang.....

Tuan Lim Kit Siang: Belum tukar?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tukaran akan jadi dalam tempoh satu minggu lagi. Jadi, permintaan elektrik di.....

Tuan Lim Kit Siang: Bagi pihak penduduk-penduduk Sabah, itu baik.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Permintaan di Sandakan, iaitu paling tinggi, seperti apa yang saya katakan tadi, iaitu lebih kurang 50 megawatt sekarang. Saya harap dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Pusat dan juga kita ada langkah-langkah baru, Tuan Pengerusi, untuk menswastakan satu stesen janakuasa baru di Melawar. Di Melawar itu, kita akan dapat lebih kurang 50 megawatt. Tawaran-tawaran telah diberikan kepada 12 syarikat. Saya percaya Unit Perancang Ekonomi di Jabatann Perdana Menteri akan menyelesaikan susunan atas tawaran

itu. Selepas itu, Kementerian saya akan memberi lesen kepada mereka. Dari sini, saya jangka kita dapat 50 megawatt elektrik dan kita akan adakan satu projek lagi—60 megawatt di Pantai Barat dan 34 megawatt hidroelektrik di Serudang dan 165 megawatt hidroelektrik di Liwagu. Projek Liwagu itu terbesar, saya jangka harganya ialah lebih daripada RM740 juta. Dengan hutang yang besar yang dipunyai oleh SEB sekarang, iaitu lebih daripada RM1.4 bilion, Kementerian sedang membincang dengan Kementerian Kewangan, macam manakah kita boleh menyelesaikan.....

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ingin penjelasan sama ada projek ini ialah satu kerjasama (joint-venture) di antara SEB dengan negara-negara yang lain seperti negara China?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ada juga permintaan-permintaan dari negara China apabila saya melawat ke negara China, iaitu minta kerjasama sama ada mereka boleh melaksanakan projek ini. Tetapi rekabentuk belum diselesaikan lagi. Saya percaya dalam tempoh 9 bulan akan datang, rekabentuk ini akan diselesaikan. Selepas itu, Kerajaan akan menimbang. Ada juga banyak permintaan-permintaan daripada kontrak-kontrak dari negara China yang suka juga menjalankan beberapa projek elektrik di sini yang boleh dipertimbangkan oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kos janakuasa di Sabah yang sangat tinggi, seperti apa yang saya katakan di Dewan yang mulia beberapa bulan yang lalu, kepada kegunaan domestik, kadarnya ialah lebih kurang RM1.00 seunit. Di Semenanjung kadar harga ialah bukan 20 sen, dan kita jual pada 18 sen, tetapi harga janakuasanya lebih kurang

11 sen atau 12 sen sahaja. Ini harga TNB, bukan harga IPP. Harga IPP itu berlainan daripada harga TNB. Ini harga TNB oleh kerana mereka mempunyai banyak mesin lama yang sedang menjalankan janakuasa sekarang.

Jadi, kita akan mengambil tindakan ke atas semua masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan juga Yang Berhormat dari Kepong untuk menyelesaikan. Saya sendiri juga mahu menyelesaikan masalah ini di negeri Sabah. Apabila saya melawat—saya tidak kira sama ada Sabah di bawah parti Pembangkang atau tidak—kita juga adakan mesyuarat-mesyuarat di mana Menteri-Menteri daripada Sabah dijemput untuk bersama-sama dengan kita dan kita bincang dengan mereka. Baru-baru ini, iaitu dua atau tiga minggu yang lalu, saya juga ada membincangkan dengan Menteri Kewangan Sabah untuk mendapat tahu macam manakah kita boleh menyelesaikan masalah ini. Saya percaya persahabatan di antara kita tidak rosaklah. Politik itu lain dan menjalankan urusan Kerajaan itu lain. Itu untuk rakyat.

Itu sahajalah, Tuan Pengerusi, penjelasan daripada saya, dan saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM36,240,000 yang disebutkan dalam Maksud P.49 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1993 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM36,240,000 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1993.

Maksud P.51 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1993]—

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas sekarang.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM31,850,000 yang disebutkan dalam Maksud P.51 di dalam Anggaran Pembangunan Kedua bagi tahun 1993 di bawah Kementerian Luar Negeri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM31,850,000 untuk Maksud P.51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1993.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan

bahawa wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu ratus tiga puluh enam juta, satu ratus tiga ribu, lima ratus lapan puluh (RM136,103,580) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1993, untuk menampung Ringgit Malaysia satu ratus tiga puluh enam juta, satu ratus tiga ribu, lima ratus lapan puluh (RM136,103,580) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1993 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 Tahun 1993 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1993 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu ratus tiga puluh enam juta, satu ratus tiga ribu, lima ratus lapan puluh (RM136,103,580) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1993, untuk menampung Ringgit Malaysia satu ratus tiga puluh enam juta, satu ratus tiga ribu, lima ratus lapan puluh (RM136,103,580) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1993 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 Tahun 1993 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu ratus tiga puluh enam juta, satu ratus tiga ribu, lima ratus lapan puluh (RM136,103,580) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1993, untuk menampung Ringgit Malaysia satu ratus tiga puluh enam juta, satu ratus tiga ribu, lima ratus lapan puluh (RM136,103,580) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1993 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 Tahun 1993 dan disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

UCAPAN PENANGGUHAN

Expressway Shapadu-Melebarkan

7.21 mlm.

Tuan Fong Kui Lun [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa Lebuhraya Persekutuan dan Lebuhraya Lembah Klang Utara memainkan peranan utama dalam membantu mempercepatkan perjalanan banyak kenderaan dari Kuala Lumpur ke Klang dan banyak wang dapat diselamatkan dari kecepatan perjalanan.

DAP sendiri tidak menafikan kebaikan dari pembesaran dan pelebaran lebuhraya-lebuhraya tersebut. Akan tetapi, satu masalah yang berlarutan berlaku ialah Shapadu Expressway yang

dibina dari Lebuhraya Persekutuan hingga ke Pelabuhan Utara dari tempoh sebelum Lebuhraya Lembah Klang Utara dibina adalah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti sekejap ya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Kuorum tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Setiausaha, sila hitung.

[Ahli-Ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

[Ahli-Ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kita kekurangan kuorum, Majlis Mesyuarat terpaksa ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang Isnin depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.25 malam.